

**KEFAHAMAN WANITA TERHADAP PERUNTUKAN HAK
SELEPAS BERCERAI MENURUT ENAKMEN
UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
NEGERI KELANTAN NO. 6/2002:
KAJIAN DI KOTA BHARU**

MOHD KHAIRUL ANUAR BIN ISMAIL

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**KEFAHAMAN WANITA TERHADAP PERUNTUKAN HAK
SELEPAS BERCERAI MENURUT ENAKMEN
UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
NEGERI KELANTAN NO. 6/2002:
KAJIAN DI KOTA BHARU**

MOHD KHAIRUL ANUAR BIN ISMAIL

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN PENYELIDIKAN)**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

ABSTRAK

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6/2002 dan Negeri-negeri lain telah mengadakan peruntukan-peruntukan demi memastikan hak-hak wanita dijamin dan dilaksanakan seperti yang dituntut oleh Islam. Namun begitu, tidak dinafikan walaupun peruntukan disediakan, tetapi masih banyak berlaku di mana wanita diabaikan khususnya selepas bercerai. Kefahaman berhubung peruntukan hak-hak selepas bercerai merupakan satu keperluan kepada para wanita bagi mengelak daripada berlakunya pengabaian hak tersebut. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji kefahaman hak-hak selepas bercerai dalam kalangan wanita di Kota Bharu. Maklumat kajian diperoleh melalui pengedaran 384 borang soal selidik kepada wanita sekitar Kota Bharu yang berumur 20 tahun ke atas. Pemilihan sampel adalah dilakukan secara rawak. Data dianalisis menggunakan pengisian Statistic Package For Sosial Science (SPSS) Version 18.0. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden sedar akan hak mereka terhadap mas kahwin tertunggak, nafkah iddah, dan harta sepencarian selepas bercerai. Namun, majoriti mereka tidak menyedari akan hak mut'ah dan hadhanah selepas bercerai. Kajian juga mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kefahaman wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai mengikut peringkat umur dan tahap pendidikan. Namun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kefahaman wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai mengikut status perkahwinan.

ABSTRAK

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6/2002 dan Negeri-negeri lain telah mengadakan peruntukan-peruntukan demi memastikan hak-hak wanita dijamin dan dilaksanakan seperti yang dituntut oleh Islam. Namun begitu, tidak dinafikan walaupun peruntukan disediakan, tetapi masih banyak berlaku di mana wanita diabaikan khususnya selepas bercerai. Kefahaman berhubung peruntukan hak-hak selepas bercerai merupakan satu keperluan kepada para wanita bagi mengelak daripada berlakunya pengabaian hak tersebut. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji kefahaman hak-hak selepas bercerai dalam kalangan wanita di Kota Bharu. Maklumat kajian diperoleh melalui pengedaran 384 borang soal selidik kepada wanita sekitar Kota Bharu yang berumur 20 tahun ke atas. Pemilihan sampel adalah dilakukan secara rawak. Data dianalisis menggunakan pengisian Statistic Package For Sosial Science (SPSS) Version 18.0. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden sedar akan hak mereka terhadap mas kahwin tertunggak, nafkah iddah, dan harta sepencarian selepas bercerai. Namun, majoriti mereka tidak menyedari akan hak mut'ah dan hadhanah selepas bercerai. Kajian juga mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kefahaman wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai mengikut peringkat umur dan tahap pendidikan. Namun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kefahaman wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai mengikut status perkahwinan.

ABSTRACT

The Enactment of Kelantan Islamic Family Law No. 6/2002, together with other states had allocated provisions to ensure that women's rights should be recognised, guaranteed and implemented as required by Islamic law. However, there is no doubt that despite the formulation of such provisions, there is still a high number of cases showing that divorced women are being ignored to handle this matrimonial problem alone. Therefore, an exposure to women's rightful post-divorce provisions is paramount to guide them through the process and resolve the matter effectively. The main purpose of this study was to investigate the understanding of women's rights after divorce particularly among the Kelantanese woman in Kota Bharu. Information was obtained through the distribution of 384 questionnaires to the female respondents around Kota Bharu aged 20 years and above. The sampling was done randomly. All data were gathered and analysed using Statistics Package for Social Science (SPSS) Version 18.0. This study revealed that majority of respondents was aware of their rights about mas kahwin tertunggak (back dowry), nafkah idah (maintenance) and harta sepencarian (matrimonial property) after a divorce. However, the study also discovered that a large number of respondents were not aware of their right in mut'ah (consolatory gift) and hadhanah (child custody) following the legal dissolution of their marriage. The study also discovered that there was a significant difference in the rights awareness in relation to women's age and educational level. Nevertheless, there was no significant difference in the consciousness of the rights of women after a divorce based on different marital statuses.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
إِن الْحَمْدُ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنُتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا، وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ
يَهْدِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

Terlebih dahulu penulis memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia rahmatNya yang teramat luas. Salam dan selawat kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabatnya, serta sekalian pengikutnya hingga ke hari akhirat. Dengan rahmat Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada hambanya, maka dapatlah saya menyiapkan penulisan ilmiah ini, walaupun telah menghadapi pelbagai halangan dan ujian.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan buat penyelia saya yang dihormati iaitu Profesor Madya Dr. Raihanah Hj. Abdullah yang sentiasa sabar dan tidak mengenal erti jemu dalam mencurahkan ilmunya, memberi bimbingan, tunjuk ajar dan motivasi kepada penulis semenjak dari awal penulisan disertasi ini sehingga selesai. Sekalung penghargaan ditujukan khas buat para pensyarah di Akademi Pengajian Islam khususnya di jabatan Syariah dan Undang-undang atas curahan ilmu yang bermanfaat sepanjang pengajian saya. Didoakan agar setiap butir mutiara ilmu yang ditaburkan, mendapat ganjaran pahala daripada Allah S.W.T.

Penulis juga turut merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Undang-undang Tan Sri Profesor Ahmad Ibrahim Universiti Malaya. Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia. Segala maklumat yang diperolehi

daripada institusi yang dinyatakan di atas telah berjaya merealisasikan penulisan disertasi ini.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, MAIK, Jabatan Bantuan Guaman, Bank Simpanan Nasional, Open University Malaysia, Sekolah Menengah Ugama Arab Maa'had Muhammadi dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail atas kerjasama yang diberikan bagi menjayakan penyelidikan dalam penulisan disertasi ini. Turut dihargai kerjasama para responden dalam kalangan wanita sekitar Kota Bharu serta individu dan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak. Insyā Allah, kita semua tergolong dalam golongan mereka yang mencintai ilmu dan mengembangkannya kepada orang lain agar beroleh keberkatan daripada Allah S.W.T.

Ucapan penuh penghargaan ini juga penulis tujukan khas buat ayahanda dan bonda tercinta Ismail bin Abdullah dan Siti Halijah binti Haron atas limpahan kasih sayang yang dicurahkan selama ini serta pengorbanan yang tidak terhingga sama ada berbentuk material mahupun spiritual. Tidak dilupakan juga buat saudaraku yang dikasihi abang-abang, kakak-kakak, adik, serta rakan-rakan seperjuangan. Segala jasa baik kalian akan dikenang selagi hayat dikandung badan.

Semoga dengan segala sumbangan dan kerjasama yang diberikan oleh pelbagai pihak di atas, akan beroleh ganjaran yang setimpal di sisi Allah S.W.T. Diharapkan agar hasil penulisan ini dapat dijadikan risalah yang bermanfaat khususnya untuk diri saya dan para pembaca umumnya.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI ILUTRASI	x
SENARAI STATUT	xii
SENARAI KES	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI TRANSLITERASI	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xix
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Objektif kajian	7
1.4 Hipotesis Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Huraian Istilah	11
1.7 Skop Kajian	12
1.8 Kajian Lepas	13
1.9 Metodologi Kajian	18
1.10 Sistematika Penulisan	22
1.11 Kesimpulan	24

BAB II HAK WANITA SELEPAS BERCERAI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

2.1	Pengenalan	25
2.2	Konsep Perceraian Menurut Islam	26
2.2.1	Dalil Pensyariatan Talak	27
2.2.2	Hukum Perceraian	29
2.2.3	Bentuk-bentuk perceraian	30
2.3	Hak-hak Wanita Selepas Perceraian Menurut Hukum Syarak	35
2.3.1	Mahar	35
2.3.2	Nafkah Iddah	38
2.3.3	Mut'ah	41
2.3.4	Harta Sepencarian	44
2.3.5	Hadhanah	45
2.4	Kesimpulan	48

BAB III PERUNTUKAN HAK WANITA SELEPAS BERCERAI DI BAWAH ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI KELANTAN NO.6/2002

3.1	Pengenalan	50
3.2	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan:	
	Satu Pengenalan	51
3.2.1	Konsep Undang-undang Keluarga Islam	51
3.2.2	Kedatangan Islam di Kelantan	54
3.2.4	Sejarah Penggubalan Enakmen Undang-undang Islam Negeri Kelantan.	55

3.2.3	Pembaharuan dan Reformasi	61
3.3	Peruntukan Hak Wanita Selepas Bercera di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6/2002	63
3.3.1	Hak Terhadap Mas Kahwin Tertunggak	64
3.3.2	Hak Terhadap Mut'ah	66
3.3.3	Hak Terhadap Nafkah Iddah	68
3.3.4	Hak Terhadap Harta Sepencarian	71
3.3.5	Hak Hadhanah	75
3.4	Kesimpulan	82
BAB IV	ANALISIS KEFAHAMAN WANITA TERHADAP PERUNTUKAN HAK SELEPAS BERCERAI DI KOTA BHARU	
4.1	Pengenalan	83
4.2	Reka Bentuk Kajian	83
4.2.1	Lokasi Kajian	84
4.2.2	Populasi dan Sampel Kajian	85
4.2.3	Instrumen Kajian	86
4.2.4	Kajian Rintis	87
4.2.5	Prosedur Pengumpulan Data	87
4.2.6	Proses Penganalisan Data	88
4.3	Dapatan Kajian	89
4.3.1	Bahagian A: Maklumat Demografi Responden	89
4.3.2	Bahagian B: Analisis Pengetahuan dan Kefahaman Wanita Terhadap Hak-hak Selepas Bercera	91

4.3.3	Bahagian C: Tindakan Responden Terhadap Hak-hak Mereka Selepas Berceraai atau Sekiranya Berceraai	99
4.3.4	Bahagian D: Aksesibiliti Maklumat Responden Terhadap Undang-undang Keluarga Islam Berkaitan Hak-hak Wanita Selepas Berceraai	104
4.3.5	Hubungan Antara Kefahaman Responden Tentang Peruntukan Hak Selepas Berceraai Berdasarkan Faktor Demografi	113
4.4	Kesimpulan	117
 BAB V PENUTUP		
5.1	Pengenalan	119
5.2	Penutup	119
5.3	Cadangan	122
5.4	Kesimpulan	126

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI ILUTRASI

Jadual	Halaman
Jadual 4.1: Jumlah penduduk mengikut jantina di Kota Bharu.	85
Jadual 4.2: Taburan responden mengikut umur.	90
Jadual 4.3: Taraf pendidikan responden.	91
Jadual 4.4: Status perkahwinan responden.	91
Jadual 4.5: Kefahaman tentang hak-hak wanita selepas bercerai.	92
Jadual 4.6: Kefahaman responden berdasarkan jenis hak selepas bercerai.	94
Jadual 4.7: Persepsi responden berkaitan hak mas kahwin.	95
Jadual 4.8: Persepsi responden berkaitan hak mut'ah.	96
Jadual 4.9: Persepsi responden berkaitan nafkah iddah.	97
Jadual 4.10: Persepsi responden berkaitan hadhanah.	98
Jadual 4.11: Persepsi responden berkaitan harta sepencarian.	99
Jadual 4.12: Tindakan responden terhadap tuntutan hak-hak selepas bercerai.	100
Jadual 4.13: Cara-cara responden membuat tuntutan hak sekiranya bercerai.	101
Jadual 4.14: Faktor yang mendorong tuntutan dibuat sekiranya bercerai.	102
Jadual 4.15: Faktor responden tidak membuat tuntutan hak mereka selepas bercerai.	103
Jadual 4.16: Pernah melihat Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6 Tahun 2002.	105
Jadual 4.17: Pembacaan berkaitan peruntukan hak selepas bercerai dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6/2002.	106
Jadual 4.18: Pengalaman penyertaan seminar, ceramah atau kursus tentang hak-hak wanita selepas bercerai.	107
Jadual 4.19: Penyertaan seminar, ceramah atau kursus tentang hak-hak wanita selepas bercerai pada masa akan datang.	108

Jadual 4.20:	Sumber rujukan maklumat tentang hak-hak selepas bercerai.	110
Jadual 4.21:	Penyediaan maklumat yang mencukupi dalam televisyen dan radio berkaitan undang-undang keluarga Islam.	111
Jadual 4.22:	Penyediaan maklumat yang mencukupi dalam media cetak berkaitan undang-undang keluarga Islam.	112
Jadual 4.23:	Keperluan terhadap penerangan lanjut berhubung hak-hak wanita selepas bercerai.	113
Jadual 4.24:	Hubungan antara kefahaman tentang hak-hak selepas bercerai dengan faktor umur.	114
Jadual 4.25:	Hubungan antara kefahaman tentang hak-hak selepas bercerai dengan faktor taraf pendidikan .	115
Jadual 4.26:	Hubungan antara kefahaman tentang hak-hak selepas bercerai dengan faktor taraf perkahwinan.	116

SENARAI STATUT

- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6 Tahun 2002.
(Enakmen No. 6/2002).
- The Moslem Marriage and Divorce Enactment 1983, (Enakmen No. 22/1938).
Kerajaan Negeri Kelantan
- Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan Tahun 1983 (Enakmen No.
1/1983)
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Akta No. 1260/2006).

SENARAI KES

Kes	Halaman
- Ahmad lwn Aishah (1997) 1 JH (1) 53.	81
- Awang lwn Shamsuddin (1997) JH 11.	72
- Bidah lwn Abdul Ghani (1982) 4 JH 225	74
- Boto' bin Taha lwn Jaafar bin Muhamed (1985) 2 MLJ 98.	72
- Hajjah Lijah binti Jamal lwn Fatimah binti Mat Diah (1950) 16 MLJ 63.	72,74
- Mamat lwn Fatimah (1978) 1 JH (1) 63.	75
- Mohamed lwn Azizah (1979) 1 JH (1) 79.	81
- Ningal @ Yang Chik bin hashim lwn Jamal bin Abdul Rahman (1986) 6 JH 146.	66
- Noor Bee lwn Ahmad Shanusi (1978) 1 JH (2) 63.	71
- Piah bt. Said lwn Che Lah bin Awang (1983) 2 JH 220.	66,72
- Ramlah lwn Mohamed (1980) 1 JH (2) 77.	68
- Siti Zamrah lwn Maliki (1986) 6 JH 130.	66
- Sha'ari bin Mat lwn Teh bin Hashim (1983) JH 108.	66
- Tengku Anun Zaharah bt Tengku Abdul Hamid lwn Dato' Dr Hussein bin Mohd Yusof (1980) 2 JH 125.	68
- Wan Khadijah lwn Ismail (1975) 1 JH (1) 53.	81
- Zainah Iskandar lwn Dato, Seri Mohd Najib Abdul Razak (2004) CLJ (Sya) 347.	68
- Zainuddin lwn Anita (1983) 4 JH 73.	71

SENARAI SINGKATAN

Bil.	Bilangan
cet.	Cetakan
CLJ	Current Law Journal
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
ed.	Edisi
EUUKI	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam
<i>et al (eds.)</i>	Terdapat editor-editor lain
F	Frikuensi
H	Hijrah
Ho	Hipotesis Nul
<i>Ibid</i>	<i>Ibidem</i> (pada tempat yang sama)
JH	Jurnal Hukum
jil.	Jilid
juz.	Juzu'
<i>lwn</i>	Lawan
M	Masehi
MAIK	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
MLJ	Malayan Law Journal
NGO	National Government Organization
no.	Nombor
PMR	Penilaian Menengah Rendah
S.A.W	Ṣallallāhu ‘Alaihi Wa Sallam
S.W.T	Subḥānahu Wa Ta‘ālā
SPSS	Statistic Package For Sosial Science
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia

SRP	Sijil Rendah Pelajaran
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
Sya.	Syariah
terj.	Terjemahan
t.t.	Tiada tarikh
t.p.	Tanpa penerbit
t.tp.	Tanpa tempat, tarikh dan penerbit
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
UM	Universiti Malaya
Vol.	Volum
%	Peratus

PANDUAN TRANSLITERASI

1. Konsonan

HURUF ARAB	NAMA DAN TRANSKIPSI
ا	a, ' (hamzah)
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	ṣ
ش	sh
ص	s
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh

ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h

2. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
(Fathah) اَ	A	قَنَاتَ	qanata
(Kasrah) اِ	I	سَلِمَ	salima
(Ḍammah) اُ	U	جُعِلَ	ju‘ila

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اِي / اِي	Ā	وَكِيلُ / بَابُ	Bāb / kubrā
يِي	Ī	كُبْرَى	Wakīl
وِي	Ū	سُورَةُ	sūrah

3. Diftog

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
وَ	Aw	قَوْلَ	qawl
يَ	ay	خَيْرَ	khayr
وُ	Uww	قُوَّةَ	quwwah
يِ	iy/i	عَرَبِيَّ	‘Arabiy/i

Catatan:

Perkataan-perkataan Arab yang telah dimelayukan melalui kamus dewan tidak ditransliterasikan seperti syariah, hukum, imam, ijtihad, kecuali apabila perkataan-perkataan tersebut digunakan dalam frasa Arab seperti *ijtihād*, *al-Qur’ān*, *al-Ḥadīth*, *al-Sharī’ah* dan lain-lain.

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A: Borang Soal Selidik.
- Lampiran B: Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan.
- Lampiran C: Peta Negeri Kelantan
- Lampiran D: Taburan Penduduk di Kelantan.
- Lampiran E: Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.
6/2002.
- Lampiran F: Jadual Sampel Kajian

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Islam adalah agama yang diredai Allah S.W.T, agama yang syumul, unggul dan sesuai dengan fitrah manusia pada setiap masa dan zaman. Islam juga adalah agama yang memimpin umat manusia ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat serta memenuhi segala kehendak dan keperluan umatnya juga mampu menyelesaikan segala masalah yang mereka hadapi. Peraturan dan undang-undangnya adalah unggul, berwibawa, adil serta sesuai untuk setiap individu, masa dan tempat.

Islam meletakkan setiap umat manusia pada pandangan yang sama tanpa membezakan mereka sama ada berlainan jantina, bangsa, bahasa atau warna kulit. Prinsip persamaan yang dianjurkan Islam merupakan satu prinsip yang murni dan sejagat demi untuk kepentingan dan manfaat manusia. Namun apa yang berbeza dalam kalangan mereka adalah keimanan dan ketakwaan seseorang sebagaimana Firman Allah Ta'ālā:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَّقَهُ ۖ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Al-Hujurāt 49:13

Maksudnya: “Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui,

lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)”.
 10

Dilihat dari segi persamaan antara lelaki dan wanita, kedua-duanya mempunyai persamaan di sisi Islam iaitu dari segi hak dan tanggungjawab, dari segi kemanusiaan dan perasaan, dari segi akidah, kerohanian dan akhlak. Akan tetapi persamaan antara wanita dan lelaki bukanlah dalam setiap aspek. Lelaki dan wanita diciptakan kejadiannya oleh Allah S.W.T mempunyai pertumbuhan fizikal dan lahiriah yang berbeza. Dengan adanya perbezaan ini, semestinya peranan dan tanggungjawab dalam menjalani kehidupan ini juga akan berbeza sesuai dengan sifat dan kejadian tabii masing-masing.

Islam menempatkan kaum wanita di tempat yang tinggi dan terhormat, sesuai dengan kedudukan mereka sebagai manusia yang dijadikan Allah S.W.T dengan sebaik-baik makhluk dan dimuliakan. Wanita dan lelaki mempunyai persamaan tetapi tidak secara total, mereka perlu hidup bersama, lengkap melengkapi, sempurna menyempurnakan, tolong-menolong dan memerlukan antara satu sama lain. Hal demikian bertepatan dengan Firman Allah S.W.T:

ج
يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاهُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا

Al-Hujurāt 49:13

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain).

Islam memberikan hak kepada wanita sesuai dengan tugas, peranan dan tanggungjawab mereka serta sesuai dengan sifat dan bentuk kejadian mereka. Lebih jauh dari itu, hak mereka ini bukan sahaja diberikan oleh Islam, malahan perlu dijaga, dilindungi serta dipertahankan. Mencabul hak mereka bererti melakukan kezaliman, menentang peraturan dan undang-undang Allah S.W.T serta mengkhianati amanah yang telah Allah Ta'ālā berikan.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada zaman Jahiliah, wanita diletakkan pada taraf yang amat rendah dalam kalangan masyarakat. Golongan wanita dianggap hina, tidak mempunyai hak dan kedudukan, tidak boleh memiliki harta dan sebagainya. Wanita pada zaman jahiliah hanya dijadikan alat untuk memuaskan nafsu lelaki. Kedudukan wanita tidak terbelah dan tidak diberi hak sewajarnya serta nilai dan maruah wanita dianggap rendah.¹ Suami bagi wanita yang hamil anak perempuan akan terlebih dahulu membuat persediaan menggali lubang untuk menguburkan anak perempuan mereka hidup-hidup untuk mengelak dari mendapat malu dan menanggung bebanan hidup dan kemiskinan di kemudian hari. Amalan membunuh anak perempuan hidup-hidup bagi masyarakat Arab Jahiliah adalah suatu kebaikan dan anak lelaki adalah satu kebanggaan dan kegembiraan.²

Kedatangan Islam telah merubah segala penghinaan, penindasan dan kezaliman yang dilakukan kepada kaum wanita. Islam telah mengangkat martabat wanita, mengembalikan kedudukannya, dimuliakan, dikembalikan haknya yang telah dirampas dan diiktiraf oleh lelaki dalam kehidupan. Wanita juga diberikan kedudukan yang sama sebagai individu dalam masyarakat. Dalam perundangan Islam, wanita

¹ Che Zarina Sa'ari dan Joni Tamkin Borhan, "Peranan Wanita Dalam Pengukuhan Akidah Umat Islam", *Jurnal Usuluddin*, no. 23-24 (2006) 36-40.

² Noor Aziah Haji Mohd Awal, "Pembelaan Hak Wanita Melalui Undang-undang di Malaysia". dicapai 27 Jan 2011, <http://www.ukm.my/hadhari/sites>.

mempunyai hak dalam kehidupan seperti hak manusia lain. Antaranya, hak untuk hidup, hak mendapat pendidikan, hak dilayan secara adil dan bermaruah, hak memilih pasangan, hak menyimpan harta, hak bekerja, hak bersuara dan sebagainya.³

Manakala, dalam sistem perundangan keluarga Islam pula, wanita mempunyai hak tertentu yang telah digariskan iaitu hak memilih suami, hak menuntut ganti rugi sekiranya berlaku putus tunang tanpa alasan munasabah, hak untuk berkahwin, dilindungi dan dijaga dengan baik oleh suami, hak mendapat nafkah, hak menuntut perceraian sama ada menggunakan fasakh atau taklik sekiranya dizalimi, ditinggalkan tanpa nafkah dan sebagainya. Begitu juga wanita tidak dinafikan untuk menuntut harta sepencarian jika berlaku perceraian, menuntut hak jagaan atau hak lawatan anak, menuntut mut'ah dan sebagainya.⁴

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6 Tahun 2002 telah mengadakan peruntukan-peruntukan demi untuk memastikan hak wanita sebagai anak, sebagai isteri, sebagai ibu dan sebagai janda dijamin dan dilaksanakan seperti yang dituntut oleh Islam. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang digubal tersebut jelas amat berkesan dalam mengurangkan kadar perceraian yang berlaku di Kelantan. Hal demikian dibuktikan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Hj. Abdul Hamid Omar yang menyatakan bahawa penguatkuasaan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di Kelantan telah berjaya menurunkan kenaikan purata peratus kes perceraian kepada tahap yang paling rendah iaitu daripada 1151 kes perceraian pada tahun 1985 kepada 1168 kes perceraian tahun 1986.⁵

³ Noor Aziah Haji Mohd Awal, "Pembelaan Hak Wanita Melalui Undang-undang di Malaysia". dicapai 27 Jan 2011, <http://www.ukm.my/hadhari/sites>.

⁴ Noor Aziah Haji Mohd Awal, "Pembelaan Hak Wanita Melalui Undang-undang di Malaysia". dicapai 27 Jan 2011, <http://www.ukm.my/hadhari/sites>.

⁵ Hj. Abdul Hamid Omar, "Penguatkuasaan Enakmen Keluarga Islam Turunkan Peratus Cerai di Kelantan", *Berita Harian*, 29 November 1986, 4.

Menurut Abdul Kadir Hj. Muhammad pula, sebelum penguatkuasaan undang-undang tersebut kadar perceraian adalah begitu tinggi. Namun, setelah penguatkuasaan undang-undang tersebut kadar perceraian berkurang melebihi separuh daripada kadar kebiasaan tahun-tahun sebelumnya. Hal ini dibuktikan dengan kadar peratusan perceraian di seluruh negeri Kelantan yang semakin menurun iaitu daripada 41 peratus pada tahun 1980 kepada 17.9 peratus pada tahun 1984.⁶ Perkara tersebut disokong oleh hasil kajian Norazlina binti Mohd Nasir yang menyatakan bahawa antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya perceraian di luar Mahkamah ialah kerana kejahilan berkaitan peruntukan undang-undang sama ada hukum Syarak ataupun enakmen negeri-negeri.⁷

Namun begitu, tidak dinafikan walaupun peruntukan disediakan, tetapi masih banyak berlaku keadaan di mana wanita diabaikan khususnya selepas bercerai seperti tidak diberi nafkah iddah dan mut'ah, harta sepencarian tidak dibahagikan dan anak dilarikan daripada mereka. Peruntukan sedia ada memang sudah baik dan memberi jalan untuk kaum wanita mendapatkan hak mereka, tetapi ia hanya akan menjadi peruntukan undang-undang jika tidak digunakan.⁸ Hal demikian terjadi adalah disebabkan oleh kurangnya kefahaman dalam kalangan wanita terhadap hak-hak yang diperuntukkan terhadap mereka di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam.

Kefahaman berhubung hak dan undang-undang tersebut merupakan satu keperluan khususnya para wanita kerana tanpa menyedarinya seseorang itu mudah di ketepikan. Ini kerana kebanyakan kes yang melibatkan kaum wanita seperti perkahwinan, perceraian dan penganiayaan adalah berpunca daripada kurangnya pengetahuan tentang hak sebenar mereka. Perkara tersebut dijelaskan oleh Dr. Zaleha

⁶ Abdul Kadir Hj. Muhammad, "Keberkesanan Undang-undang Baru Keluarga Islam Dalam Mengurangkan Kadar Perceraian di Malaysia", *Jurnal Syariah* 1, bil. (1993), 231-232.

⁷ Norazlina binti Mohd Nasir, "Pembaharuan Dalam Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia" (Kertas Projek Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002), 62-13.

⁸ Nurhidayah Muhd Hashim, "Cetek Pengetahuan Punca Wanita Tak Pertahan Hak". *Berita Harian Online*, 12 Oktober 2010.

Kamaruddin bahawa statistik menunjukkan kebanyakan kes yang melibatkan jenayah terhadap kaum wanita tidak dilaporkan kerana sikap malu yang keterlaluan serta ramai wanita yang masih samar-samar di antara hak dan tanggungjawab mereka.⁹

Manakala menurut Hajah Masnon bt. Hj. Ibrahim dalam kajiannya menjelaskan bahawa secara umumnya wanita kurang mengambil perhatian yang cukup terhadap hak dan kedudukan mereka sama ada berdasarkan hukum syarak apatah lagi di bawah peruntukan undang-undang. Ini mendedahkan mereka kepada penafian sesetengah hak atau penafian dalam sesetengah keadaan yang lain. Apabila berlaku perselisihan faham, persengketaan, penderaan atau perceraian antara suami dan isteri, sesetengah wanita tidak mengetahui dan tidak menyedari adanya hak-hak mereka yang diperuntukkan di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam.¹⁰

Hal demikian dikuatkan lagi oleh pendapat Sulaiman Endut bahawa dalam banyak kes didapati kaum isteri pada hari ini terlalu baik hati kerana tidak membuat sebarang tuntutan sebaliknya menghalalkan apa sahaja perbuatan bekas suami selepas bercerai. Hal ini bukan sahaja menguntungkan pihak suami, malah turut menambahkan derita isteri kerana terpaksa memikul beban tanggungan terhadap anak-anak tanpa campur tangan pihak suami. Inilah peluang yang dinantikan oleh pihak suami untuk membebaskan dirinya dari sebarang tuntutan.¹¹

Menurut Datin Noor Aziah Haji Mohd Awal pula, secara amnya wanita hari ini masih kurang pengetahuan mengenai haknya di sisi undang-undang. Ramai wanita mengalami masalah di tempat kerja, di rumah dengan keluarga atau suami dan juga dengan jiran tetangga tetapi kebanyakan masalah ini dibiarkan berlarutan atau

⁹ Najibah Hassan, "Wanita Perlu Tahu Hak Mereka", *Utusan Malaysia*, 16 Disember 1995, 21.

¹⁰ Hajah Masnon bt. Hj. Ibrahim, "Hak Wanita Dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Brunei" (Disertasi Doktor Falsafah Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001).

¹¹ Wan Norazah Wan Chik, "Buta Hak Punca Wanita Dianiaya", *Utusan Malaysia*, 13 April 1995, 19.

dipendamkan begitu sahaja. Kebanyakan wanita kerana sifat kewanitaannya, lebih sanggup menanggung derita dari membuka pekung di dada.¹²

Sehubungan dengan itu, kaum wanita perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan yang secukupnya mengenai hak mereka dalam perkahwinan agar sesuatu yang buruk dapat dicegah daripada berlaku dalam hidup mereka kelak. Pengetahuan tersebut perlu merangkumi hak-hak mereka sebelum, semasa dan selepas berkahwin. Dengan mengetahui hak mereka, wanita akan terbela dari dianiaya. Penganiayaan dan penindasan terhadap wanita tidak akan berlaku jika mereka mengetahui hak-hak mereka. Kejahilan tentang hak diri sendiri menyebabkan tiada tindakan dapat diambil walaupun mereka telah ditindas sekian lama.¹³

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Untuk menyempurnakan tajuk kajian ini, penulis menyenaraikan beberapa tujuan kajian yang lebih khusus serta menepati kehendak tajuk iaitu;

- i. Untuk menjelaskan mengenai hak-hak wanita selepas bercerai menurut perspektif syarak.
- ii. Untuk mengkaji kefahaman wanita terhadap peruntukan hak mereka selepas bercerai dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6 Tahun 2002.
- iii. Untuk mengkaji aksesibiliti maklumat wanita terhadap undang-undang Keluarga Islam berkaitan hak-hak selepas bercerai.

¹² Noor Aziah Haji Mohd Awal, "Pembelaan Hak Wanita Melalui Undang-undang di Malaysia", dicapai 27 Jan 2011, <http://www.ukm.my/hadhari/sites>.

¹³ Wan Norazah Wan Chik, "Buta Hak Punca Wanita Dianiaya", *Utusan Malaysia*, 13 April 1995, 19.

- iv. Untuk mengkaji hubungan antara kefahaman wanita tentang peruntukan hak selepas bercerai berdasarkan faktor demografi (umur, tahap pendidikan dan status perkahwinan).

1.4 HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan kepada objektif kajian ketiga, pengkaji telah menggariskan beberapa hipotesis kajian sepertimana berikut:

- H₁: Terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kefahaman wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai mengikut peringkat umur.
- H₂: Terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kefahaman wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai mengikut tahap pendidikan.
- H₃: Terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kefahaman wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai mengikut faktor status perkahwinan.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Undang-undang Keluarga Islam merupakan undang-undang yang mengendali hal ehwal perkahwinan, perceraian dan apa yang berkaitan dengan kedua perkara tersebut. Oleh kerana itu, pengetahuan tentang hak-hak yang diperuntukkan dalam Undang-undang Keluarga Islam adalah penting khususnya bagi wanita agar dapat mempertahankan hak mereka daripada dicerobohi.

Justeru itu, kajian ini penting khususnya kepada pihak-pihak yang terbabit dalam memberikan pendedahan demi membantu ke arah membuka minda dan pandangan kaum wanita terhadap hak mereka yang sebenar menurut Enakmen

Undang-undang Keluarga Islam seterusnya meningkatkan pengetahuan, pemahaman dan kesedaran terhadap hak-hak mereka selepas bercerai. Antaranya ialah:

i. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)

Kajian ini adalah penting bagi pihak MAIK kerana daripada hasil dapatan kajian ini, secara tidak langsung pihak MAIK dapat mengetahui, menilai serta meneliti kesedaran wanita terhadap peruntukan hak mereka selepas bercerai. Lanjutan daripada itu, pihak MAIK dapat mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi meningkatkan lagi kefahaman dalam kalangan mereka. Hal demikian adalah bertepatan dengan salah satu objektif MAIK iaitu bagi membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamis dan progresif yang sentiasa mencari keredhaan Allah.¹⁴

ii. Jabatan Agama Islam Jajahan Kota Bharu

Hasil dapatan kajian ini adalah penting kepada Jabatan Agama Islam Jajahan Kota Bharu kerana ianya boleh digunakan sebagai maklumat bagi pihak berkuasa agama daerah dalam memberikan kefahaman kepada wanita mengenai peruntukan hak selepas bercerai sekaligus dapat mengatur strategi yang lebih berkesan bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan wanita mengenainya. Di samping itu juga, ianya secara tidak langsung juga dapat membantu pegawai kaunselor Unit Perundangan Keluarga serta perunding hal ehwal kekeluargaan dalam mengendalikan sesi khidmat keluarga serta memberi pendedahan kepada masyarakat awam berkaitan peruntukan hak wanita selepas bercerai.

iii. Mahkamah Syariah dan Jabatan Bantuan Guaman

Kajian yang dijalankan ini juga adalah penting kepada Mahkamah Syariah dan juga Jabatan Bantuan Guaman memandangkan kedua-dua Jabatan tersebut adalah berkait

¹⁴ "Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan", dicapai 26 September 2012, <http://www.e-maik.my>.

rapat dengan pengamalan dan penguatkuasaan undang-undang. Oleh kerana itu, hasil dapatan kajian ini adalah penting untuk mengetahui serta menilai kefahaman wanita terhadap peruntukan hak mereka selepas bercerai seterusnya mengambil langkah-langkah sewajarnya dalam membantu meningkatkan kesedaran tersebut dengan memberikan penerangan dan penjelasan yang terperinci kepada mereka yang terbabit berhubung peruntukan, prosedur serta urusan-urusan yang berkaitan hak-hak wanita selepas bercerai. Hal demikian adalah bertepatan dengan fungsi Jabatan Bantuan Guaman iaitu untuk memberikan kesedaran undang-undang kepada masyarakat tentang hak mereka di bawah undang-undang.¹⁵

iv. Pertubuhan Wanita atau National Government Organization (NGO)

Seterusnya, hasil kajian ini juga adalah penting kepada Pertubuhan Wanita atau National Government Organization (NGO) dalam merangka program-program yang mereka jalankan bagi tujuan memberikan kefahaman kepada wanita berkaitan hak-hak yang diperuntukkan terhadap mereka selepas bercerai seperti diskusi, seminar, ceramah, pameran, kempen dan sebagainya.

v. Ahli akademik dan penyelidik.

Seterusnya menjadi harapan penulis, kajian ini dijadikan sebagai bahan bacaan kepada para ahli akademik serta dijadikan perintis dan sumber rujukan kepada pengkaji-pengkaji pada masa akan datang seterusnya meningkatkan lagi penambahbaikan khususnya berkaitan hal ehwal keluarga Islam.

Secara umumnya kajian ini diharap dapat memberikan manfaat kepada semua pihak yang mempunyai kepentingan berkaitan dengan kaum wanita demi menjamin semua hak dan kedudukan setiap individu dalam sesebuah keluarga Islam terjamin

¹⁵ Jabatan Bantuan Guaman, <http://www.jbg.gov.my/>, 26 September 2012.

sebagaimana yang dituntut oleh Agama Islam dan juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan.

1.6 HURAIAN ISTILAH

Di dalam kajian yang dijalankan, terdapat beberapa istilah penting yang perlu dijelaskan dengan lebih tepat dari sudut maksudnya. Antaranya ialah perkataan kefahaman yang bermaksud keupayaan atau kemampuan seseorang memahami akan sesuatu.¹⁶ Penekanan yang diberikan dalam kajian ini adalah mengenai kefahaman dalam kalangan wanita di Kota Bharu berkaitan peruntukan hak-hak mereka selepas bercerai.

Perkataan peruntukan pula adalah bermaksud sesuatu yang telah ditetapkan atau ditentukan dalam undang-undang.¹⁷ Manakala hak pula dapat diertikan sebagai kuasa atas sesuatu atau untuk berbuat sesuatu yang ditentukan oleh undang-undang, agama, adat dan lain-lain.¹⁸ Adapun peruntukan hak yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah hanya meliputi peruntukan hak-hak wanita selepas bercerai.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6 Tahun 2002 pula adalah merupakan suatu enakmen bagi meminda dan menyatukan peruntukan Undang-undang Keluarga Islam mengenai perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan dan perkara-perkara lain berkaitan dengan kehidupan keluarga.¹⁹ Enakmen ini adalah terpakai bagi semua orang Islam yang tinggal dalam negeri Kelantan dan bagi semua orang Islam yang bermastautin dalam negeri Kelantan tetapi tinggal di luar negeri Kelantan.²⁰

¹⁶ *Kamus Dewan*, ed. baru (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 405, entri "faham".

¹⁷ *Ibid.*, 1440, entri "untuk".

¹⁸ *Ibid.*, 428, entri "hak".

¹⁹ Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6 Tahun 2002.

²⁰ *Ibid.*

Berdasarkan penjelasan di atas maka dapat disimpulkan bahawa kajian yang dijalankan ini adalah berkisar mengenai kefahaman dalam kalangan wanita di Kota Bharu berkaitan hak-hak mereka selepas bercerai yang diperuntukkan di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6 Tahun 2002.

1.7 SKOP KAJIAN

Undang-undang Keluarga Islam merupakan suatu bidang kajian yang amat luas. Oleh kerana itu, penulis merasakan perlu diberikan batasan kajian terhadap masalah yang dikaji iaitu kajian ini hanya tertumpu kepada hak-hak wanita selepas perceraian sahaja yang diperuntukkan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam.

Sebagaimana yang diketahui, setiap negeri mempunyai peruntukan Undang-undang Keluarga Islam Negeri masing-masing. Namun, pada asasnya terdapat keseragaman antara Undang-undang Keluarga Islam di negeri-negeri. Cuma mungkin terdapat perbezaan dari segi susunan frasa dalam peruntukan undang-undang atau cara pengendalian berdasarkan arahan atau pentadbiran Mahkamah di setiap negeri. Bagi memudahkan kajian, pengkaji hanya mengkhususkan kajian berdasarkan kepada Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6 Tahun 2002.

Seterusnya dari segi batasan lokasi, pengkaji merasakan perlu dibataskan kajian pada lokasi tertentu bagi memudahkan penyelidikan, menjimatkan kos dan kajian lebih terfokus. Oleh kerana itu, kajian ini hanya memfokuskan kajian di lokasi sekitar Kota Bharu, Kelantan. Pengkaji memilih Kota Bharu sebagai tempat kajian kerana hasil temu bual secara tidak langsung dengan pengamal undang-undang mendapati kebiasaannya wanita yang datang untuk mendapatkan khidmat nasihat dan guaman berkaitan hak-hak selepas bercerai tidak mengetahui berkaitan perkara tersebut

terutamanya berkaitan hak mut'ah.²¹ Oleh kerana itu, pengkaji merasa terpenggil untuk menjalankan kajian penyelidikan berkaitan perkara tersebut. Pemilihan lokasi tersebut juga adalah kerana majoriti masyarakat di Kota Bharu adalah beragama Islam yang kebanyakannya berketurunan Melayu iaitu merangkumi 90.2 peratus daripada jumlah keseluruhan masyarakat²² yang mana terdiri daripada pelbagai latar belakang sama ada dari segi tahap pendidikan, pendapatan dan pekerjaan.

Manakala dari segi responden pula, penumpuan hanya diberikan kepada sebahagian kecil populasi dan seterusnya membuat generalisasi. Justeru itu, populasi kajian ini hanya melibatkan 384 orang wanita yang berumur 20 tahun ke atas. Oleh kerana taburan populasi ini melibatkan kawasan yang luas maka pemilihan subjek kajian dibuat secara rawak bagi mewakili populasi kajian.

1.8 KAJIAN LEPAS

Penulis telah merujuk beberapa kajian lepas iaitu karya-karya ilmiah bagi membantu penulis dalam menyiapkan kajian penyelidikan ini. Berdasarkan pengkajian penulis terhadap kajian lepas, didapati bahawa perihal berkaitan kesedaran telah banyak dibincangkan oleh para pengkaji terdahulu melalui hasil penulisan mereka. Antaranya ialah berkaitan perihal hak-hak wanita selepas bercerai, maka pengkaji mendapati ianya juga telah banyak dibahaskan oleh para cendekiawan Islam dalam penulisan mereka. Ini kerana perceraian bukanlah merupakan satu topik baru yang dibincangkan. Bahkan ianya merupakan satu topik yang sentiasa dibahaskan oleh ulama'-ulama' fiqh dan juga para intelektual apabila membicarakan tentang perkahwinan disebabkan perkaitan rapat antara kedua-dua topik berkenaan. Adapun perbahasan tersebut juga tidak dapat tidak perlu merangkumi hak-hak yang

²¹ Nurul Huda binti Zakaria (Penolong Pegawai Undang-undang, Jabatan Bantuan Guaman Kelantan), dalam temubual dengan penulis, 16 Januari 2013.

²² Jabatan Perangkaan Malaysia, *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010*, 47.

dipertanggungjawabkan bukan sahaja dalam tempoh perkahwinan tetapi juga selepas perceraian. Hasil pembacaan penulis mendapati kitab-kitab fiqh kebanyakannya mengupas perbahasan berkaitan teori dan konsep, pensyariat, jenis, syarat serta beberapa aspek lain lagi secara umum termasuklah perbahasan mengikut pandangan mazhab. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor corak kehidupan masyarakat serta permasalahan yang timbul pada waktu tersebut tidak begitu menuntut kepada perbahasan dari sudut undang-undang.

Namun, jika diperhatikan hasil penulisan ahli akademik kontemporari pula, terdapat perbezaan dari sudut kupasan, kritikan dan permasalahan yang dibincangkan. Kebanyakan penulisan pada masa kini lebih terfokus kepada perbahasan tentang hak-hak wanita selepas perceraian dari sudut undang-undang. Hal demikian disebabkan faktor perkembangan pembaharuan Undang-undang Keluarga Islam di negara-negara Islam iaitu dengan mengkodifikasikan Undang-undang Keluarga Islam yang diasaskan oleh kerajaan Uthmaniyah di Turki iaitu '*Majellah al-Ahkam al-Adliyah*' yang kemudiannya diikuti pula oleh negara-negara Islam yang lain dengan mengenakan pelbagai nama seperti nizam, akta, ordinan dan enakmen.²³

Antara hasil penulisan kontemporari berkaitan hak-hak wanita adalah sebagaimana hasil karya Ahmad Ibrahim²⁴ dan Abdul Monir Yaacob²⁵ yang mengupas tentang perkara berhubung dengan kekeluargaan dan isu wanita di beberapa negara ASEAN seperti Malaysia, Brunei, Thailand, Filipina dan Indonesia. Manakala Kajian Hajah Masnon bt. Haji Ibrahim pula menumpukan kepada perbahasan tentang hak-hak wanita dalam Undang-undang Keluarga Islam di negara Brunei.²⁶ Walaupun isu yang

²³ Abdul Monir Yaacob, Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Pengkanunan, Reformasi dan Penyelarasan, (Jurnal Undang-Undang. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 1998), 54.

²⁴ Ahmad Ibrahim, "The Statut of Muslim in family Low in Malaysia, Singapore and Brunei. Singapore", *Malayan Low Journal*).

²⁵ Abdul Monir Yaacob, *Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-Negara ASEAN*. (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) 1999).

²⁶ Hajah Masnon bt. Hj. Ibrahim, "Hak Wanita Dalam Undang-undang Keluarga Islam di Brunei" (Disertasi Doktor Falsafah, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 2001).

dibincangkan adalah memfokuskan kepada negara-negara lain seperti Brunei, Thailand, Filipina, Singapura dan Indonesia, namun ianya sedikit sebanyak memberi maklumat dan pengetahuan umum kepada pengkaji mengenai isu-isu, masalah serta pertentangan yang timbul berkaitan hak-hak wanita dalam peruntukan undang-undang serta perlaksanaannya.

Jika diperhatikan dalam konteks di Malaysia pula, terdapat beberapa kajian lepas yang membahaskan berkaitan dengan hak-hak wanita selepas bercerai. Antaranya adalah hasil kajian Naemah bt. Amin²⁷, Mohamed Azam Mohamed Adil²⁸ dan kajian Mahmud Saedon Awang Othman²⁹ yang membahaskan berkaitan hak-hak wanita semasa dan selepas bercerai menurut Undang-undang Keluarga Islam. Kajian tersebut menjadikan Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 sebagai asas kepada kupasan serta perbincangan. Berbeza sedikit dengan hasil kajian Syeikh Ghazali bin Abdul Rahman³⁰ yang mengupas berkaitan pelaksanaan, amalan dan permasalahan Undang-undang Keluarga Islam di Wilayah Persekutuan.

Manakala kajian Shadli bin Sabarudin³¹ juga membahaskan tentang hak-hak wanita selepas pembubaran perkahwinan dengan menjadikan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003 sebagai asas kepada perbahasan. Namun, berlainan pula kajian Raihanah Haji Abdullah³² yang mengupas tentang hak-hak wanita dalam Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia dengan melihat kepada

²⁷ Naemah bt. Amin, *Peruntukan Undang-undang Mengenai Hak Selepas Perceraian*. (UIAM: Seminar Undang-undang Kekeluargaan Islam, 1990).

²⁸ Mohamed Azam Mohamed Adil, "Undang-undang Perceraian Islam: Hak-hak Isteri Semasa dan Selepas Iddah" *Jurnal Undang-undang* 2, IKIM, (1998).

²⁹ Mahmud Saedon Awang Othman, "Hak-Hak Wanita Dalam Undang-undang Keluarga Islam" (Kertas Kerja Seminar Serantau Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Institut Kefahaman Islam Malaysia 1998).

³⁰ Syeikh Ghazali bin Abdul Rahman, "Perlaksanaan, Amalan dan Permasalahan Undang-undang Keluarga Islam: Pengalaman Wilayah Persekutuan" (Kertas Kerja Seminar Perlaksanaan Undang-undang Peringkat Kebangsaan, 1989).

³¹ Shadli bin Sabarudin, "Hak-hak Wanita Selepas Pembubaran Perkahwinan: Satu Kajian Perbandingan Antara Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 Dengan Undang-Undang Islam" (Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008).

³² Raihanah Haji Abdullah, "Hak-hak Wanita di dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Wanita dan Perundangan Syarie 1998 di Pulau Pinang, 1999).

kesemua peruntukan yang ada secara umum di Malaysia tanpa mengkhususkan kepada enakmen negeri tertentu.

Hasil penulisan Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid dan Raihanah Hj. Azahari³³, Raihanah Haji Abdullah³⁴ dan Ahmad Ibrahim³⁵ pula menghurai secara terperinci tentang hak-hak wanita daripada keperluan asas perkahwinan yang bermula dengan pertunangan, kesan dari hasil perkahwinan, pembubaran perkahwinan, perkara berbangkit daripada perceraian serta berkaitan pewarisan. Namun, sedikit perbezaan dalam penulisan Suwaid bin Tapah³⁶ dalam artikelnya yang menggariskan beberapa hak yang patut ditunaikan oleh para suami bagi mengimbangi hak-hak yang juga patut ditunaikan oleh kaum wanita menurut hukum syarak. Antara hak-hak tersebut ialah pergaulan dan layanan mesra, nafkah, perlindungan dan pendidikan agama serta keadilan jika berpoligami. Kajian tersebut hanya tertumpu kepada beberapa hak tertentu sahaja tanpa menjelaskan secara terperinci dalam konteks pengamalan dan realiti masa kini.

Manakala jika diteliti kajian tentang hak-hak wanita selepas bercerai menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan pula, didapati hanya terdapat sedikit sahaja kajian oleh para pengkaji terdahulu. Antaranya ialah hasil kajian Samihah binti Hj. Abdul Rahman³⁷ dan Rus-Sanani binti Hassan³⁸ yang mana membahaskan tentang hak-hak wanita menurut undang-undang keluarga Islam. Akan tetapi, kajian-kajian tersebut menjadikan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam

³³ Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid dan Raihanah Hj. Azahari, *Undang-Undang Keluarga Islam: Konsep dan Perlaksanaannya di Malaysia*. (Malaysia: Percetakan FS Sdn. Bhd, 1980).

³⁴ Raihanah Haji Abdullah, "Peruntukan Kewangan Bagi Wanita Islam Dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan". *Jurnal Syariah* 8 (Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam, 1993)

³⁵ Ahmad Ibrahim, "*Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*", (Kuala Lumpur: Malayan Law Jurnal Sdn. Bhd, 1999).

³⁶ Suwaid bin Tapah, "Kedudukan Hak Isteri Dari Perspektif Hukum Syarak Dan Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia". *Jurnal Syariah* 8, bil. (2000).

³⁷ Samihah binti Hj. Abdul Rahman, "Hak-hak Wanita Selepas Perceraian Mengikut Hukum Syarak" (Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000).

³⁸ Rus-Sunani binti Hassan, "Hak-Hak Wanita Dalam Undang-undang Keluarga Islam dan Enakmen Keluarga Islam di Malaysia: Rujukan Khusus di Negeri Kelantan" (Disertasi Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaysia, 2005)

Kelantan 1983 sebagai asas kepada perbincangan dengan melihat dari sudut hukum syarak di samping mengkaji kes-kes berkaitan tuntutan hak.

Seterusnya pula, mengenai perihal berkaitan kefahaman berhubung peruntukan hak wanita pula, dapat dilihat dalam kajian Fatimah Abdul Rahman³⁹ yang mengupas berkaitan kefahaman tentang hak dalam kalangan wanita terhadap harta dalam Islam. Hasil kajian tersebut mendapati majoriti wanita di Kuala Lumpur faham bahawa Islam membenarkan mereka memiliki harta, namun masih terdapat ramai yang tidak faham atau keliru mengenainya.

Kajian Sarikhani⁴⁰ pula mengkaji tahap kesedaran wanita terhadap hak-hak mereka dalam Islam. Kajian dijalankan ke atas 146 wanita Islam yang bekerja dalam sektor pejabat kerajaan di Maysore, India. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman wanita yang bekerja adalah tahap sederhana, tetapi mereka tidak boleh mengaplikasikannya dalam kehidupan sebenar mereka.

Manakala kajian Mahamatayuding Samah⁴¹ mengkaji berkaitan amalan tuntutan hak dalam kalangan wanita selepas perceraian di tiga wilayah selatan Thailand (Patani, Yala dan Narathiwat). Hasil kajian ke atas 210 orang responden mendapati bahawa peratus wanita diceraikan di tiga wilayah selatan Thailand yang tidak mengetahui berkaitan hak selepas bercerai adalah tinggi manakala hanya sedikit jahaya mengetahui akan perkara tersebut.

³⁹ Siti Fatimah Abdul Rahman, “*Pengurusan Kewangan dan Pemilikan Harta Dalam Kalangan Wanita Islam: Satu Tinjauan Awal*”, (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2011).

⁴⁰ Sarikhani, N., “Level of Awareness of Muslim Working Woman Toward Their Right in Islam: A Case Study in Government Offices in Mysore”, *Jornal of Sci.*18(3), (2009), 163-171.

⁴¹ Mahamatayuding Samah, “Tuntutan Selepas Perceraian Bagi Wanita Islam: Satu Kajian Terhadap amalannya di Tiga Wilayah Selatan Thailand” (Disertasi Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 345.

Kajian Zainab Ghadar Band Shirazifard & Ali Edalati ⁴² pula mengkaji berkaitan kesedaran wanita bekerja terhadap hak perkahwinan ke atas 100 orang wanita bekerja di Neiriz, Iran. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran hak perkahwinan dan faktor umur dan pendapatan. Manakala tidak terdapat hubungan signifikan di antara kesedaran hak perkahwinan dengan umur perkahwinan.

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, maka pengkaji mendapati terdapat beberapa kajian berkaitan kefahaman atau hak-hak wanita selepas bercerai. Namun, apa yang membezakan kajian pengkaji dengan kajian-kajian lepas tersebut adalah pengkaji merasakan bahawa perlu adanya satu kajian yang mendalam dan menyeluruh tentang hak-hak wanita selepas bercerai yang diperuntukkan di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6 Tahun 2002, seterusnya mengenal pasti sejauh manakah kefahaman dalam kalangan wanita di negeri itu mengenai peruntukan hak mereka selepas bercerai di bawah enakmen tersebut.

1.9 METODOLOGI KAJIAN

Dalam usaha menjalankan kajian ini, penulis menggunakan beberapa metodologi dalam mengumpul serta menganalisis maklumat-maklumat penting berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan.

1.9.1 Metodologi Pengumpulan Data

Secara umumnya, penulis menggunakan dua metode utama dalam proses pengumpulan data iaitu:-

⁴² Zainab Ghadar Band Shirazifard & Ali Edalati, "Investigating The Employed Married Woman's Awareness Level of Marriage Rights: Case Study in Neiriz, Iran", *Jornal of Asian Social Science* 8, (2011), 172-176.

i. Metode Keperpustakaan (*Library Research*)

Antara kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam mengumpulkan data adalah metode kajian keperpustakaan atau *library research*. Melalui kaedah ini, data-data berasaskan penulisan serta dokumentasi bertulis akan dikumpul dan digunakan untuk membentuk landasan teori sama ada ia bersifat primer atau sekunder. Antara bahan-bahan yang dijadikan sebagai rujukan oleh pengkaji adalah seperti kitab, buku, jurnal, tesis, disertasi, kertas projek, enakmen, majalah, akhbar, kertas seminar, artikel, bahan di laman sesawang dan sebagainya yang dinukilkan oleh para ilmunan sama ada dalam bahasa Melayu, Inggeris mahupun Arab yang kemudiannya dianalisis oleh pengkaji untuk menemui satu kesimpulan. Pengkaji menggunakan pendekatan ini kerana bahan-bahan yang berkaitan kebanyakannya terdapat di perpustakaan.

Antara perpustakaan yang menjadi rujukan penulis dalam mendapatkan data dan maklumat berkaitan adalah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Undang-undang Tan Sri Profesor Ahmad Ibrahim Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Perpustakaan Negara.

ii. Metode Soal Selidik

Kajian yang dijalankan adalah merupakan kajian tinjauan berbentuk kuantitatif. Bentuk kajian ini dipilih kerana ianya bersesuaian dengan tujuan kajian dan lebih

praktikal. Pengumpulan data dan maklumat yang diperoleh melalui soal selidik adalah lebih relevan terutamanya apabila melibatkan populasi yang besar serta masa yang terhad untuk mendapatkan maklumat yang tepat.⁴³ Oleh itu, pengkaji menggunakan metode tersebut bagi mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan.

Manakala, sampel kajian pula adalah terdiri daripada 384 orang responden wanita sekitar Kota Bharu. Sampel kajian adalah dipilih dengan menggunakan teknik persampelan secara rawak iaitu satu teknik yang digunakan untuk memilih sampel daripada populasi yang besar.⁴⁴ Hal demikian adalah bertepatan dengan kajian pengkaji yang melibatkan jumlah populasi yang besar.

Penetapan bilangan sampel kajian tersebut adalah berdasarkan jumlah populasi kajian. Adapun populasi keseluruhan penduduk di Kota Bharu adalah seramai 255,777 orang. Manakala 129,647 orang daripadanya adalah wanita.⁴⁵ Menurut Krejcie dan Morgan⁴⁶ serta Sakaran⁴⁷, populasi bagi kajian yang berjumlah 129,647 orang, sampelnya adalah berjumlah 384 orang. Roscoe pula berpandangan bahawa saiz sampel antara 30 hingga 500 adalah sesuai dan bertepatan dalam kebanyakan penyelidikan.⁴⁸ Manakala Sakaran⁴⁹ pula berpendapat bahawa saiz sampel yang terlampau besar boleh menyebabkan berlakunya kesilapan mentafsir keputusan penyelidikan.

⁴³ David Pratt, "*Curriculum Design and Development*". (International Edition, USA: Jovonarish., 1980), 27-28.

⁴⁴ Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi penyelidikan Pengajian Islam*, (Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Uneversiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 77.

⁴⁵ Jabatan Perangkaan Malaysia, *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010*, 56.

⁴⁶ Krejcie, R. V. & Morgan, D.W., *Determining Sample Size For Research Activities, Educional and Psychological Measurement*, (1970), 608-619.

⁴⁷ Sakaran, U, "*Research Methods For Business: A Skill - Building Approach*". (New York: Wiley & Sons Inc., 1992), 253.

⁴⁸ J.T Roscoe, John T, *Fundamental Research Statistics For The Behavioral Sciences*. (London: Holt Rinehart and Winston, 1975), 425.

⁴⁹ Sakaran, U, "*Research Methods For Business: A Skill - Building Approach*". (New York: Wiley & Sons Inc., 1992), 253

Dalam kajian ini, pengkaji menjadikan soal selidik sebagai instrumen atau alat kajian utama bagi mengukur kefahaman wanita terhadap peruntukan hak selepas bercerai menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam. Soal selidik ini mengandungi beberapa item soalan dan dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu:

- a) Bahagian A: Soalan selidik mengenai maklumat demografi responden.
- b) Bahagian B: Soal selidik mengenai kefahaman responden terhadap peruntukan hak selepas bercerai.
- c) Bahagian C: Soal selidik berkaitan tindakan responden terhadap hak-hak wanita selepas bercerai atau sekiranya bercerai.
- d) Bahagian D: Soal selidik berkaitan aksesibiliti responden terhadap undang-undang keluarga Islam berkaitan hak-hak wanita selepas bercerai.

1.9.2 Metode Analisis Data

Setelah maklumat-maklumat yang diperlukan diperolehi melalui sumber tadi, maka ia perlulah dianalisis. Data-data yang diperolehi melalui set soal selidik yang diedarkan kepada para responden kemudiannya dianalisis oleh penulis dengan menggunakan kaedah analisis data melalui perisian *Statistical Package For The Social Science* (SPSS).

Secara umumnya, pengkaji menggunakan kaedah statistik deskriptif untuk mendapatkan frekuensi dan peratusan item dalam soal selidik. Seterusnya data-data akan diterjemah dalam bentuk analisa yang lebih tersusun dan mudah difahami.

Selain itu, kaedah statistik juga digunakan bagi menghurai perhubungan antara pembolehubah-pembolehubah. Antara kaedah statistik inferensi yang akan digunakan ialah *Ujian Khi Kuasa Dua* untuk melihat perbezaan dan perhubungan antara pembolehubah yang dipilih dalam kajian. Analisa dan interpretasi data tentang permasalahan di atas diurai dalam bab IV berdasarkan aspek-aspek kefahaman wanita terhadap peruntukan hak dalam enakmen undang-undang keluarga Islam berdasarkan faktor demografi.

1.10 SISTEMATIKA PENULISAN

Pengkaji membahagikan kajian ini kepada beberapa bab tertentu bagi memudahkan proses penulisan berjalan dengan lancar dan teratur. Secara keseluruhannya, kajian ini mengandungi lima bab yang dibincangkan secara terperinci sebagaimana berikut:-

Bab I: Bahagian ini menjelaskan tentang latar belakang kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop batasan kajian, kajian lepas, metodologi kajian serta sistematika penulisan.

Bab II: Pengkaji seterusnya menghuraikan tentang kerangka teori yang menjadi asas kepada kajian yang dijalankan. Maka pengkaji akan menyatakan tentang konsep sebenar berkaitan perceraian dalam Islam serta pembahagiannya. Kemudiannya, pengkaji akan menjelaskan berkenaan hak-hak wanita selepas bercerai menurut hukum syarak yang mana merangkumi hak mendapat mahar, hak memperoleh nafkah iddah, hak memperoleh mut'ah, hak mendapat harta sepencarian serta hak hadhanah.

Bab III: Seterusnya, dalam bab III, kajian beralih pula kepada penjelasan berkaitan hak-hak wanita selepas bercerai menurut perspektif Undang-undang yang berkuat kuasa di Kelantan iaitu berdasarkan kepada peruntukan Enakmen

Undang-undang Keluarga Islam No.6 Negeri Kelantan. Bahagian ini akan membincangkan berkaitan peruntukan hak-hak wanita selepas bercerai secara terperinci iaitu hak terhadap mas kahwin tertunggak, nafkah iddah, mut'ah, harta sepencarian dan hadhanah. Dalam bab ini akan dinyatakan peruntukan undang-undang, perbahasan dan pandangan ahli akademik, permasalahan yang timbul serta beberapa contoh kes yang berkaitan.

Bab IV: Kesenambungan daripada itu, dalam bab IV pula, akan dikemukakan laporan pengkajian dan analisis data daripada hasil dapatan kajian yang diperoleh melalui soal selidik ke atas para responden berkenaan kefahaman wanita terhadap hak-hak mereka selepas bercerai yang diperuntukkan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 6 Negeri Kelantan Tahun 2002.

Bab V: Pengkaji seterusnya membuat rumusan hasil keseluruhan dapatan kajian yang dijalankan daripada awal sehingga akhir pengkajian dan seterusnya diikuti beberapa cadangan yang pengkaji rasakan perlu bagi menjamin serta memastikan agar masyarakat khususnya para wanita menyedari, mengetahui dan memahami hak-hak serta kedudukan mereka yang sebenar menurut enakmen undang-undang Keluarga Islam.

1.11 KESIMPULAN

Setiap orang Islam hendaklah meyakini bahawa undang-undang Islam adalah undang-undang terbaik dan sesuai untuk kita. Sungguhpun boleh dikatakan semua sistem undang-undang berusaha untuk mencapai keadilan akan tetapi oleh kerana undang-undang Islam berpunca dari wahyu Allah S.W.T yang lebih mengetahui keperluan manusia dan apa yang terbaik untuk mereka. Oleh kerana itu, kita semua diwajibkan untuk menegakkan keadilan yang telah ditegaskan oleh syarak. Untuk menegakkannya, kita memerlukan undang-undang sebagai panduan.

Undang-undang Keluarga Islam digubal bertujuan untuk menegakkan keadilan serta mempertahankan hak-hak umat Islam. Adapun antara hak-hak yang dijamin oleh Undang-undang Keluarga Islam adalah hak-hak wanita. Namun, kejayaan perlaksanaannya adalah bergantung kepada pihak yang terlibat sejauh mana mereka mengetahui, memahami, menghormati dan mengaplikasikannya. Justeru itu, masyarakat umum khususnya para wanita mestilah melengkapi diri dengan pengetahuan yang secukupnya mengenai hak-hak yang diperuntukkan supaya tidak berlakunya penganiayaan dan penindasan terhadap diri mereka.

BAB II

HAK WANITA SELEPAS BERCERAI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

2.1 PENGENALAN

Perkahwinan merupakan suatu ikatan suci yang bersifat kekal abadi. Melalui ikatan tersebut, suami isteri dapat berhubungan antara satu sama lain dalam suasana yang diredhai Allah S.W.T. Matlamat daripada sesuatu perkahwinan akan tercapai sekiranya pasangan suami isteri dapat hidup dalam suasana aman damai dan harmoni. Setiap pasangan suami isteri tentunya mengharapkan sebuah rumah tangga yang harmoni, jauh daripada persengketaan serta berkekalan hingga ke akhir hayat.

Namun demikian, tidak semua ikatan perkahwinan yang dibina dapat mencapai kebahagiaan yang diimpikan serta kekal berpanjangan sehingga ke akhir hayat. Bahkan, kadang-kadang institusi perkahwinan yang baru dibina serta masih terlalu muda usianya tidak dapat diselamatkan. Apabila tidak ada lagi persefahaman di antara suami isteri dalam kehidupan berumah tangga dan pertelingkahan sering berlaku maka tidak ada pilihan lain lagi kecuali bercerai.

Perceraian bukanlah sesuatu yang digalakkan dalam Islam, bahkan ia merupakan perkara halal yang paling dibenci Allah S.W.T. Walaupun ianya tidak digalakkan oleh Islam, namun dalam keadaan yang tidak dapat dielakkan lagi, perceraian menjadi saluran penyelesaian terakhir bagi pasangan suami isteri yang tidak boleh mencapai persefahaman dalam perkahwinan. Setiap pasangan yang mendirikan rumah tangga pasti tidak menduga perceraian akan berlaku.

Apabila berlaku perceraian, sudah pastinya akan memberikan kesan bukan sahaja kepada pasangan suami isteri yang bercerai malahan kepada anak-anak dan masyarakat sekeliling. Kebiasaannya, perceraian lebih memberi kesan kepada wanita kerana hilang tempat untuk bergantung dalam meneruskan hidup. Malah, apa yang menyedihkan adalah anak-anak juga menjadi korban perceraian kedua ibu bapa mereka.

Namun begitu, Islam memberi pembelaan kepada wanita dengan menggariskan hak-hak tertentu yang boleh dituntut oleh para wanita selepas perceraian. Oleh sebab itu, para wanita haruslah mengetahui hak-hak mereka yang telah termaktub di dalam undang-undang keluarga Islam terutamanya selepas berlakunya perceraian, agar mereka dapat membuat persiapan rapi sebelum mengambil langkah perceraian. Ini bagi menjamin kebahagiaan hidup mereka pada masa akan datang.

2.2 KONSEP PERCERAIAN DALAM ISLAM

Perkataan al-Talāq jika dilihat dari sudut bahasa berasal dari perkataan '*al-iṭlāq*' (الاطلاق) yang bererti '*al-irsāl wā al-tark*' (الارسال والترك) iaitu melepaskan dan meninggalkan.⁵⁰ Manakala dari segi istilah syarak pula, terdapat pelbagai takrif yang telah diberikan oleh para fuqaha'. Antaranya:

- i. Fuqaha' Mazhab Syafie: Talaq sebagai merombak atau melucutkan ikatan perkahwinan dengan lafaz talak dan seumpamanya.⁵¹
- ii. Fuqaha' Mazhab Hanbali: Talak pada syarak ialah melepaskan ikatan perkahwinan.

⁵⁰ Sābiq, Al-Sayyid, *Fiqh al-Sunnah* (Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1985), 2:2.

⁵¹ Sharbīnī, Al-shaykh Muḥammad al-Khātib al-, *Mughnī al-Muhtāj* (Meṣīr: Maktābah Mustāfā Muḥammad, t.th), 279.

- iii. Fuqaha' Mazhab Maliki: Talak pada syarak ialah mengungkai ikatan yang sah melalui pernikahan.
- iv. Fuqaha' Mazhab Hanafi: Talak pada syarak ialah memutuskan ikatan perkahwinan serta merta (dengan talak ba'in) atau dalam tempoh masa (dengan talak raj'ie) dengan menggunakan lafaz tertentu.

Sementara Sayyid Sābiq pula menyatakan bahawa perceraian bermaksud memutuskan ikatan perkahwinan yang sah.⁵² Manakala Muḥammad Husain al-Zahābī pula mendefinisikan perceraian ini sebagai perkara yang menyebabkan terlerai perjanjian dan dengan itu juga terputusnya hubungan perkahwinan di antara seorang lelaki dan perempuan.⁵³

Oleh itu, daripada pentakrifan yang dikemukakan di atas maka dapat disimpulkan bahawa perceraian bermaksud memutuskan ikatan perkahwinan di antara suami isteri sama ada menggunakan lafaz talak atau seumpamanya.

2.2.1 Dalil Pensyariatan Talak

Terdapat banyak ayat al-Quran yang menyatakan berhubung dengan pensyariatan perceraian. Antaranya ialah firman Allah S.W.T:

الطَّلَاقُ مَرَّتَانٍ ۖ فَإِمْسَاكَ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٍ بِإِحْسَنٍ ۚ وَلَا تَحِلُّ لَكُمْ أَنْ
تَأْخُذُوا مِمَّا آتَيْتُمُوهُنَّ شَيْئًا إِلَّا أَنْ تَخَافَا أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ ۚ

Al-Baqarah 2:229

Maksudnya: “Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali.

sesudah itu bolehlah ia (rujuk) dan memegang terus (isterinya itu)

⁵² Sābiq, Al-Sayyid, *Fiqh al-Sunnah* (Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1985), 7:389.

⁵³ Muḥammad Husain al-Zahābī, *al-Aḥwāl al-Shakṣiyyah Fī al-Syarīah al-Islāmiyyah, Dirāsah Muqāranah Bain Ahli Sunnah Wa Mazhab al-Ja'fariyyah* (Meṣīr: Dār Kutub al-Hadīth, 1968), 236.

dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik dan tidaklah halal bagi kamu mengambil balik sesuatu dari apa yang telah kamu berikan kepada mereka (isteri-isteri yang diceraikan itu) kecuali jika keduanya (suami isteri takut tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah. Oleh itu kalau kamu khuatir bahawa kedua-duanya tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah”.

Firman Allah S.W.T dalam ayat yang lain:

وَإِنْ يَتَفَرَّقَا يُغْنِ اللَّهُ كُلًّا مِّن سَعَتِهِ ۚ وَكَانَ اللَّهُ وَاسِعًا حَكِيمًا ﴿١٣٠﴾

Al-Nisā’ 4:130

Maksudnya: “Dan jika keduanya bercerai, maka Allah akan cukupkan (keperluan) masing-masing dari limpah kurniaNya. Dan (ingatlah) Allah Maha Luas limpah kurniaNya, lagi Maha Bijaksana”.

Perceraian pada prinsipnya dilarang. Meskipun begitu ia telah ditetapkan oleh Allah sebagai satu cara untuk menyelesaikan perselisihan antara suami isteri apabila tidak ada cara lain untuk mengatasinya. Ianya merupakan suatu perbuatan halal yang amat dibenci oleh Allah S.W.T sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W:

أُبْغِضَ الْحَلَالَ عِنْدَ اللَّهِ الطَّلَاقَ

Maksudnya: “Perbuatan yang halal yang sangat-sangat dimurkai oleh Allah ialah talak (perceraian)”.⁵⁴

⁵⁴ Ibnū Mājah, *Sunan Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arābiyyah* (Meşir; ‘Isa al-Bābī al-Ḥalabī, 1952), 1:650.

2.2.2 Hukum Perceraian

Para fuqaha' sependapat bahawa perceraian merupakan suatu yang diharuskan oleh syarak jika ada keperluan tertentu. Walau bagaimanapun ianya tidak digalakkan bahkan dilarang tanpa keperluan. Para fuqaha' juga sependapat bahawa hukum perceraian boleh berubah mengikut keadaan serta alasannya sebagaimana berikut:

i) Wajib

Perceraian yang diperintahkan oleh hakim dalam perselisihan suami isteri yang sudah tidak dapat didamaikan lagi. Termasuk juga perintah pihak berkuasa terhadap talak dari suami yang melakukan ila' (bersumpah tidak mencampuri isterinya) setelah masanya melebihi empat bulan.⁵⁵

ii) Sunat

Talak suami ke atas isterinya disebabkan kelakuan isteri yang tidak baik dan tidak taat pada perintah agama serta melanggar larangan seperti tidak menunaikan solat, puasa, tidak menutup aurat dan sebagainya. Termasuk juga isteri yang selalu menentang dan melawan apabila suami hendak menasihatinya atas perbuatannya yang jahat. Oleh itu, suami itu tidak patut bersamanya lagi.⁵⁶

iii) Harus

Ketika keadaan memerlukan kepada perpisahan seperti tingkah laku atau akhlak isteri yang buruk atau hubungan antara suami isteri yang sudah tidak sehaluan lagi. Jika diteruskan juga, ianya akan membawa kemudaratan.⁵⁷

⁵⁵ Ḥasbullah, 'Ali, *al-Fiqh Bainā al-Zaujaini Wamā Yata'allaq Bihā 'Iddatun Wanasaban* (Kāherah: Dār al-Uḥud al-Jadīd, 1968), 22.

⁵⁶ Zuhailī, Wahbah al-, *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh* (Damshik; Dār al-Fikr, 1989), 2:363.

⁵⁷ Muḥammad 'Uwaidah, Sheikh Kāmil Muḥammad, *Al-Jāmi' Fī Fiqhi al-Nisā'* (Beirūt: Dār Kutub al-'Ilmiyyah, terj. M. Abdul Ghoffar E. M, (Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 1996), 429.

iv) Makruh

Talak yang dilakukan tanpa hajat⁵⁸ atau keperluan yang mendesak. Misalnya mentalak isteri yang baik tingkah lakunya dan taat kepada ajaran agamanya dan tidak ada apa-apa kesalahan.⁵⁹

v) Haram

Suami menceraikan isterinya dalam keadaan sedang haid atau nifas, atau ketika suci tetapi telah disetubuhi.⁶⁰

2.2.3 Bentuk-bentuk Perceraian

Islam telah menggariskan beberapa bentuk perceraian yang diharuskan berdasarkan kepada keadaan dan situasi yang berlaku sebagaimana berikut:-

i. Perceraian dengan Talaq

Perceraian dengan talak bermaksud memutuskan ikatan perkahwinan dengan menggunakan lafaz talak atau perkataan-perkataan yang lain yang sama maksud dengannya.⁶¹ Hak perceraian dengan talak hanya diberikan kepada suami sahaja sama ada talak satu, dua atau tiga. Walau bagaimanapun hak tersebut tidak boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya dan mesti berasaskan kepada ketentuan tertentu yang digariskan syarak. Hal demikian sebagaimana Firman Allah S.W.T:

وَإِنْ عَزَمُوا الطَّلَاقَ فَإِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Al-Baqarah 2: 227

⁵⁸ Jaziri, 'Abdul Rahmān Al-, *Al-Fiqh 'Ala Mazāhib al-'Arba'ah* (Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabi, 1998), 4:265.

⁵⁹ Zuhaili, Wahbah al-, *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh* (Damshik; Dār al-Fikr, 1989), 2:363.

⁶⁰ Shalabi, Muḥammad Mustafā, *Aḥkām al-Uṣrah fī al-Islām*. (Beirut: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah, 1977), 476.

⁶¹ Sheikh Muḥammad al-Sharbīnī al-Khāṭib, *Mughnī al-Muhtāj* (Meṣīr: Maktabah Wa Maṭbā'ah Mustafā al-Bābī al-Halābī, 1958), 3:279.

Maksudnya: “Dan jika mereka berazam hendak menjatuhkan talak (menceraikan isteri), maka sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

Secara umumnya, Talak dapat dibahagikan kepada tiga pembahagian iaitu dari sudut hukum, kesan dan juga sighth. Dari sudut hukum, perceraian dengan talak dibahagikan kepada dua iaitu talāq sunnī dan talāq bid’ī. Talak sunnī ialah talak yang dijatuhkan mengikut peraturan syarak iaitu menjatuhkan talak ketika isteri dalam keadaan suci dan belum disetubuhi. Talāq bid’ī pula ialah talak yang menyalahi syarak dan terbahagi kepada beberapa bentuk mengikut keadaan tertentu. Antaranya ialah:

- a) Suami menceraikan isterinya ketika dalam keadaan haid atau nifaz, atau ketika suci dari haid dan telah disetubuhi.
- b) Suami melafazkan talak tiga terhadap isterinya dengan satu lafaz, atau suami menceraikan isterinya dengan satu talak ketika masa suci tetapi isteri itu masih belum disetubuhi dan tidak pernah pula didatangi haid sebelumnya atau suami melafazkan tiga talak dalam satu majlis.⁶²

Pembahagian talak dari sudut kesan pula terbahagi kepada talāq raj’ī dan talāq bāin. Talāq Raj’ī ialah mengangkat atau meleraikan ikatan perkahwinan yang sah pada masa mendatang (selepas tamat iddah) tidak pada ketika itu dan selepas berlakunya talak ini, suami berhak untuk merujuk semula isterinya dalam masa iddah tanpa memerlukan akad dan mahar yang baru.⁶³

⁶² Bardīsi, Muḥammad Zakariyya al-, *al-Aḥwāl al-Shakṣiyyah* (Kāherah: Maktabah Yūsuf, t.th), 112.

⁶³ Abū Zuhrah, Muḥammad, *Tanzīm al-Islām Li al-Mujtama’* (Kāherah: Dār al-Fikr al-‘Arabi, 1965), 98.

Talāq Bāin pula ialah talak yang telah sempurna sebanyak tiga kali, talak sebelum disetubuhi dan talak dengan tebusan atau bayaran.⁶⁴ Talak bain tidak memberi hak kepada suami untuk merujuk kembali isterinya melainkan dengan akad perkahwinan serta mahar yang baru dan juga keizinan isteri.

Manakala dari sudut sughah talak pula juga terbahagi kepada dua iaitu sughah dan kināyah. Sughah bermaksud lafaz yang jelas dan kebiasaannya digunakan perkataan talak seperti suami berkata kepada isteri “aku ceraikan engkau”. Kināyah pula ialah lafaz talak yang memerlukan kepada niat kerana tidak jelas maksudnya dan boleh diertikan kepada maksud lain seperti suami berkata kepada isterinya: “Antara kita tiada apa-apa lagi dan engkau haram ke atas aku”.

ii. Perceraian dengan Takliq

Ta’liq ialah mengaitkan berlakunya talak apabila terjadi atau berlakunya suatu peristiwa atau perbuatan sebagai syarat.⁶⁵ Misalnya seorang suami berkata kepada isterinya, “sekiranya engkau pulang ke rumah bapamu akan tercerailah engkau”. Sekiranya isteri pulang ke rumah bapanya juga tanpa kebenaran suaminya, maka jatuhlah talak ke atas isteri tersebut.

iii. Perceraian dengan Khuluk

Khuluk ialah perceraian yang diminta oleh isteri daripada suaminya dengan memberikan bayaran atau tebusan tertentu kepada suami.⁶⁶ Talak ini juga dinamakan talak yang ditebus oleh isteri terhadap suami kerana beberapa hal yang tidak menyenangkan isteri terhadap suami.⁶⁷ Apabila isteri merasakan bahawa dia tidak lagi dapat menegakkan hukum Allah dengan adanya ikatan perkahwinan maka ia boleh

⁶⁴ Sābiq, Al-Sayyid, *Fiqh al-Sunnah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1985), 7:276.

⁶⁵ Šāiṣ, ‘Alī al-, *Muqāranah al-Mazāhib Fī al-Fiqh* (Kāherah: Maktab al-Kuliyyat al-Azhariyyah, 1969), 103.

⁶⁶ Khāṭib, Muḥammad al-Sharbīnī al-, *Mughnī al-Muhtāj* (Kairo: Maṭbā‘ah Mustafā al-Bābī al-Halabī, 1957), 3:262.

⁶⁷ A-Hummām, Kamāluddīn, *Sharḥ Faṭḥ al-Qadīr* (Meṣīr: t.tp., 1361H), 3:199.

menebus dirinya secara khuluk iaitu dengan mengembalikan mahar atau pembayaran ganti rugi kepada suaminya sebagai tebusan kepada perceraian tersebut.

Dalil pengharusan khuluk adalah sebagaimana firman Allah S.W.T:

فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيمَا افْتَدَتْ بِهِ^{٦٨}

al-Baqarah 2: 229

Maksudnya: “Oleh itu kalau kamu khuatir bahawa kedua-duanya tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah, maka tidaklah mereka berdosa - mengenai bayaran (tebus talak) yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya (dan mengenai pengambilan suami akan bayaran itu)”.

iv. Perceraian dengan Fasakh

Fasakh bermaksud membubarkan atau memutuskan ikatan yang wujud antara suami dan isteri, atau membatalkan akad perkahwinan dengan sebab kerosakan yang berlaku semasa perkahwinan itu atau dengan sebab-sebab mendatang yang menghalang perkahwinan tersebut daripada berkekalan.⁶⁸ Perceraian dengan Fasakh adalah bertujuan mengelak daripada berlakunya kemudaratan dalam perkahwinan seperti penderaan, pengabaian nafkah dan sebagainya. Berdasarkan Mazhab Syafie, seorang isteri atau suami berhak memfasakhkan perkahwinannya sekiranya wujud keaiban pada salah satu pasangan suami isteri iaitu:⁶⁹

- a) Gila yang berkekalan atau sekejap.
- b) Penyakit kusta.
- c) Penyakit sopak.

⁶⁸ ‘Abdul Ḥamīd, Muḥammad Muḥyiddīn, *al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah Fī al-Syarīah al-Islāmiyyah* (Meşīr: Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, 1957), 232.

⁶⁹ Nawāwī, Abū Zakariyyā Yahyā bin Yūsuf al-, *Minḥāj al-Ṭālibīn* (al-Ṭabā’ah al-Miṣriyyah, t.th.), 114.

- d) Penyakit yang menghalang mereka daripada persetubuhan seperti mati pucuk atau tiada alat kelamin.

Selain itu, Seorang isteri juga berhak menuntut fasakh sekiranya suaminya tidak mampu untuk memberikan nafkah kepadanya kerana kepapaan atau muflis iaitu:⁷⁰

- a) Tidak mampu memberi belanja makan dan minum.
- b) Tidak mampu memberi pakaian yang layak dan patut.
- c) Tidak mampu menyediakan rumah tempat kediaman yang patut.
- d) Tidak mampu membayar mas kahwin yang tunai sebelum bersetubuh.

v. Perceraian dengan anggapan mati

Apabila suami telah hilang tanpa khabar berita dalam satu tempoh tertentu serta tidak diketahui tempat serta sama ada suami masih hidup atau mati, maka isterinya boleh membuat tuntutan pembubaran perkahwinan. Para ulama' berbeza pendapat dalam menetapkan tempoh masa yang membolehkan isteri membuat tuntutan kepada kadi.

Menurut Imam Malik, apabila seorang suami telah hilang tanpa khabar, maka wajib ke atas isteri menunggu suaminya selama 4 tahun. Kemudian, hendaklah beriddah dengan iddah perempuan yang mati suami iaitu 4 bulan sepuluh hari. Setelah itu, barulah perempuan itu boleh berkahwin lagi sekiranya dia mahu.⁷¹

Manakala menurut Imam Syafie pula, apabila terdapat bukti bahawa suami telah mati atau hakim telah menghukumkan kematiannya, maka barulah isteri boleh memulakan iddahnya, setelah itu dia boleh berkahwin lagi dan berhak mendapat haknya daripada pusaka suaminya. Menurut pendapat qadim Imam Syafie, isteri hendaklah menunggu selama empat tahun sebelum mula beriddah kematian suami iaitu

⁷⁰ *Ibid.*, 89.

⁷¹ *Ibid.*, 105.

selama empat bulan sepuluh hari. Menurut pendapat ini lagi, adalah harus menanggihkan pembahagian harta pusaka suami sehingga benar-benar diyakini kematiannya.⁷²

2.3 HAK-HAK WANITA SELEPAS BERCERAI MENURUT HUKUM SYARAK

Perkataan ‘hak’ dari sudut bahasa bermaksud kuasa atas sesuatu atau kuasa untuk membuat sesuatu.⁷³ Manakala dari segi istilah pula, menurut Profesor Mustafa al-Zarqa’ hak merupakan bidang kuasa atau yuridiksi yang dengannya diakui oleh syarak sebagai mempunyai suatu kekuasaan atau tanggungjawab (*taklīf*) yang mana merangkumi seluruh hak agama.⁷⁴

Hak dalam Islam merupakan kurniaan Allah S.W.T yang bersandarkan kepada sumber-sumber hukum syarak. Islam adalah agama yang adil dan memberi jaminan bahawa setiap individu dalam masyarakat tidak akan dizalimi serta hak-hak mereka terpelihara.

Dalam konteks pembubaran perkahwinan, golongan wanita diberi pembelaan oleh Allah S.W.T, boleh menuntut hak-hak mereka selepas berlakunya perceraian sebagaimana yang telah digariskan oleh syarak. Hak-hak yang diberikan itu ialah hak terhadap mahar, hak nafkah iddah, hak mut’ah, hak harta sepencarian dan hak hadhanah.

2.3.1 Mahar

Mahar adalah suatu pemberian wajib yang harus diberikan kepada isteri oleh pihak suami sewaktu berlangsungnya akad perkahwinan atau hubungan kelamin.⁷⁵ Terdapat

⁷² *Ibid.*

⁷³ *Kamus Dewan*, ed. ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 428.

⁷⁴ *Ibid.*, 9.

⁷⁵ Zuhaili, Wahbah al-, *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuhu* (Damshiq; Dār al-Fikr al-Ma’sir, 2008), 7:251.

beberapa istilah lain yang digunakan berkaitan mahar iaitu طول, نكاح, حباء, نحلة, فريضة dan علائق.⁷⁶ Pemberian mahar adalah merupakan lambang kesungguhan dan penghormatan seorang suami terhadap isteri. Ia juga mencerminkan kasih sayang dan kesediaan suami untuk hidup bersama isteri serta sanggup berkorban demi kesejahteraan rumah tangga dan keluarga.

Islam mengiktiraf hak isteri memiliki mahar dan ianya menjadi kewajipan ke atas pihak suami. Meskipun mahar wajib dijelaskan, namun ianya bukanlah satu rukun atau syarat perkahwinan. Justeru itu, perkahwinan yang tidak menyebutkan maharnya semasa akad nikah adalah tetap sah.⁷⁷ Kewajipan tersebut sebagaimana firman Allah S.W.T:

وَأَتُوا النِّسَاءَ صَدُقَتِهِنَّ نِحْلَةً فَإِنْ طِبْنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا

مَّرِيئًا

al-Nisā' 4: 4

Maksudnya: “Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu mahar-mahar mereka sebagai pemberian yang wajib. kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari maharnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik sesudahannya”.

Firman Allah S.W.T dalam ayat lain:

فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ فَرِيضَةً

al-Nisā' 4:24

⁷⁶ Qudāmah, Abī Muḥammad ‘Abdullāh bin Aḥmad bin Muḥammad, *al-Mughni* (Kāherah: Hijr, 1992), 10:97.

⁷⁷ Zuhailī, Wabḥah al-, *Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh* (Damshiq: Dār al-Fikr al-Ma’sir, 1992), 9:232.

Maksudnya: “Kemudian mana-mana perempuan yang kamu nikmati percampuran dengannya (setelah ia menjadi isteri kamu), maka berikanlah kepada mereka mas kahwinnya (dengan sempurna), sebagai suatu ketetapan (yang diwajibkan oleh Allah).

Secara umumnya, mahar dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu ‘*mahar musammā*’ dan ‘*mahar mithlī*’. *Mahar musammā* ialah mahar yang disebutkan jumlahnya semasa akad perkahwinan.⁷⁸ Manakala *mahar mithlī* pula ialah mahar yang tidak dinyatakan ketika akad dan ditentukan kadarnya berdasarkan saudara-mara perempuan sebelah bapa. Jika tiada hendaklah dibanding pula dengan saudara perempuan sebelah ibu. Jika tiada juga, maka hendaklah mengikut kebanyakan mahar wanita di tempat tinggalnya.⁷⁹

Manakala berkaitan kadar mahar pula, syarak tidak menetapkan kadar tertentu mahar sama ada dari segi harta, kadar, bilangan, sukatan dan sebagainya. Akan tetapi, pemberian mahar hendaklah terdiri daripada barang atau benda yang mempunyai harga, bermanfaat, yang tertentu, halal atau apa sahaja yang sah mengikut hukum syarak. Hal demikian sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

“Shababah telah berkata: Hisham bin al-Ghaz dari Nafi’ dari Ibnu Umar berkata: Tidak dibenarkan seorang Muslim mencampuri seorang perempuan (isterinya) sehinggalah dia memberikannya sesuatu sama ada sedikit ataupun banyak”.⁸⁰

Namun demikian, fuqaha berselisih pendapat berkaitan kadar minima pemberian mahar. Mengikut pendapat Mazhab Maliki, kadar minima mahar adalah tidak kurang setengah dinar atau tiga dirham. Mazhab Hanafi pula berpendapat kadar minima mahar adalah sepuluh dirham. Manakala Mazhab Syafie dan Mazhab Hanbali

⁷⁸ Shafaqah, Muhammad Bashīr al-, *al-Fiqh al-Maliki Fi Thaūbihi al-Jadīd* (Damsyiq: Dār al-Falāh, 2008), 3:548.

⁷⁹ Hanafi, ‘Ala al-Dīn Abī Bakr al-Mas’ūd Al-Kasānī al-, *Badā’i al-Sanāi Fī Tartīb al-Sharā’i* (Kāherah: Zakariyyā ‘Alī Yūsuf, t.th.), 1451.

⁸⁰ Abī Syaibah, Abī Bakr ‘Abdullah bin Muḥammad, *al-Muṣonnaf Lī Abī Syaibah*, Kitāb al-Nikāh, no. Hadis 16704 (Lubnān: Dār al-Qurtubah, 2006) 155.

pula tidak menetapkan kadar minima tetapi melihat kepada apa jua benda berharga maka boleh dijadikan mahar.⁸¹

Dari segi pembayaran mahar pula, para fuqaha' sependapat bahawa isteri berhak memperoleh mahar sepenuhnya apabila dia telah disetubuhi kemudian diceraikan atau apabila kematian suami.⁸² Fuqaha juga sependapat bahawa akan gugur separuh mahar sekiranya isteri diceraikan sebelum berlakunya persetubuhan.⁸³ Manakala, kewajipan mahar akan gugur sekiranya perceraian berlaku sebelum persetubuhan dan punca perceraian itu adalah daripada pihak isteri seperti isteri murtad atau isteri meminta fasakh kerana keaiban pihak suami.⁸⁴

Namun, fuqaha berbeza pendapat berkenaan pembayaran mahar bagi suami isteri yang berkhulwah tetapi tidak berlaku persetubuhan antara mereka kemudiannya berlaku perceraian. Menurut Mazhab Hanafi dan Hanbali, isteri berhak menerima mahar sepenuhnya. Manakala Syafiiyyah dan Malikiyyah dalam kes ini pula berpendapat bahawa isteri berhak mendapat separuh daripada mahar jika disebut dalam akad.⁸⁵ Namun, sekiranya tidak disebut dalam akad isteri hanya mendapat hak mut'ah.⁸⁶

2.3.2 Nafkah Iddah

Nafkah dari segi bahasa bererti mengeluarkan dan membelanjakan. Manakala dari segi istilah pula bermaksud mengeluarkan belanja kepada mereka yang wajib atas seseorang untuk membiayainya.⁸⁷ Fuqaha' sependapat bahawa suami wajib memberi

⁸¹ Jazīrī, 'Abdul Raḥmān al-, *al-Fiqh 'Ala Mazāhib al-'Arba'ah* (Meşir: t.tp., 1969), 4:94-95.

⁸² Hanafī, Ibn Hammām al-, *Sharḥ Fath al-Qadīr* (Meşir: Maṭbā'ah al-Kubrā al-Amiriah, 1315H), 2:444.

⁸³ Muḥd. Fauzi Muhammad, *Undang-undang Keluarga Islam* (Kajang: Synergymate. Sdn Bhd, 1998), 1:87.

⁸⁴ Hanafī, Ibn Hammām al-, *Sharḥ Fath al-Qadīr* (Meşir: Maṭbā'ah al-Kubrā al-Amiriah, 1315H), 2: 146. Hanafī, 'Alā al-Dīn Abī Bakr al-Mas'ūd Al-Kasanī al-, *Badā'i al-Sanāi Fī Tarīb al-Sharā'i* (Kāherah: Zakariyyā 'Alī Yūsuf, t.th), 1467.

⁸⁵ Hanafī, Ibn Hammām al-, *Sharḥ Fath al-Qadīr* (Meşir: Maṭbā'ah al-Kubrā al-Amiriah, 1315H), 2:438.

⁸⁶ Maghnānī, Abī Ḥassān 'Alī bin Abī Bakr bin 'Abdul Jalīl al-, *al-Hidāyah Sharḥ Bidāyah al-Mubtadā'* (Meşir: Maṭbā'ah Mustāfā al-Bābī al-Ḥalābī, 1965), 1:205.

⁸⁷ Sheikh Muḥammad al-Khātib Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj* (Meşir: Maktābah Wa Maṭbā'ah Mustāfā al-Bābī al-Ḥalābī, 1958), 3:425.

nafkah kepada isterinya.⁸⁸ Manakala, wanita yang telah bercerai pula pada dasarnya berhak mendapat nafkah dalam masa iddahnya daripada bekas suaminya berdasarkan kepada beberapa syarat. Nafkah yang dimaksudkan tersebut adalah merangkumi makanan, pakaian, dan tempat tinggal.⁸⁹ Hal demikian adalah sebagaimana Firman Allah S.W.T:

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وَجَدِكُمْ وَلَا تُضَارُّوهُنَّ لِتُضَيِّقُوا عَلَيْهِنَّ وَإِنْ كُنَّ أُولَاتٍ حَمْلٍ فَأَنْفِقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّى يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ وَأَتَمُّوا بَيْنَكُمْ بِمَعْرُوفٍ وَإِنْ تَعَاَسَرْتُمْ فَمُتْرَضِعُ لَهُ أُخْرَى

Al-Ṭalāq 65:6

Maksudnya: “Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani idahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu; dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu). dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya; kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; dan berundinglah di antara kamu (dalam hal menyusunya) dengan cara yang baik. dan (sebaliknya) jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya.

⁸⁸ Ibn Qudāmah, Muwaffiq al-Dīn Abī Muḥammad bin ‘Abdillāh, *al-Mughnī Wa al-Sharh al-Kabīr* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi Li al-Nashr Wa al-Tawzī’, 1972), 9:230.

⁸⁹ Jazairī. Abū Bakar Jabīr al-, *Minhāj al-Muslim* (Kāherah: Maktbah al-Kuliyyat al-Azariyyah, 1979), 483.

Hak Nafkah Iddah terhadap isteri yang diceraikan adalah bergantung kepada kedudukan iddah itu sendiri iaitu sama ada ‘iddah raj’ī, ‘iddah bāin atau iddah kematian suami. Para fuqaha’ sependapat bahawa isteri yang berada dalam ‘iddah raj’ī berhak mendapat semua nafkah sebagaimana nafkah yang diterimanya sewaktu dalam perkahwinan kecuali jika dia diceraikan disebabkan nusyuz.⁹⁰

Fuqaha’ juga sependapat bahawa perempuan yang berada dalam ‘iddah bāin dan mengandung mendapat hak nafkah termasuk tempat tinggal. Hal demikian adalah berdasarkan kepada Firman Allah S.W.T:

وَإِنْ كُنْ أُولَتْ حَمْلٍ فَأَنْفِقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّى يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ

Al-Ṭalāq 65:6

Maksudnya: “Dan jika mereka (isteri yang diceraikan) dalam keadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya...”

Namun, fuqaha’ berbeza pendapat berkaitan nafkah iddah bagi perempuan yang berada dalam ‘iddah bāin dan mengandung serta kematian suami. Mazhab Syafie, Hanafi dan Maliki berpendapat bahawa perempuan tersebut tidak berhak mendapat nafkah iddah. Berbeza dengan Mazhab Habali yang berpendapat perempuan tersebut berhak mendapat nafkah iddah.⁹¹

Fuqaha’ juga berbeza pendapat berkenaan hak nafkah iddah bagi perempuan yang berada dalam ‘iddah bāin dan tidak mengandung. Menurut Mazhab Maliki dan Syafie, perempuan tersebut hanya berhak mendapat hak tempat tinggal sehingga tamat

⁹⁰ Nawāwī Abū Zakariyyā Yahyā bin Yūsuf al-, *Minhāj al-Ṭālibīn* (Al-Ṭabā’ah al-Miṣriyyah, t.th.), 105.

⁹¹ Muhd. Fauzi Muḥamad, *Undang-undang keluarga Islam Dalam Empat Mazhab: Pembubaran Keluarga* (Selangor: Synergymate Sdn. Bhd, 3003), 2:27-128.

tempoh iddahnya kecuali jika dia diceraikan daripada nikah fasid, nikah syubhah atau diceraikan kerana nusyuz.⁹²

Dari segi kadar nafkah iddah pula, secara asasnya kadar nafkah iddah adalah sama sepertimana nafkah yang diberikan kepadanya sewaktu dalam tempoh ikatan perkahwinan. Menurut pendapat Mazhab Syafie dan sebahagian Mazhab Hanafi penentuan kadar nafkah iddah adalah berdasarkan kepada kemampuan suami iaitu dengan melihat kepada kehidupan dan tanggungannya.⁹³ Perkara tersebut sebagaimana Firman Allah S.W.T:

لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ ۚ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ ۚ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَّا آتَاهَا ۚ

Al-Ṭalāq 65:7

Maksudnya: “Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya.”

2.3.3 Mut’ah

Mut’ah ialah nama suatu pemberian dari suami kepada isterinya dengan sebab perceraian.⁹⁴ Manakala menurut Imam Syafie pula, mut’ah adalah harta yang wajib diberikan oleh suami terhadap isterinya yang diceraikan hidup sama ada melalui talak atau

⁹² Zaini Nasohah, *Perceraian: Hak Wanita Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2002), 47-48.

⁹³ Abū Zahrah, Muḥammad, *Al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah* (Dār al-Fikr al-‘Arabi, t.th.), 240.

⁹⁴ Muḥammad, Sheikh al-Imām al-‘Allāmah Taqiuddīn Abī Bakr, *Kifāyatul al-Akhyār Fī Ḥallī Ghaāyah al-Ikhtiṣār* (Meṣīr: Maṭbā’ah Muḥammad ‘Alī ḥabib Wa Aulāduhū, 150H), 2:326.

seumpama talak dengan syarat-syarat tertentu.⁹⁵ Mut'ah adalah bertujuan menutup rasa malu dan menghilangkan prasangka buruk bahawa seseorang perempuan itu diceraikan kerana aib pada dirinya serta membantu mereka untuk memulakan kehidupan baru secara bersendirian.

Ulama' berbeza pendapat berkaitan hukum pemberian mut'ah kepada isteri yang diceraikan. Menurut jumhur ulama' mut'ah wajib diberikan kepada isteri yang diceraikan sebelum disetubuhi dan mas kahwinnya pula tidak disebut dalam akad.⁹⁶ Manakala dalam keadaan lain pula, pemberian mut'ah menjadi sunat.⁹⁷ Pendapat tersebut adalah selari dengan pendapat mazhab Syafie dan mazhab Hanafi.⁹⁸ Ḥasān al-Baṣrī juga berpendapat bahawa mut'ah wajib diberi kepada isteri yang diceraikan, sama ada mas kahwinnya disebut dalam akad ataupun tidak.⁹⁹ Menurut Ibn Qāsim pula, mut'ah adalah hak isteri yang boleh dipusakai dan sekiranya jandanya telah meninggal dunia, maka hendaklah dibayar kepada waris-warisnya.¹⁰⁰ Manakala Mazhab Hanafi pula berpendapat bahawa mut'ah adalah sunat dan tiada seorang pun daripada isteri yang diceraikan wajib diberi mut'ah.¹⁰¹

Berdasarkan pendapat-pendapat di atas, maka jelaslah bahawa pemberian mut'ah terhadap isteri adalah merupakan suatu yang dituntut oleh syarak ke atas suami setelah berlakunya perceraian. Hal demikian adalah berdasarkan kepada Firman Allah S.W.T:

وَالْمُطَلَّقَاتُ مَتَّعٌ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ

⁹⁵ Zuhailī, Wahbah al-, *Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh* (Damshiq: Dār al-Fikr al-Ma'sir, 1989), 9:326.

⁹⁶ Sharazī, Abī Ishāq Ibrāhīm bin 'Alī bin Yūsuf al-, *al-Muḥaḍḍhab Fī al-Fiqh al-Imām al-Syafīe* (Meṣīr: Maṭbā'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī Wa Auladuh, 1976), 2:80.

⁹⁷ Qurṭubī, Abī 'Abdillāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣarī al-, *al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'ān* (Kāherah: Dār al-Kitāb al-'Arabi, Li Ṭibā'ah Wa al-Nashr, 1967), 3:200.

⁹⁸ Muḥammad 'Alī al-Sābūnī, *Rawā'i al-Bayān al-Tafsīr Ayāt al-Aḥkam Min al-Qur'ān* (Damsyik: Maktābah al-Ghazālī, 1977), 2:294.

⁹⁹ *Ibid.*

¹⁰⁰ Qurṭubī, Abī 'Abdillāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣarī al-, *al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'ān* (Kāherah: Dār al-Kitāb al-'Arabi, Li Ṭibā'ah Wa al-Nashr, 1967), 3:203.

¹⁰¹ Muḥammad 'Alī al-Sābūnī, *Rawā'i al-Bayān al-Tafsīr Ayāt al-Aḥkam Min al-Qur'ān* (Damsyik: Maktābah al-Ghazālī, 1977), 2:295.

Maksudnya: “Dan isteri-isteri yang diceraikan berhak mendapat mut'ah (pemberian saguhati) dengan cara yang patut, sebagai satu tanggungan yang wajib atas orang-orang yang bertaqwa.”

Manakala dalam ayat lain, Allah S.W.T berfirman:

فَمَتَّعُوهُنَّ وَسَرَحُوهُنَّ سَرَاحًا جَمِيلًا

Al-Ahzāb 33:49

Maksudnya: “Oleh itu, berilah "mut'ah" (pemberian sagu hati) kepada mereka, dan lepaskanlah mereka dengan cara yang sebaik-baiknya.”

Dari segi kadar pemberian mut'ah pula, tidak terdapat suatu penetapan tertentu berkaitan dengan kadar pemberian mut'ah di sisi syarak. Apa yang menjadi pertimbangan adalah berdasarkan kepada persetujuan bersama dan dengan mempertimbangkan keadaan pihak-pihak yang terlibat. Menurut satu pendapat daripada mazhab syafie, kadar minimum pemberian mut'ah adalah sebanyak 30 dirham dan harus memberi mut'ah melebihi separuh daripada kadar mahar.¹⁰²

Namun demikian, jika berlakunya perselisihan antara pihak terbabit dalam menentukan kadar pemberian mut'ah, maka hakim akan menentukan kadarnya dengan mempertimbangkan keadaan kedua-dua belah pihak terutamanya taraf kehidupan serta kemampuan suami. Hal demikian adalah sebagaimana Firman Allah S.W.T:

¹⁰² Muḥammad, Sheikh al-Imām al-‘Allāmah Taqiuddīn Abī Bakr, Kifāyatul al-Akhyār Fī Ḥallī Ghāyah al-Ikhtisār (Meşīr: Maṭbā’ah Muḥammad ‘Alī Ṣabīḥ Wa Aulāduhu, 1350H), 2:63.

وَمَتَّعُوهُنَّ عَلَى الْمَوْسِعِ قَدَرُهُ وَعَلَى الْمُقْتَرِ قَدَرُهُ مَتَّعًا بِالْمَعْرُوفِ ۚ حَقًّا عَلَى

الْمُحْسِنِينَ

Al-Baqarah 2:236

Maksudnya:“Walaupun demikian, hendaklah kamu memberi "Mut'ah" (pemberian saguhati) kepada mereka (yang diceraikan itu). iaitu: suami yang senang (hendaklah memberi saguhati itu) menurut ukuran kemampuannya; dan suami yang susah pula menurut ukuran kemampuannya, sebagai pemberian saguhati menurut yang patut, lagi menjadi satu kewajipan atas orang-orang (yang mahu) berbuat kebaikan.”

2.3.4 Harta Sepencarian

Harta sepencarian adalah merupakan harta yang diperolehi bersama semasa perkahwinan hasil daripada sumber atau daripada usaha mereka bersama.¹⁰³ Harta sepencarian merupakan amalan yang berasaskan kepada undang-undang adat yang di amalkan oleh orang Melayu. Oleh kerana prinsip harta sepencarian adalah tidak bertentangan dengan kaedah syariat Islam, maka ianya diterima sebagai sebahagian undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Firman Allah S.W.T:

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبْنَ

Al-Nisā' 4:32

¹⁰³ Zaini Nasohah, *Perceraian: Hak Wanita Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2002), 77.

Maksudnya: “Orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan”

Pengiktirafan adat menjadi hukum sebagaimana harta sepencarian tersebut adalah bertepatan dengan kaedah perundangan Islam (*qawāid al-fiqhiyyah*) iaitu “adat mengambil tempat hukum”¹⁰⁴ yang bermaksud sesuatu yang diterima mengikut adat samalah kedudukannya seperti sesuatu yang dibuat mengikut syarak.

Manakala dari segi penentuan pembahagian harta sepencarian pula adalah dengan berdasarkan kepada kadar sumbangan suami atau isteri sama ada dalam pemilikan harta yang dituntut sama ada dalam bentuk wang, harta dan tenaga. Manakala sekiranya pihak tidak memberi apa-apa sumbangan dalam bentuk tersebut, maka penentuan adalah berdasarkan kepada sumbangan dalam bentuk moral seperti menjaga kebajikan keluarga dan anak-anak.¹⁰⁵

2.3.5 Hadhanah

Hadhanah dari segi bahasa berasal daripada perkataan ‘*al-ḥiḍn*’ bererti rusuk atau dada. Manakala dari segi istilah pula hadhanah bermaksud pemeliharaan atau perlindungan kanak-kanak yang masih kecil atau mereka yang sudah dewasa tetapi belum dapat membezakan antara baik dan buruk dengan menyempurnakan keperluannya, melindungi daripada bahaya dan mendidik rohani dan jasmani serta akalunya agar mampu berdiri sendiri menghadapi hidup dan memikul tanggungjawab.¹⁰⁶

Hukum hadhanah ke atas kanak-kanak kecil adalah wajib kerana seseorang yang tidak mampu mengurus dirinya sendiri akan menghadapi kebinasaan jika

¹⁰⁴ Ibn Nujaim, Zainal ‘Abidin bin Ibrahim, *al-Ashbah Wa al-Nadhāir* (Meşir: t.tp., 1968), 92.

¹⁰⁵ Zaini Nasohah, *Perceraian: Hak Wanita Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd), 81.

¹⁰⁶ Sābiq, Al-sayyid, *Fiqh al-Sunnah* (Matbā’ah al-Tamuzijyyah, 1976) 7:717.

dibiarkan begitu sahaja tanpa penjagaan oleh orang tertentu.¹⁰⁷ Para fuqaha' telah menggariskan beberapa syarat yang perlu bagi mereka yang memperoleh hak hadhanah iaitu¹⁰⁸:

- i. Berakal dan baligh.
- ii. Merdeka.
- iii. Islam
- iv. Amanah dan dapat menjalankan tanggungjawab dan mendidik anak dengan sempurna.
- v. Tidak berkahwin lain kecuali seseorang yang muhrim dengan anak itu.
- vi. Mesti seorang yang boleh menyusukan anak tersebut sekiranya anak tersebut masih menyusukan.

Manakala dari sudut hak memperoleh penjagaan hadhanah pula, Jumhur Ulama' berpendapat bahawa ibu yang diceraikan adalah orang yang paling berhak mendapat hak hadhanah berbanding yang lain¹⁰⁹ berdasarkan kepada hadis Rasulullah S.A.W:

عن عبد الله بن عمر بن العاص أن امرأة جاءت إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم فقالت: يا رسول الله إن ابني هذا كان بطني له وعاء، وحجر له حواء، وسدي له سقاء، وأن أباه طلقني وأراد أن يترعه مني، فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: أنت أحق به ما لم تتزوجي.

Maksudnya: “Abdullah bin ‘Amru meriwayatkan bahawasanya telah datang seorang perempuan menemui Rasulullah S.A.W dan bertanya: “Wahai Rasulullah, ini adalah anakku, perutkulah yang

¹⁰⁷ Qudāmah, Muḥammad ‘Abdullah bin Aḥmad bin Muḥammad , *al-Mughnī* (Kāherah: Hijr, 1992), 8:212.

¹⁰⁸ Mahmood Zuhdi Hj. Abdul majid dan Raihanah Hj Azahari , *Undang-Undang Keluarga Islam: Konsep dan Perlaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Karya Abazie, 1989), 194.

¹⁰⁹ Shawkanī, Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al- (1961), *Nailāl-Awṭhār* (Meṣīr: Maktābah Mustāfā al-Bābī al-Halbī, 1961) 5:368.

mengandungnya, susukulah yang memberi minumnya, dan pangkuankulah yang memangkunya. Sesungguhnya bapanya telah menceraikan aku dan dia hendak mengambil anaknya dengan paksa daripada aku”. Lalu Rasulullah S.A.W bersabda: “Sesungguhnya engkaulah yang berhak menjaga anak itu selagi engkau belum bernikah lain”.¹¹⁰

Manakala sekiranya ibu telah hilang kelayakan untuk menjadi pengasuh atau meninggal dunia, maka hak tersebut akan berpindah kepada:¹¹¹

- i. Nenek sebelah ibu hingga ke atas.
- ii. Bapa.
- iii. Kakak sebelah bapa sehingga ke atas.
- iv. Kakak atau adik perempuan seibu sebapa.
- v. Kakak atau adik perempuan seibu.
- vi. Kakak atau adik perempuan sebapa.
- vii. Anak perempuan kepada kakak atau adik perempuan seibu sebapa.
- viii. Anak perempuan kepada kakak atau adik perempuan seibu.
- ix. Anak perempuan kepada kakak atau adik perempuan sebapa.
- x. Emak saudara sebelah ibu.
- xi. Emak saudara saudara sebelah bapa.
- xii. Waris lelaki yang boleh menjadi waris kanak-kanak sebagai asabah.

¹¹⁰ Kahlanī, Muḥammad bin Ismā‘īl Al-, *Subl al-Salām*. (Meşīr: t.tp., 1379), 3:228.

¹¹¹ Zuhailī, Wahbah al-, *Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh* (Damshiq: Dār al-Fikr al-Ma’sir, 1989), 9:772.

2.4 KESIMPULAN

Salah satu sifat perundangan Islam adalah memberi jaminan bahawa setiap individu dalam masyarakat tidak akan dizalimi serta hak-hak mereka sentiasa terpelihara. Manakala, dilihat dalam perkara yang berhubung dengan hal ehwal perkahwinan dan kekeluargaan, Islam telah menggariskan hak-hak tertentu kepada sama ada semasa dalam tempoh perkahwinan mahupun setelah berlakunya perceraian. Hal demikian adalah bagi memastikan agar tidak berlakunya penganiayaan serta penindasan.

Oleh sebab itu, para wanita khususnya haruslah mengetahui hak-hak mereka yang telah termaktub di dalam undang-undang keluarga Islam terutamanya selepas berlakunya perceraian, agar mereka dapat membuat persiapan rapi sebelum mengambil langkah perceraian. Ini bagi menjamin kebahagiaan hidup mereka pada masa akan datang.

BAB III

PERUNTUKAN HAK WANITA SELEPAS BERCERAI DI BAWAH ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI KELANTAN NO. 6/2002

3.1 PENGENALAN

Perceraian tidak pernah diinginkan oleh sesiapaupun. Namun, jika telah ditakdirkan ia akan berlaku juga. Walaupun perceraian adalah suatu yang amat memedihkan untuk diterima oleh pasangan berkahwin, namun ada kalanya ianya terpaksa ditempuhi juga. Sebagai seorang Islam yang mempercayai kepada qada' dan qadar, seharusnya perkara tersebut dapat dihadapi dengan tenang, sabar dan berfikiran terbuka.

Apabila pasangan suami isteri telah mengambil jalan untuk bercerai, maka ianya tidak bererti bahawa kedua-dua pihak iaitu suami dan isteri tidak mempunyai apa-apa tanggungjawab lagi terhadap satu sama lain. Islam sebagai agama yang lengkap dan sempurna telah memperuntukkan hak-hak tertentu yang boleh dituntut oleh bekas isteri dan menjadi tanggungjawab bekas suami untuk menunaikannya.

Dalam konteks di Malaysia, hak-hak tersebut dapat dilihat dengan jelas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri. Salah satu sifat peruntukan undang-undang keluarga Islam ialah memberi jaminan bahawa setiap individu dalam masyarakat tidak akan dizalimi dan hak-hak mereka sentiasa terpelihara.¹¹² Dengan adanya peruntukan tersebut, dapat

¹¹² Zaini Nasohah, *Perceraian: Hak Wanita Islam*. (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2002,) 95.

dipastikan bahawa sekiranya pasangan suami isteri mengambil langkah untuk bercerai, maka perceraian tersebut hendaklah meminimumkan penderitaan dan kesengsaraan yang ditanggung oleh pihak-pihak yang terlibat. Perundangan yang diwujudkan bukanlah bertujuan menggalakkan perceraian tetapi bertujuan memastikan hak dan tanggungjawab dalam perkahwinan tersebut tetap terpelihara selepas perceraian berlaku.

3.2 ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI KELANTAN: SATU PENGENALAN

Apabila membicarakan berkenaan apa-apa perkara atau hak yang diperuntukkan bawah enakmen undang-undang keluarga Islam, maka seharusnya diketahui terlebih dahulu tentang konsep sebenar berkenaan undang-undang keluarga Islam. Hal demikian adalah kerana pengetahuan berkenaan konsep dan latar belakang undang-undang keluarga Islam tersebut adalah penting dalam memberikan gambaran serta kefahaman umum berkaitan undang-undang keluarga Islam sebelum diperhatikan secara lebih terperinci peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalamnya.

3.2.1 Konsep Undang-undang Keluarga Islam

Undang-undang Keluarga Islam dalam istilah Arab dikenali dengan nama '*al-ahwāl al-shakhsīyyah*' atau '*ḥuqūq al-ʿāīlah*' adalah merupakan satu istilah baru yang menggantikan istilah lama dalam fiqh Islam iaitu hukum perkahwinan atau '*munākahāt*'.¹¹³

Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa istilah al-ahwal al-shakhsīyyah diambil daripada undang-undang Perancis yang menggunakan istilah '*Le Statu Personnel*'. Undang-undang tersebut mencakupi soal kekeluargaan dan perkara

¹¹³ Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid dan Raihanah Hj. Azahari, *Undang-undang Keluarga Islam: Konsep dan Perlaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Karya Abazie, 1989), 20.

berhubung dengannya seperti perkahwinan, nasab, pusaka dan lain-lain perkara berhubung dengan kekeluargaan dan masyarakat.¹¹⁴

Manakala terdapat pandangan lain yang menyatakan bahawa istilah tersebut berasal daripada undang-undang Itali yang digunakan pada kurun ke-12 dan ke-13 ketika berlakunya pengkhususan yang dicakupi oleh undang-undang di negara itu. Pada masa itu terdapat dua sistem undang-undang iaitu Undang-undang Roman yang bersifat umum dan undang-undang bersifat tempatan yang dilaksanakan di bandar-bandar di Itali.¹¹⁵

Jika diperhatikan berkaitan skop al-ahwal al-shakhsiyyah, maka didapati terdapat perbezaan disebabkan tidak ada pengkhususan tertentu dalam perlaksanaannya serta bergantung kepada suasana di mana sistem undang-undang itu dilaksanakan. Misalnya di Syria, Undang-undang Keluarga Osmani (*Huqūq al-‘Āilah al-‘Osmāni*) telah dikuatkuasakan sehinggalah diganti dengan Undang-undang diri (Law of Personal Status) pada tahun 1953 yang memperuntukkan bidang kuasa mengenai perkahwinan, perceraian dan perkara-perkara seperti wali, wasiat, pusaka, umur perkahwinan, hadhanah, kafaah, bekues dan bekues wajib.¹¹⁶

Manakala di India, Undang-undang Diri (*Personal Law*) yang digunakan adalah merangkumi bidang-bidang yang lebih luas seperti perkahwinan, pembubaran perkahwinan, hak-hak keluarga (suami, isteri dan kaum kerabat yang lain), wasiat, harta tak berwasiat, harta sepencarian dan harta khairat.¹¹⁷

¹¹⁴ Mūsā, Muḥammad Yūsuf, *Aḥkām al-Aḥwāl al-Shakṣiyyah Fī al-Fiqh al-Islāmī* (Dār al-Kitāb al-‘Arabi, 1956), 15.

¹¹⁵ ‘Abd Tawwāb, Muawwiz, *Al-Waṣīf Fī Sharḥ Qawānīn al-Aḥwāl al-Shakṣiyyah* (Kāherah: t.tp, 1982), 7.

¹¹⁶ Tahir Mahmood, *Family Law Reform in The Muslim World* (Bombay: N. M. Tripathi, 1972), 85.

¹¹⁷ *Ibid.*, 167.

Jika diperhatikan di Mesir, skop al-ahwal al-shakhsiyyah diterangkan dalam Undang-undang Peraturan Mahkamah, tahun 1949 yang terkandung di dalam seksyen 13 dan 14 iaitu:¹¹⁸

Seksyen 13 memperuntukkan:

“Al-ahwal al-syakhsyah merangkumi bidang-bidang yang berhubungan dengan hal-hal individu dan keluarga, atau berhubungan dengan sistem kekeluargaan seperti pertunangan, perkahwinan, hak-hak kedua suami isteri dan kewajipannya, mahar, nafkah isteri, talak, nasab, nafkah kerabat, wilayah (wali), wasiat, hajr (penahanan) dan qiamah, suami hilang (ghaib), pusaka, wasiat dan lain-lain urusan yang bersangkutan dengannya selepas meninggal dunia”.

Seksyen 14 pula memperuntukkan:

“Hibah juga diperuntukkan di bawah al-ahwal al-syakhsyah bagi rakyat bukan Mesir yang undang-undangnya memperuntukkan hibah di bawah al-ahwal al-syakhsyah”.

Manakala, dalam konteks di Malaysia pula, Undang-undang Keluarga Islam adalah merupakan undang-undang yang mengendalikan tentang hal ehwal yang berkaitan dengan perkahwinan, perceraian dan apa-apa yang berkaitan dengan kedua-dua perkara tersebut dalam kalangan orang Islam di Malaysia. Perkara tersebut adalah sebagaimana dinyatakan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6 Negeri Kelantan Tahun 2002 iaitu:

“Satu enakmen bagi meminda dan menyatukan peruntukan-peruntukan Undang-undang Keluarga Islam mengenai perkahwinan, perceraian dan perkara-perkara lain berkaitan kehidupan keluarga.”¹¹⁹

Kuasa untuk melaksanakan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa negeri-negeri sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam Jadual Sembilan, Senarai Dua, Perlembagaan Malaysia. Oleh itu, terpulanglah kepada negeri-negeri untuk membuat undang-undang setakat yang dibenarkan oleh

¹¹⁸ ‘Abd Tawwāb, Muawwiz, *Al-Waṣīṭ Fī Sharḥ Qawānīn al-Aḥwāl al-Shakhsīyyah* (Kāherah: t.tp, 1982), 9-10.

¹¹⁹ Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6 Tahun 2002.

Perlembagaan. Lanjutan daripada itu, tiap-tiap negeri di Malaysia umumnya telah membuat Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam masing-masing.

Walaupun setiap negeri mempunyai undang-undang keluarga sendiri, namun pada asasnya terdapat keseragaman. Cuma terdapat beberapa perbezaan dalam aspek-aspek tertentu iaitu berhubung dengan poligami, fasakh dan umur perkahwinan.¹²⁰ Di samping itu juga, terdapat beberapa perbezaan dari aspek susunan frasa dalam peruntukan undang-undang, cara pengendalian berdasarkan arahan atau pentadbiran mahkamah setiap negeri.

Menyentuh berkaitan skop undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia pada masa kini, maka didapati secara umumnya merangkumi peruntukan berkaitan pertunangan, pernikahan, pendaftaran perkahwinan, perceraian, pendaftaran perceraian, peraturan-peraturan perkahwinan, perceraian (ta'liq, fasakh, rujuk), mut'ah, hakam, nafkah tanggungan, harta sepencarian, wasiat dan warisan. Manakala peruntukan-peruntukan berkenaan ila', zihar, dan lian tidak terdapat dalam peruntukan tersebut.¹²¹

3.2.2 Kedatangan Islam di Kelantan.

Negeri Kelantan berkemungkinan menerima kedatangan dan penyebaran Islam semenjak sebelum tahun 577 Hijrah (1181 Masihi) lagi. Hal demikian kerana pada waktu tersebut telah wujudnya kerajaan Islam di Kelantan sebagaimana yang terbukti melalui penemuan sekeping dinar emas yang ditemui di bekas tapak Kota Istana Kubang Labu pada tahun 1914 Masihi. Dinar emas tersebut adalah bertulis perkataan "الجلوس كلنتن" yang bermaksud menduduki singgahsana dan angka Arab "٥٧٧" bersamaan 577 Hijrah serta di bahagian sebelahanya pula tertulis perkataan "المتوكل"

¹²⁰ Raihanah Haji Abdullah, "Hak-hak Wanita di Dalam Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Wanita dan Perundangan Syarie di Pulau Pinang, 16 Ogos 1998), 2.

¹²¹ Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid dan Raihanah Hj. Azahari, *Undang-undang Keluarga Islam: Konsep dan Perlaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Karya Abazie, 1989), 29.

merupakan gelaran kepada raja yang memerintah iaitu “bertawakal kepada Allah”. Kelahiran kerajaan Kelantan pada masa tersebut bukanlah suatu yang ganjil kerana pada masa tersebut Islam telahpun berkembang di beberapa buah negara di Asia Tenggara.¹²²

Selain itu, mengikut riwayat pelayaran Ibnu Batuta dari India ke China tahun 1345 Masihi, beliau telah singgah di ‘Kilu Krai’(iaitu Kuala Krai). Menurutnyanya, beliau mengadap raja perempuan yang beragama Islam bernama Urduja dan boleh berbicara dengannya dalam bahasa Arab dan Parsi yang merupakan bahasa pengantar bagi negara-negara Islam pada masa itu.¹²³ Kedatangan Islam di Kelantan juga terbukti dengan terdapatnya Masjid Kampung Laut yang didirikan pada zaman Wali Songo pada abad ke-15 yang dipercayai ada hubungan dengan Masjid Kudus di Demak.¹²⁴

Oleh itu, berdasarkan fakta-fakta tersebut maka terbukti bahawa agama Islam telah lama bertapak di Kelantan yang telah melahirkan pusat-pusat pengajian Islam bermula dari Istana, masjid, pondok dan institusi pengajian yang menjadi tumpuan penuntut-penuntut dari dalam dan luar negara datang mendalami ilmu agama serta bersesuaian dengan nama timang-timangannya yang masyhur iaitu sebagai ‘Serambi Mekah’.

3.2.3 Sejarah Penggubalan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan.

Semenjak tersebarnya agama Islam di Kelantan, maka ajaran Islam telah tersebar luas dan dijadikan sebagai asas ikutan masyarakat Melayu Kelantan pada waktu itu dalam setiap aspek kehidupan termasuklah aspek kekeluargaan. Pada peringkat awal, undang-

¹²² Wan Hussein Azmi, “Islam di Malaysia: Kedatangan dan Perkembangan Abad 7 Masihi”, dalam *Tamadun Islam di Malaysia* (Persatuan Sejarah Malaysia, 1980), 144.

¹²³ Ab. Halim bin Hj. Ahmad, “Agama Islam di Kelantan”, *Jurnal Sejarah Kelantan* (1981), 2:72.

¹²⁴ W.G. Shellaber, *Sejarah Melayu* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967), 197.

undang yang terpakai dalam urusan kekeluargaan adalah undang-undang keluarga Islam yang tidak digubal secara rasmi dan termaktub dalam kitab-kitab fiqh.

Hal demikian dapat diperhatikan bahawa Undang-undang yang digunapakai di Kelantan sebelum kedatangan Inggeris ialah Undang-undang Islam dan Undang-undang Adat. Perundangan Islam telah berdiri kukuh di Kelantan semenjak zaman pemerintahan Sultan Muhammad I (1800-1837). Manakala semasa zaman pemerintahan Sultan Muhammad ke II (1839-1886), perundangan Islam lebih meluas diamalkan. Dua bentuk mahkamah telahpun ada pada waktu itu iaitu Mahkamah Jenayah dan Mahkamah Syariah. Pada zaman Sultan Mansur (1891-1900), peranan mufti pula diwujudkan bagi mengendalikan para imam dan menguruskan kes di mahkamah Syariah.¹²⁵

Keadaan tersebut berterusan sehinggalah usaha ke arah penggubalan secara rasmi hanya dapat dikesan pada awal kurun ke-20 iaitu selepas kerajaan Siam melantik W.A. Grahman sebagai Penasihat Kerajaan Kelantan. Pelantikan tersebut adalah berasaskan perjanjian *Anglo-Siamese Treaty* yang ditandatangani bersama oleh Britain dan Siam pada tahun 1902.¹²⁶

Semasa Grahman dilantik sebagai penasihat, terdapat usaha-usaha ke arah penggubalan undang-undang keluarga Islam, namun ianya hanya mengandungi beberapa peruntukan sahaja iaitu hanya berkaitan urusan pendaftaran perkahwinan dan perceraian orang-orang Islam. Bagi mengemas kini pentadbiran kekeluargaan orang-orang Islam, maka digubal “Peraturan Perceraian 1325 (1907)” pada 2 Rabiulawal

¹²⁵ Zetimimi Zakaria, “Kelantan Sebelum Persekutuan Tanah Melayu”, dalam Dato’ Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, *Warisan Kelantan XIV* (Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1997), 29.

¹²⁶ Ahmad Ibrahim, “Perundangan Islam di Kelantan”, (Kertas Kerja Seminar Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam Kelantan di Kota Bharu, 20-21 Julai 1971), 1.

1325.¹²⁷ Ia merupakan undang-undang terawal yang diluluskan secara rasmi di Kelantan namun ianya belum lagi diwajibkan.

Pada tahun 1909, satu lagi undang-undang telah diluluskan iaitu “Undang-undang Orang-orang Yang Hendak Bercerai Laki Bini dan lain-lainnya”. Seterusnya, pada tahun 1911, undang-undang “Peraturan perceraian 1325” telah dipinda untuk mengemas kini perkara yang berhubung perkahwinan dan perceraian di kalangan orang-orang Islam Kelantan dengan dikenali sebagai “An Enactment to Provide For The Registration of Marriages and Divorces of Muhammadans, No. 1/1911.”¹²⁸ Melalui penggubalan undang-undang tersebut, setiap perkahwinan dan perceraian mestilah di daftarkan.

Seterusnya, pada tahun 1914, Kelantan memperkenalkan pula undang-undang bagi mengawal salah laku dalam berpoligami. Peruntukan tersebut diperkenalkan bagi mengelakkan berlakunya penindasan terhadap wanita serta mengawal penyalahgunaan poligami yang dibenarkan oleh Islam. Undang-undang telah dikuatkuasakan melalui notis No. 5 tahun 1914 dan dinamakan “Notis Fasal Orang Islam Berkehendakkan Berbini Dua, Tiga Atau Empat”.¹²⁹

Peruntukan tersebut telah memperuntukkan bahawa sesiapa selain kerabat diraja yang ingin berkahwin lebih daripada satu atau berpoligami, mesti terlebih dahulu membuat akuan bertulis di hadapan Kadi yang ia akan berlaku adil kepada semua isteri-isterinya dan sanggup menanggung nafkah-nafkah mereka. Mereka yang melanggar peraturan tersebut akan dikenakan denda RM 100.00 atau 2 bulan penjara

¹²⁷ Abdul Kadir Haji Muhammad, “Penggubalan Undang-Undang Keluarga Islam di Kelantan”, dalam *Warisan Kelantan XIII* (Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1994), 2.

¹²⁸ *Ibid.*

¹²⁹ Ahmad Ibrahim, “Perundangan Islam di Kelantan”, (Kertas Kerja Seminar Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam Kelantan di Kota Bharu, 20-21 Julai 1971), 1.

manakala orang yang hadir dan imam yang menjalankan akad nikah tanpa akuan tersebut akan dikenakan denda sebanyak RM 200.00 atau penjara 3 bulan.¹³⁰

Jika diteliti, peruntukan tersebut menunjukkan bahawa undang-undang substantif kekeluargaan Islam yang termaktub di dalam kitab-kitab fiqh mula dijadikan undang-undang rasmi di Kelantan. Hal demikian dapat diperhatikan bahawa peruntukan tersebut mensyaratkan adil dan mampu sebagai pra-syarat bagi melayakkan seseorang itu berpoligami. Perkara demikian adalah selari dengan syariat Islam sebagaimana Firman Allah S.W.T:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَىٰ

وَتِلْثًا وَرُبْعًا ۚ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰ

أَلَّا تَعُولُوا ﴿٣﴾

Al-Nisā' 3: 3

Maksudnya: “Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin Dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman”.

¹³⁰ *Ibid.*

Selain itu juga, pada tahun 1919, Kelantan telah menguatkuasakan undang-undang yang dinamakan sebagai “ The Regulation of Marriage Between Kelantanese and Indians”. Hal ini kerana Kelantan pada masa tersebut juga menjadi tumpuan pedagang dari India dan berkahwin dengan wanita-wanita Kelantan. Oleh itu, bagi mengelak wanita dianiayai dan ditinggalkan begitu sahaja tanpa apa-apa nafkah dan sebagainya, maka undang-undang tersebut diperkenalkan.¹³¹

Di samping itu juga, pada tahun 1919 juga, telah diwujudkan satu undang-undang mengenai harta sepencarian bagi mengelak daripada berlakunya penganiayaan terhadap kaum wanita sekiranya berlaku perceraian. Undang-undang tersebut dikenali sebagai “Muhammadan Division of Property Between Husband and Wife” yang telah dikuatkuasakan melalui pengisytiharan No. 33 tahun 1919.¹³² Melalui peruntukan tersebut, maka Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk membahagikan harta sepencarian yang diperolehi bersama semasa waktu perkahwinan sekiranya berlaku perceraian.

Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan diperkemas dari semasa ke semasa dengan mempertingkatkan pentadbiran kekeluargaan orang-orang Islam. Oleh kerana itu, pada tahun 1938 telah digubal satu undang-undang keluarga Islam yang lebih lengkap dikenali sebagai “The Moslem Marriage and Divorce Enactment 1938, Enakmen No. 22/1938”. Pada tahun tersebut juga telah digubal beberapa undang-undang lain iaitu “ Undang-undang Jenayah Islam, No. 21/1938” dan juga “Undang-undang Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu, No. 23/1938”.¹³³

Undang-undang Keluarga Islam NO. 22/1938 yang dikuatkuasakan tersebut mengandungi empat bahagian dengan tiga puluh peruntukan. Jika diteliti peruntukan

¹³¹ Abdullah Alwi Haji Hassan, *The Administration of Islamic Law in Kelantan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1996), h. viii.

¹³² *Ibid.*

¹³³ Abdul Kadir Haji Muhammad, “Pengubalan Undang-Undang Keluarga Islam di Kelantan”, dalam *Warisan Kelantan XIII* (Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1994), 7.

tersebut, maka didapati bahawa banyak hukum-hukum substantif kekeluargaan Islam terkandung di dalam peruntukan tersebut. Misalnya, bahagian kedua menyentuh berkenaan perlaksanaan perkahwinan bermula dengan ikatan pertunangan, akad nikah, wali pernikahan, pendaftaran perkahwinan serta perkahwinan orang Kelantan dengan orang luar.¹³⁴ Manakala bahagian ketiga peruntukan tersebut pula memperuntukkan berkaitan pendaftaran perceraian, permohonan cerai takliq, pembayaran mut'ah, pelantikan hakim, perceraian fasakh dan juga tebus talak.¹³⁵

Undang-undang Keluarga Islam No. 22/1938 diguna pakai di Kelantan sehinggalah dimansuhkan apabila tergubalnya undang-undang baru pada tahun 1953 yang disebut sebagai “Undang-undang Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu dan Mahkamah Kadi”, No. 1/1953. Undang-undang tahun 1953 ini bukan sahaja berkaitan urusan kekeluargaan malah mencakupi pelbagai peruntukan lain termasuklah pentadbiran agama Islam dan juga undang-undang jenayah. Keseluruhan peruntukan ini mempunyai sepuluh bahagian dengan 206 peruntukan. Namun, peruntukan berkaitan kekeluargaan hanya diberi peruntukan yang sempit iaitu sebanyak 25 peruntukan sahaja.¹³⁶

Pada tahun 1966, telah digubal satu undang-undang baru yang memansuhkan undang-undang 1953 dikenali sebagai “Undang-undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam Tahun 1966”. Undang-undang tersebut mengandungi sebanyak 7 bahagian dengan 107 seksyen. Jika diperhatikan, undang-undang tahun 1966 mengandungi peruntukan berkaitan kekeluargaan Islam yang lebih banyak jika

¹³⁴ Moslem Marriage and Divorce Enactment 1983, Enakmen No. 22/1938, Negeri Kelantan. Seksyen 5-15.

¹³⁵ *Ibid.*, seksyen 16-22.

¹³⁶ Abdul Kadir Haji Muhammad, “Penggubalan Undang-Undang Keluarga Islam di Kelantan”, dalam *Warisan Kelantan XIII* (Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1994), 11.

dibandingkan dengan peruntukan yang terdapat dalam undang-undang tahun 1953 iaitu merangkumi 32 peruntukan.¹³⁷

Namun begitu, masih banyak lagi undang-undang substantif yang harus diperuntukkan secara rasmi dalam peruntukan undang-undang. Akibat pelbagai masalah baru yang timbul tiada dalam peruntukan serta untuk menyeragamkan undang-undang keluarga antara negeri-negeri, maka satu penggubalan yang lebih lengkap di peringkat persekutuan telah dibuat. Tengku Malik dari pejabat peguam negara memainkan peranan penting dalam penggubalan tersebut. Bagi mengkaji draf tersebut, satu jawatankuasa ditubuhkan terdiri dari wakil kerajaan negeri, Jabatan Agama Islam, termasuk timbalan mufti, kadi besar dan dua orang pensyarah dari Fakulti Undang-undang Universiti Malaya.¹³⁸ Akhirnya, selepas beberapa pindaan, draf tersebut diluluskan oleh kerajaan negeri dan kemudiannya dikenali sebagai “Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan Tahun 1983”.

Undang-undang tersebut telah memansuhkan segala peruntukan kekeluargaan yang terdapat dalam undang-undang tahun 1966. Peruntukan tersebut merangkumi sebanyak lapan bahagian dengan 129 peruntukan.¹³⁹ Undang-undang 1983 ini boleh dikatakan telah memperuntukkan sebahagian besar dari undang-undang substantif kekeluargaan Islam yang termaktub dalam kitab-kitab fiqh.

3.2.4 Pembaharuan dan Reformasi

Peruntukan Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan tanggungjawab dan kuasa mengurus hal ehwal Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam di bawah bidang

¹³⁷ *Ibid.*, 14.

¹³⁸ Ahmad Ibrahim, “Undang-undang Keluarga Islam Yang Baru” (Kertas Kerja Seminar Perundangan Islam di Kuala Lumpur, 24 Ogos 1986), 1.

¹³⁹ Abdul Kadir Haji Muhammad, “Penggubalan Undang-Undang Keluarga Islam di Kelantan”, dalam *Warisan Kelantan XIII* (Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1994), 16.

kuasa negeri-negeri.¹⁴⁰ Oleh kerana itu, wujudnya ketidakseragaman undang-undang antara negeri-negeri yang menyebabkan perbezaan dalam penghakiman antara negeri-negeri dalam kes yang sama serta menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

Bertitik tolak dari itu, pada tahun 1980-an, satu usaha telah dijalankan untuk mengadakan draf Undang-undang Keluarga Islam yang seragam dan boleh diterima pakai oleh semua negeri di Malaysia. Hasilnya, satu draf Undang-undang Keluarga Islam telah dibentuk dan dipersetujui oleh Majlis Raja-raja. Kemudiannya, draf tersebut dikemukakan kepada tiap-tiap negeri untuk dijadikan undang-undang. Beberapa pindaan yang agak penting telah dibuat oleh Negeri Kelantan dan Kedah dan akhirnya telah wujud beberapa draf undang-undang.¹⁴¹

Berikutan dengan itu, beberapa tahun kemudian langkah telah diambil untuk mengkaji semula Akta dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri supaya lebih dekat antara satu sama lain. Satu senarai pindaan lengkap oleh negeri-negeri dikemukakan dan dirunding antara pihak berkuasa setiap negeri dan hasilnya boleh dikatakan semua negeri menerima baik cadangan tersebut. Walau bagaimanapun masih terdapat beberapa negeri yang masih belum membuat pindaan terhadap Undang-undang Keluarga Islam Negeri masing-masing.¹⁴²

Rentetan daripada itulah, maka draf undang-undang tersebut telah dibentangkan di peringkat Dewan Undangan Negeri Kelantan dan telah diluluskan pada 27 Oktober 2002¹⁴³ seterusnya dikuatkuasakan di negeri Kelantan dan dikenali dengan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6 Tahun 2002.

¹⁴⁰ Perkara 3(1-5) Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan Senarai 2, Senarai Negeri, Butiran 1,

¹⁴¹ Abdul Monir Yaacob, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam: Pengkuanan, Reformasi dan Penyelarasan. *Jurnal Undang-Undang 1* (Malaysia: IKIM, 1998), 2:67.

¹⁴² *Ibid.*, 68.

¹⁴³ Muhammad Asri Abdullah, "Sejauhmana Penyelarasan dan Penyeragaman Undang-undang Islam Telah Berlaku dan Sambutan Negeri-negeri". (Seminar Penyelarasan dan Penyeragaman Undang-Undang Peringkat Kebangsaan, Universiti Malaya, 2011), 7.

Dengan terlaksananya enakmen ini bererti termansukhlah segala peruntukan undang-undang yang terdapat dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 1983.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6 Tahun 2002 secara umumnya mengandungi sebanyak 10 bahagian dengan 136 peruntukan. Enakmen ini boleh dikatakan telah memperuntukkan sebahagian besar undang-undang substantif kekeluargaan Islam yang termaktub dalam kitab-kitab fiqh. Sebahagian besar dari peruntukan enakmen ini adalah berdasarkan mazhab Syafie dengan mengambil kira juga mazhab-mazhab lain apabila terdapat nas-nas atau dalil yang lebih kuat. Ini adalah bertepatan dengan tujuan syariat Islam untuk memberikan kemudahan dan kemanfaatan serta menolak kemudaratan bagi mewujudkan undang-undang yang tidak terlalu rigid dan sesuai dalam situasi masyarakat hari ini.

3.3 PERUNTUKAN HAK WANITA SELEPAS BERCERAI DI BAWAH ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI KELANTAN NO. 6 TAHUN 2002.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6 Tahun 2002, merupakan satu enakmen yang mengendalikan hal ehwal perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan dan perkara-perkara lain berkaitan dengan kehidupan keluarga.¹⁴⁴ Salah satu fungsi utama penggubalan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam adalah bagi memastikan pihak-pihak yang terbabit tidak teraniaya serta mengurangkan penderitaan dan kesengsaraan yang ditanggung oleh pihak-pihak yang terlibat.

Oleh kerana itu, sudah semestinya enakmen tersebut merangkumi peruntukan-peruntukan khusus berhubung hak-hak wanita selepas bercerai. Hal demikian adalah untuk mengelak berlakunya penindasan khususnya terhadap wanita selepas bercerai. Peruntukan-peruntukan tersebut adalah selari dengan tuntutan Islam yang

¹⁴⁴ Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 6 Negeri Kelantan Tahun 2002.

memperuntukkan hak-hak tertentu yang boleh dituntut oleh bekas isteri dan menjadi tanggungjawab bekas suami untuk menunaikannya. Antara hak-hak wanita selepas bercerai yang diperuntukkan di bawah Enakmen tersebut ialah sebagaimana berikut:

3.3.1 Hak Terhadap Mas Kahwin Tertunggak.

‘Mas kahwin’ menurut tafsiran Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 6 Negeri Kelantan Tahun 2002 bermaksud pembayaran kahwin yang wajib dibayar di bawah hukum syarak oleh suami kepada isteri pada masa perkahwinan di akad nikahkan, sama ada berupa wang yang sebenarnya dibayar atau diakui sebagai hutang dengan atau tanpa cagaran, atau berupa sesuatu yang menurut hukum syarak dapat dinilai dengan wang.¹⁴⁵

Seksyen 21(1) dan (2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 6 Negeri Kelantan Tahun 2002 memperuntukkan berkenaan dengan mas kahwin dan pemberian sebagaimana berikut:

21.(1) Mas kahwin hendaklah biasanya dibayar oleh pihak lelaki atau wakilnya kepada pihak perempuan atau wakilnya di hadapan orang yang mengakadnikahkan perkahwinan itu dan sekurang-kurangnya dua orang saksi lain.

(2) Pendaftar hendaklah, mengenai tiap-tiap perkahwinan yang hendak didaftarkan olehnya, menentu dan merekod;

- (a) Nilai dan butir-butir lain mas kahwin;
- (b) Nilai dan butir-butir lain pemberian;
- (c) Nilai dan butir-butir lain apa-apa bahagian mas kahwin atau pemberian atau kedua-duanya yang telah dijanjikan tetapi tidak di jelaskan pada masa akad nikah itu, dan tarikh yang dijanjikan untuk penjelasan; dan
- (d) Butir-butir cagaran yang diberi bagi menjelaskan mas kahwin atau pemberian.¹⁴⁶

Jika diteliti, peruntukan di atas adalah bertujuan untuk memastikan hak wanita terhadap mas kahwinnya dicatat dengan lebih teratur agar ianya dapat dipastikan

¹⁴⁵ *Ibid.*, Seksyen 2(1).

¹⁴⁶ *Ibid.*, seksyen 21(1)(2).

dengan tepat, sama ada telah dijelaskan atau belum supaya jika timbul pertikaian catatan tersebut dapat dijadikan bukti yang suami masih belum menjelaskannya.

Manakala Seksyen 59 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 6 Negeri Kelantan Tahun 2002 memperuntukkan berkaitan hak isteri terhadap mas kahwin dan pemberian dijamin tidak terjejas sebagaimana berikut:-

Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam enakmen ini boleh menyentuh apa-apa hak yang mungkin ada pada seseorang isteri di bawah hukum syarak terhadap mas kahwinnya dan pemberian kepadanya atau apa-apa bahagian daripadanya apabila perkahwinannya dibubarkan.¹⁴⁷

Daripada keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa seorang isteri mempunyai hak penuh terhadap mas kahwin yang di berikan oleh suaminya dan hak ini tidak terjejas walaupun dengan berlakunya perceraian. Mas kahwin yang tidak dibayar adalah menjadi hutang suami kepada isteri.¹⁴⁸ Hal demikian terkecuali sekiranya perceraian tersebut terjadi sebelum persetubuhan berlaku di mana bekas isteri dalam kes ini hanya berhak mendapat separuh dari jumlah mas kahwin yang diberikan kepadanya.

Hal demikian dapat dilihat dalam kes *Siti Zamrah lwn Maliki*¹⁴⁹ di Kelantan, isteri telah menuntut mas kahwin dan pemberian dari bekas suaminya yang mendakwa bahawa mas kahwin dan pemberian tersebut telah dijelaskan kesemua kepadanya untuk memudahkan perceraian dengan mengemukakan satu saksi. Selepas pihak menuntut bersumpah menafikan perjanjian yang dikatakan oleh suaminya, Mahkamah memutuskan pihak kena tuntutan membayar RM770 kepada pihak menuntut. Manakala

¹⁴⁷ *Ibid.*, Seksyen 59.

¹⁴⁸ Zaleha Kamaruddin, *Wanita dan Keadilan* (Kuala Lumpur: ANZ Charisma, 1999), 84.

¹⁴⁹ (1986) 6 JH 130.

dalam kes *Sha'ari bin Mat lwn Teh bin Hashim*,¹⁵⁰ Mahkamah telah memerintahkan suami membayar mas kahwin sebanyak RM300 yang masih tertunggak.

3.3.2 Hak Terhadap Mut'ah.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No.6 Negeri Kelantan Tahun 2002, seksyen 2(1) mentafsirkan mut'ah sebagai bayaran sagu hati yang diberi dari segi hukum syarak kepada isteri yang diceraikan.¹⁵¹

Kadi Besar Pulau Pinang, Haji Harussani bin Hj. Zakaria, dalam kes *Piah bte Said lwn Che Lah bin Awang*¹⁵² mendefinisikan mut'ah sebagaimana berikut:

“Mut'ah adalah pemberian yang bertanggung ke atas seorang suami yang menceraikan isteri. Tanggungan mut'ah tidak gugur dalam apapun perceraian berlaku kecuali jika perceraian itu disebabkan keaiban di pihak isteri terhadap suaminya atau perceraian kerana mati.”

Manakala, dalam kes *Ningal @ Yang Chik bin Hashim lwn Jamal bin Abdul Rahman*¹⁵³ pula, Hakim Haji Harussani bin Hj. Zakaria menjelaskan mut'ah sebagaimana berikut:

“Mut'ah juga bertujuan menutup rasa malu yang dialami oleh isteri, menghindarkan fitnah dan sebagai asas untuk memulakan hidup bersendirian. Seorang isteri yang diceraikan akan merasa malu dan mungkin pula menerima prasangka buruk dari masyarakat sekeliling. Untuk menghilangkan prasangka buruk bahawa seorang itu diceraikan bukanlah kerana keaiban yang ada pada dirinya, maka mut'ah diwajibkan ke atas suami. Seorang isteri yang lazimnya bergantung hidup kepada suami akan menghadapi kepayahan untuk memulakan kehidupan persendirian. Dasar mut'ah adalah keredaan kedua-dua pihak tetapi jika tidak tercapai persetujuan maka penentuan dibuat oleh Kadi. Penentuan kadar telah digariskan oleh syarak dengan nilai kedudukan kaya miskin suami dan sifat serta keadaan isteri. Sifat adalah perwatakan dan keadaan ialah kedudukan keluarga atau status keluarga dalam masyarakat. Kaya dan miskin ialah nilai semasa dari segi perolehan dan penilaian.”

¹⁵⁰ (1983) JH 108.

¹⁵¹ Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 6 Negeri Kelantan Tahun 2002. Seksyen 2(1).

¹⁵² (1983) 3 JH 220.

¹⁵³ (1986) 6 JH 146.

Seseorang isteri yang diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya mempunyai hak untuk memohon mut'ah atau pemberian saguhati di mahkamah dan mahkamah boleh memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang berpatutan menurut hukum syarak. Perkara tersebut adalah berdasarkan Seksyen 58 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 6 Negeri Kelantan Tahun 2002 yang memperuntukkan:

Selain daripada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut'ah atau pemberian saguhati kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila apabila perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.¹⁵⁴

Pemberian mut'ah adalah boleh sama ada berbentuk pakaian, barang-barang atau wang mengikut kesesuaian dengan keadaan dan kemampuan pihak suami. Dasar penetapan mut'ah adalah bergantung kepada keredaan dan persetujuan antara suami isteri. Walau bagaimanapun jika kadarnya menjadi pertelingkahan suami isteri, maka mahkamah boleh menggunakan budi bicaranya dalam memutuskan kadar yang patut berdasarkan kepada kemampuan suami.¹⁵⁵

Terdapat banyak kes perceraian yang melibatkan tuntutan mut'ah telah dibuat. Kebanyakan para suami tidak memahami tentang kewajipan mereka membayar mut'ah selepas perceraian. Antaranya kes *Ramlah lwn Mohamed*¹⁵⁶, iaitu isteri yang diceraikan menuntut mut'ah bersama nafkah iddah. Kadi Besar memutuskan pihak suami supaya membayar mut'ah atas kadar setengah bulan gaji suami setelah potongan iaitu RM 698.

¹⁵⁴ Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 6 Negeri Kelantan Tahun 2002, Seksyen 58.

¹⁵⁵ Zaini Nasohah, *Perceraian: Hak Wanita Islam*. (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2002,) 55-56.

¹⁵⁶ (1980) 1 JH (2) 77.

Manakala dalam kes *Tengku Anun Zaharah bt Tengku Abdul Hamid lwn Dato' Dr Hussein bin Mohd Yusof*¹⁵⁷ pula, isteri yang telah diceraikan membuat tuntutan mut'ah. Kadi Besar berpendapat bahawa perceraian yang dilakukan oleh penentang bukanlah atas kehendak pemohon sekalipun pihak menuntut ada membuat pengaduan, tetapi pengaduan itu lebih setahun yang lalu. Penentang dalam kes tersebut gagal memberi kenyataan dari mana-mana Mahkamah Syariah bahawa pihak menuntut disabitkan nusyuz, khalwat atau zina. Maka, kadi Besar berpendapat tuduhan penentang adalah tertolak. Oleh itu, Mahkamah memutuskan pihak menuntut berhak mendapat bayaran mut'ah sebanyak RM 25 200 dan bayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 3 bulan dari tarikh hukuman dijatuhkan.

Dalam kes *Tengku Puteri Zainah Iskandar lwn dato, Seri Mohd Najib Abdul Razak*¹⁵⁸ pula, penentang telah menawarkan RM 36,000 sebagai mut'ah, namun perayu menolak malah memfailkan tuntutan mut'ah berjumlah RM5 juta. Penentang menyatakan bahawa tuntutan RM 5 juta adalah satu amaun yang tidak diterima akal dan tidak berpandukan ajaran Islam. Perayu kemudiannya memohon perintah supaya penentang menyampaikan butiran maklumat secara terperinci butir-butir harta lain dan tak alih milik penentang. Kadi Besar telah menolak permohonan perayu kerana didakwa berlawanan dengan syarat perkara yang didakwa menurut acara dan beban pembuktian dalam undang-undang Islam. Perayu dalam kes ini telah membuat rayuan, namun Mahkamah Rayuan Syariah juga menolak rayuan tersebut.

3.3.3 Hak Terhadap Nafkah Iddah.

Nafkah menurut ungkapan undang-undang membawa maksud apa-apa bentuk saraan yang digambarkan melalui jumlah wang atau nilai wang yang dibayar oleh satu pihak yang menanggung kepada pihak yang ditanggung atau beberapa pihak lain yang berada

¹⁵⁷ (1980) 2 JH 125.

¹⁵⁸ (2004) CLJ (Sy) 347.

di bawah tanggungannya. Dalam maksud yang lebih luas, nafkah ialah sejenis keperluan asas dan sampingan yang disampaikan kepada pihak-pihak tertentu sama ada suami atau isteri. Bekas suami atau bekas isteri, anak atau anak-anak daripada perkahwinan bagi membolehkan tanggungannya meneruskan tanggungan hidup.¹⁵⁹

Hak isteri mendapat nafkah iddah atau pemberian selepas perceraian diperuntukkan dengan jelas di bawah seksyen 60(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No.6 Negeri Kelantan Tahun 2002 iaitu:

Tertakluk kepada hukum Syarak Mahkamah boleh memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya.¹⁶⁰

Berdasarkan peruntukan di atas, jelaslah bahawa seseorang isteri berhak untuk mendapat nafkah daripada suaminya semasa perkahwinan dan juga selepas perceraian iaitu dalam tempoh iddah perceraian dengan suaminya. Namun begitu, jika isteri tersebut sabit atau sah nusyuznya, sama ada terdahulu daripada talaknya atau semasa dalam iddahnya, maka isteri tersebut tidak berhak mendapat nafkah iddah. Hal demikian adalah sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 60(2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No.6 Negeri Kelantan Tahun 2002 iaitu:

Tertakluk kepada hukum syarak dan pengesahan Mahkamah, seseorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila dia nusyuz atau enggan dan tidak berpatutan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya, iaitu antara lain –

- (a) Apabila dia menjauhkan dirinya dari suaminya;
 - (b) Apabila dia meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya; atau
 - (c) Apabila dia enggan berpindah bersama suaminya kesatu rumah atau tempat lain ;
- Tanpa apa-apa sebab yang sah mengikut hukum syarak.¹⁶¹

¹⁵⁹ Shamsuddin Suhor dan Nor Aziah Mohd Awal, *Siri perkembangan Undang-undang di Malaysia: Undang-undang keluarga (Sivil)* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 7:124.

¹⁶⁰ Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No.6 Negeri Kelantan Tahun 2002, Seksyen 60(1).

¹⁶¹ *Ibid.*, Seksyen 60(2).

Manakala dari segi tempoh pemberian nafkah iddah pula adalah terhenti setelah tamatnya tempoh iddah isteri atau apabila isteri itu nusyuz. Selain itu, nafkah iddah juga akan terhenti apabila isteri tersebut berkahwin dengan lelaki lain. Perkara tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 66(1)(2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 6 Negeri Kelantan Tahun 2002 sebagaimana berikut:

- (1) Hak bagi seseorang isteri yang telah bercerai untuk menerima nafkah daripada suaminya yang dahulu di bawah sesuatu perintah Mahkamah hendaklah terhenti apabila tanat tempoh iddah atau apabila isteri menjadi nusyuz.
- (2) Hak isteri yang diceraikan untuk menerima pemberian daripada bekas suaminya di bawah sesuatu perjanjian hendaklah terhenti diatas perkahwinan semula isteri itu.¹⁶²

Manakala dalam seksyen 71(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 6 Negeri Kelantan Tahun 2002 pula memperuntukkan berkaitan hak isteri yang diceraikan untuk mendapatkan hak tempat tinggal sepanjang tempoh iddah daripada suaminya kecuali isteri tersebut telah berkahwin semula atau telah bersalah melakukan perbuatan yang memberahikan secara terbuka (*fāhisyah*) sebagaimana berikut:

Seseorang perempuan yang diceraikan adalah berhak tinggal di rumah di mana dia biasa tinggal semasa dia berkahwin selagi suami tidak mendapatkan tempat tinggal lain yang sesuai untuk isteri.¹⁶³

Berdasarkan peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di atas, maka dapat difahami bahawa seorang isteri yang diceraikan berhak mendiami tempat tinggal dan berhak mendapatkan nafkah iddah dari bekas suaminya dalam tempoh iddah. Hal demikian sebagaimana menurut Kadi Besar Pulau Pinang, Hj, Harussani bin Hj. Zakaria ketika memutuskan kes *Noor Bee lwn Ahmad Shanusi*¹⁶⁴ menyatakan:

“Hak nafkah iddah jika tidak dibayar semasa iddah, maka ia menjadi hutang ke atas suami yang menceraikan isterinya. Tetapi tempat

¹⁶² *Ibid.*, seksyen 66(1)(2).

¹⁶³ *Ibid.*, seksyen 72(1).

¹⁶⁴ (1978) 1 JH (2) 63.

kediaman jika tidak di tuntutan semasa dalam iddah, maka hak itu terluput”.

Antara contoh kes berkaitan tuntutan nafkah iddah ialah kes *Zainuddin lwn Anita*¹⁶⁵ isteri telah memfailkan tuntutan iddah berjumlah RM 1500, nafkah anak berjumlah RM 400 sebulan bagi dua orang anak dan nafkah tertunggak sebanyak RM 250 sebulan mulai september 1997 sehingga disember 1979. Mahkamah memerintahkan suami membayar nafkah tertunggak ke atas isteri sebanyak RM 2700, nafkah anak dua orang RM 3000 dan nafkah iddah biasa 3 bulan sebanyak RM900. Pembayaran hendaklah dibuat melalui potongan gaji setiap bulan selama 30 bulan.

Manakala dalam kes *Piah lwn Che Lah* pula, isteri telah membuat tuntutan nafkah iddah. Kadi besar berpendapat atas fakta kes bahawa isteri telah nusyuz kerana telah meninggalkan rumah tanpa izin suaminya dan tidak ada sebab yang munasabah. Mahkamah memutuskan tuntutan nafkah iddah isteri tertolak walaupun tuntutan lainnya untuk mut’ah dan harta sepencarian telah diluluskan.

3.3.4 Hak Terhadap Harta Sepencarian.

Tuntutan harta sepencarian adalah lebih berdasarkan kepada undang-undang adat Melayu.¹⁶⁶ Oleh kerana prinsip harta sepencarian yang tidak berlawanan dengan kehendak Syariah Islam, maka peruntukan harta sepencarian diterima sebagai sebahagian daripada undang-undang Islam di Malaysia. Hal demikian dapat dilihat dalam Kes *Boto’ bin Taha lwn Jaafar bin Muhamed*¹⁶⁷, Hakim Tun Salleh Abas dalam penghakimannya menyatakan:

Harta sepencarian adalah lebih berasaskan adat yang diamalkan oleh orang-orang Melayu daripada berasaskan kepada hukum fiqh Islam”.

¹⁶⁵ (1983) 4 JH 73.

¹⁶⁶ Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid dan Raihanah Azahari, *Undang-undang Keluarga Islam: Konsep dan Perlaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Karya Abazie, 1987), 205.

¹⁶⁷ (1985) 2 MLJ 98.

‘Harta sepencarian’ menurut ungkapan undang-undang bermaksud harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan. Gambaran ini dapat dilihat dalam kes *Hajjah Lijah binti Jamal lwn Fatimah binti Mat Diah*,¹⁶⁸ apabila Hakim Briggs mentakrifkan harta sepencarian seperti berikut:

“Harta yang diperolehi dalam masa mereka hidup berkahwin sebagai suami isteri, hasil daripada daya usaha mereka atau melalui usaha mereka bersama.”

Kadi Besar Pulau Pinang, Tun Hj. Harussani bin Hj. Zakaria dalam kes *Piah bt. Said lwn She Lah bin Awang*¹⁶⁹ pula, mentakrifkan harta sepencarian sebagaimana berikut:

Harta sepencarian ialah harta yang diperolehi bersama semasa suami isteri itu hidup bersama dan berusaha, sama ada kedua-dua pasangan itu sama-sama bekerja dalam bidang yang sama atau dalam bidang yang berlainan sama ada secara rasmi atau tidak rasmi sama ada dibahagikan tugas atau tidak.

Manakala Dalam kes *Awang lwn Shamsuddin*¹⁷⁰ Hakim Ismail bin Yahya menjelaskan bahawa harta sepencarian terbahagi kepada tiga jenis iaitu:

- i. Harta yang diperolehi dengan usaha bersama suami isteri dalam masa perkahwinan.
- ii. Harta yang diperolehi secara individu oleh satu pihak (kebiasaannya suami) kerana isteri tidak bekerja. Dalam keadaan ini isteri masih mempunyai hak ke atas harta itu kerana tanggungjawab isteri menjaga rumah tangga dan anak serta turut menyumbang kesejahteraan dan kekuatan kepada suami mengumpul harta.

¹⁶⁸ (1950) 16 *MLJ* 63.

¹⁶⁹ (1983) 2 *JH* 220.

¹⁷⁰ (1997) *JH* 11.

- iii. Harta yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan tetapi dimajukan bersama pada sebahagian besar dalam tempoh perkahwinan tersebut.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 6 Negeri Kelantan Tahun 2002, seksyen 122(1) memperuntukkan berkaitan kuasa mahkamah memerintah pembahagian harta sepencarian sebagaimana berikut:

Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talak atau apabila membuat satu perintah perceraian untuk memerintah supaya apa-apa aset yang di perolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka di bahagi antara mereka atau mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.¹⁷¹

Manakala, dalam menentukan pembahagian harta sepencarian, hendaklah mengambil perhatian tentang beberapa perkara tertentu sebagaimana terkandung di dalam peruntukan seksyen 122(2)(a)(b) dan (c) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 6 Negeri Kelantan Tahun 2002 iaitu:

Pada menjalankan kuasa yang di beri oleh subsyeksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang:-

- (a) Takat sumbangan- sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta atau kerja bagi memperoleh aset-aset itu;
- (b) Apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka.
- (c) Keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu. Jika ada.¹⁷²

Peruntukan-peruntukan tersebut adalah penting bagi menjaga hak-hak pasangan yang telah bercerai sama ada isteri mahupun suami terhadap harta sepencarian di

¹⁷¹ Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No.6 Negeri Kelantan Tahun 2002, seksyen 122(1).

¹⁷² *Ibid.*, seksyen 122(2)(a)(b)(c).

samping menjelaskan panduan yang perlu dipatuhi dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi semasa menentukan pembahagian harta sepencarian.

Antara contoh kes berkenaan tuntutan harta sepencarian di Kelantan boleh dilihat dalam kes *Bidah lwn Abdul Ghani*.¹⁷³ Dalam kes tersebut, isteri yang telah diceraikan telah menuntut sebahagian dari harta sepencarian. Kedua-dua pihak dalam perbicaraan telah mencapai persetujuan dan Timbalan Kadi besar telah memutuskan bahawa suami berhak ke atas rumah bernilai RM6,800. Justeru itu, suami berhak ke atas RM2000 dan isteri hendaklah membayar RM2000 itu kepada suami. Manakala baki nilai harga rumah sebanyak RM4800 diakui sebagai harta sepencarian dan hendaklah dibahagi dua antara mereka. Hakim juga memutuskan harga lembu RM1300, wang tunai RM150 dan tikar getah bernilai RM150 dibahagikan antara mereka.

Selain itu, dalam kes *Hajjah Lijah binti Jamal lwn Fatimah binti Mat Diah*¹⁷⁴ pula, seorang balu telah membuat tuntutan harta sepencarian terhadap sebahagian daripada tanah yang di daftarkan di dalam mukim atas nama suaminya yang telah meninggal dunia dengan dibuktikan bahawa dia ada mempunyai tanah tertentu sebelum perkahwinan dan suaminya tidak mempunyai tanah. Kemudiannya, mereka mengusahakan tanah tersebut dan hasil daripada itu mereka membeli tanah lain dan tanah tersebut juga diusahakan oleh mereka berdua. Hakim Briggs memutuskan bahawa tanah tersebut sebagai harta sepencarian dan ½ daripada tanah tersebut diberikan kepada balu tersebut.

Manakala dalam kes *Mamat lwn Fatimah*¹⁷⁵ juga di Kelantan, bekas isteri telah menuntut harta sepencarian dari tanah dan rumah yang didakwa telah membayar bayaran pendahuluan sebanyak RM160 daripada duit simpanan mereka berdua.

¹⁷³ (1982) 4 JH 225.

¹⁷⁴ (1950) 16 MLJ 63.

¹⁷⁵ (1978) 1 JH (1) 63.

Mereka juga telah mengerjakan tanah itu bersama-sama dengan seorang yang lain dan mendirikan rumah di atas tanah itu. Mahkamah Kadi telah memutuskan bahawa oleh kerana suami telah mengaku menerima RM160 dari wang bersama dan tanah itu dikerjakan secara bersama, maka ianya dihukumkan sabit harta sepencarian. Manakala mengenai tanah lain, suami diminta bersumpah bahawa ianya bukan harta sepencarian. Jika suami enggan, maka sumpah akan dikembalikan kepada pihak isteri dan jika dia mengangkat sumpah, maka ianya adalah sabit sebagai harta sepencarian. Pihak kena tuntutan dalam kes tersebut telah membuat rayuan dan jemaah pengadilan telah memerintah kes tersebut supaya dibicarakan semula kerana didapati wujudnya beberapa perkara lain yang perlu ditimbulkan ketika perbicaraan. Antaranya:

- i. Perkara 1/3 usaha isteri yang diakui oleh suami itu tidak ditimbulkan dan tidak dinilai dalam perbicaraan.
- ii. Kerjasama yang didakwa oleh isteri itu tidak diminta penjelasan. Adakah sama banyak dengan usaha suami dan adakah ia sebagai tolong-menolong antara suami isteri yang pernah juga berlaku atau dilakukan oleh isteri dengan tujuan habuan dari apa yang dikerjakan.
- iii. Tidak berbangkit dalam perbicaraan adakah isteri mengeluarkan bayaran tanah itu sama ada dengan cara sebagai hutang kepada suami atau beri dengan tujuan mendapat sebahagian dari tanah itu.

3.3.5 Hak Hadhanah.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No.6 Negeri Kelantan Tahun 2002 memperuntukkan satu peruntukan khas berkaitan dengan hak hadhanah atau hak penjagaan anak. Antara perkara yang diperuntukkan di bawah enakmen tersebut adalah merangkumi orang yang berhak menjaga kanak-kanak, kelayakan-kelayakan yang

perlu untuk penjagaan, bagaimana hak penjagaan hilang, tempoh penjagaan, penjagaan anak tak sah taraf, serta kuasa Mahkamah membuat perintah mengenai penjagaan.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No.6 Negeri Kelantan Tahun 2002, Seksyen 82(1), memperuntukkan bahawa ibu adalah orang yang paling berhak untuk menjaga anak kecilnya selagi ibu tersebut masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan. Namun, ianya tertakluk kepada kelayakan-kelayakan yang perlu untuk penjagaan sebagaimana yang diperuntukkan dibawah seksyen 83(a)(b)(c)(d)(e) enakmen yang sama iaitu:

Seseorang yang mempunyai hak mendidik seseorang kanak-kanak, adalah berhak menjalankan hak terhadap hadhanah jika:

- (a) Dia adalah seorang Islam;
- (b) Dia adalah sempurna akal;
- (c) Dia berumur yang melayakkan dia memberi kepada kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang yang mungkin diperlukan oleh kanak-kanak itu;
- (d) Dia berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah; dan
- (e) Dia tinggal di tempat dimana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.¹⁷⁶

Akan tetapi, hak penjagaan yang diberikan kepada ibu akan berpindah kepada orang lain jika mahkamah berpendapat bahawa ibu telah kehilangan kelayakan hadhanah sebagaimana peruntukan seksyen 82(2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 6 Negeri Kelantan Tahun 2002 iaitu:

Jika Mahkamah berpendapat bahawa ibu adalah hilang kelayakan di bawah hukum syarak dari mempunyai hak terhadap hadhanah atau penjagaan anaknya, maka hak itu, tertakluk kepada subseksyen (3), hendaklah berpindah kepada salah seorang yang berikut mengikut susunan keutamaan yang berikut, iaitu:

- (a) Nenek sebelah ibu hingga ke atas;
- (b) Bapa;
- (c) Nenek sebelah bapa hingga ke atas;
- (d) Kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
- (e) Kakak atau adik perempuan seibu;

¹⁷⁶ Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No.6 Negeri Kelantan Tahun 2002, Seksyen 83(a)(b)(c)(d)(e).

- (f) Kakak atau adik perempuan sebapa;
- (g) Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
- (h) Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu;
- (i) Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan sebapa;
- (j) Emak saudara sebelah ibu;
- (k) Emak saudara sebelah bapa;
- (j) Waris lelaki yang boleh menjadi warisnya sebagai asabah atau rasiduari;
- (k) Dengan syarat penjagaan orang demikian tidak menjejaskan kanak-kanak itu.¹⁷⁷

Selain itu, diperuntukkan juga dibawah subseksyen (3), bahawa tiada seorang lelaki berhak terhadap penjagaan seseorang kanak-kanak perempuan melainkan lelaki itu adalah seorang muhrim.¹⁷⁸

Manakala subseksyen (4) pula memperuntukkan jika terdapat beberapa orang dari keturunan atau pangkat yang sama dan kesemuanya berkelayakan serta bersetuju menjaga anak itu, maka hadhanah hendaklah diamanahkan kepada orang yang mempunyai sifat yang paling mulia dan paling menunjukkan perasaan kasih sayang kepada anak itu. Jika kesemuanya sama mempunyai sifat-sifat kemuliaan dan paling menunjukkan kasih sayang maka yang tertua antara mereka berhak mendapat keutamaan.¹⁷⁹

Seseorang perempuan tidak mustahil akan kehilangan hak hadhanah yang diperolehinya. Hal demikian adalah kerana disebabkan beberapa perkara sebagaimana yang tersenarai di bawah peruntukan seksyen 84 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 6 Negeri Kelantan Tahun 2002, iaitu:

Hak seseorang perempuan terhadap hadhanah adalah hilang:

- (a) Jika perempuan itu berkahwin dengan seseorang yang tidak mempunyai pertalian dengan kanak-kanak itu yang orang itu dilarang berkahwin dengan kanak-kanak itu, jika penjagaannya dalam hal sedemikian akan menjejaskan kebajikan kanak-kanak itu tetapi haknya untuk penjagaan akan kembali semula jika perkahwinan itu dibubarkan;

¹⁷⁷ *Ibid.*, Seksyen 82(2).

¹⁷⁸ *Ibid.*, seksyen 82(3).

¹⁷⁹ *Ibid.*, seksyen 82(4).

- (b) Jika perempuan itu berkelakuan buruk secara keterlaluan dan terbuka.
- (c) Jika perempuan itu menukar pemastautinannya dengan tujuan untuk mencegah bapa kanak-kanak itu dari menjalankan pengawasan yang perlu ke atas kanak-kanak itu, kecuali bahawa seseorang isteri yang bercerai boleh mengambil anaknya sendiri ke tempat lahir isteri itu;
- (d) Jika perempuan itu murtad;
- (e) Jika perempuan itu mencuaikan atau menganiyai kanak-kanak itu.¹⁸⁰

Menyentuh berkaitan tempoh penjagaan hak hadhanah dapat diperhatikan dibawah peruntukan seksyen 85(1) dan (2) iaitu hak hadhanah bagi menjaga seseorang kanak-kanak akan tamat iaitu setelah kanak-kanak itu mencapai umur tujuh tahun bagi lelaki dan sembilan tahun bagi perempuan. Tetapi mahkamah boleh, atas permohonan hadhanah membenarkan dia menjaga kanak-kanak itu sehingga kanak-kanak itu berumur sembilan tahun jika lelaki dan sebelas tahun jika perempuan.¹⁸¹

Manakala subseksyen (2) pula memperuntukkan bahawa setelah tamatnya hak hadhanah, penjagaan akan berpindah kepada bapa dan jika kanak-kanak itu mencapai umur kecerdikannya (*mumayyiz*), maka dia berhak memilih untuk tinggal dengan siapa di antara kedua ibu bapanya yang dia suka melainkan jika mahkamah memerintahkan selainnya.¹⁸²

Selain itu, diperuntukkan juga hak hadhanah bagi anak-anak tidak sah taraf adalah semata-mata kepada ibu dan saudara mara ibu sahaja.¹⁸³ Hal demikian adalah sebagaimana diperuntukkan dibawah seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 6 Negeri Kelantan Tahun 2002.

Seterusnya, Seksyen 87(1) pula, memperuntukkan berkenaan kuasa Mahkamah untuk membuat perintah mengenai penjagaan. Jika ada hal atau

¹⁸⁰ *Ibid.*, seksyen 84(a)(b)(c)(d)(e).

¹⁸¹ *Ibid.*, seksyen 85(1).

¹⁸² *Ibid.*, seksyen 85(2).

¹⁸³ *Ibid.*, seksyen 86.

keadaan luar biasa yang menyebabkan berlaku perkara yang tidak diingini ke atas kanak-kanak berkenaan sewaktu berada di bawah jagaan seseorang dibawah seksyen itu, maka Mahkamah pada bila-bila masa dengan perintah memilih untuk meletakkan kanak-kanak berkenaan dalam jagaan mana-mana orang lain atau mana-mana persatuan yang tujuannya adalah termasuk dalam kebajikan kanak-kanak itu.¹⁸⁴ Bagi memutuskan dalam jagaan siapakah seseorang kanak-kanak patut diletakkan, pertimbangan utama adalah kebajikan kanak-kanak itu dengan memberi pertimbangan kepada:-

- (a) kemahuan-kemahuan ibu bapa itu; dan
- (b) kemahuan-kemahuan kanak-kanak itu, jika dia telah meningkat umur dapat menyatakan sesuatu pendapatnya sendiri.¹⁸⁵

Manakala subseksyen (4) pula memperuntukkan jika ada dua orang atau lebih kanak-kanak dari sesuatu perkahwinan, Mahkamah tidaklah terikat meletakkan kedua-dua atau kesemuanya dalam jagaan orang yang sama tetapi hendaklah menimbang kebajikannya secara berasingan.¹⁸⁶

Seksyen 88(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 6 Negeri Kelantan Tahun 2002 memperuntukkan berkenaan sesuatu perintah jagaan adalah tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan oleh Mahkamah patut dikenakan dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dipakai dari semasa ke semasa. Perintah tersebut memberi hak kepada orang yang diberi jagaan itu untuk memutuskan semua soal berhubungan dengan pendidikan dan pelajaran kanak-kanak itu.¹⁸⁷

Antara syarat-syarat tersebut adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 88(2) iaitu:

¹⁸⁴ *Ibid.*, seksyen 87(1)

¹⁸⁵ *Ibid.*, seksyen 87(2).

¹⁸⁶ *Ibid.*, seksyen 87(4).

¹⁸⁷ *Ibid.*, seksyen 88 (1).

Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1), sesuatu perintah jagaan boleh:

- (a) mengandungi syarat-syarat tentang tempat di mana kanak-kanak itu akan tinggal dan cara pelajarannya;
- (b) mengadakan peruntukan bagi kanak-kanak itu berada bagi sementara bagi pemeliharaan dan kawalan seseorang yang lain daripada orang yang diberi jagaan itu;
- (c) mengadakan peruntukan bagi kanak-kanak itu melawat ibu atau bapa yang tidak di beri jagaan atau seseorang dari keluarga ibu atau bapa yang telah mati atau tidak diberi jagaan pada masa-masa dan apa-apa tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh mahkamah;
- (d) memberi ibu atau bapa yang tidak diberi jagaan atau seseorang dari keluarga ibu atau bapa yang telah mati atau tidak diberi jagaan hak untuk berjumpa dengan kanak-kanak itu pada masa-masa dan dengan seberapa kerap yang difikirkan munasabah oleh mahkamah; atau
- (e) melarang orang yang di beri jagaan itu daripada membawa kanak-kanak itu keluar dari Malaysia.¹⁸⁸

Berdasarkan peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di atas, makalah jelaslah bahawa undang-undang keluarga Islam memperuntukkan bahawa ibu adalah orang yang paling berhak untuk menjaga anaknya selepas berlakunya perceraian, kemudiannya barulah diikuti oleh orang lain berpandukan kelayakan-kelayakan atau syarat-syarat yang tertentu. Melalui peruntukan tersebut, makalah jelaslah kedudukan hak hadinah jika berlaku pertikaian. Peruntukan tersebut juga memberikan kuasa luas kepada mahkamah bagi mengeluarkan perintah hadhanah ke atas pihak tertentu demi menjaga hak, masalah, kepentingan dan kebajikan anak-anak (mahdun) sama ada lelaki atau perempuan.

Antara contoh bagi kes tuntutan hadhanah dapat diperhatikan dalam kes *Ahmad Iwn Aishah*¹⁸⁹ di Kelantan, pihak-pihak terlibat mempunyai tiga orang anak berumur 10 bulan, 2 tahun dan 4 tahun sewaktu bercerai. Selepas bercerai 2 anak kecil tinggal bersama ibunya manakala anak besar tinggal bersama bapanya. Ibunya telah membuat permohonan hak jagaan anak yang besar tersebut dan Mahkamah Kadi memutuskan

¹⁸⁸ *Ibid.*, seksyen 88(2).

¹⁸⁹ (1997) 1 JH (1) 53.

hak jagaan tersebut ke atas pihak menuntut iaitu ibu. Pihak yang kena tuntutan telah membuat rayuan dan jemaah pengadilan menolak rayuan tersebut.

Dalam kes *Wan Khadijah lwn Ismail*¹⁹⁰ di Kelantan, Pihak menuntut (bapa) memohon hak jagaan lima anak perempuannya berumur 7, 9, 11, 12, dan 14 tahun diserahkan kepadanya dengan alasan isterinya telah berkahwin lain. Mahkamah Kadi memutuskan anak-anak itu di serahkan kepada pihak menuntut. Manakala pihak yang kena tuntutan telah membuat rayuan dan jemaah pengadilan memutuskan rayuan ditolak.

Dalam kes lain di Kelantan pula, *Mohamed lwn Azizah*¹⁹¹ pihak menuntut telah membuat tuntutan nafkah untuk anaknya berumur 8 tahun. Pihak kena tuntutan telah membuat pembelaan bahawa anak tersebut sepatutnya berada di bawah jagaannya oleh kerana yang menuntut telah berkahwin lain selepas perceraian. Mahkamah Kadi telah memutuskan bahawa anak itu hendaklah terus berada dalam jagaan ibunya. Pihak kena tuntutan membuat rayuan kepada jemaah pengadilan, namun diputuskan bahawa rayuan ditolak.

¹⁹⁰ (1975) 1 JH (1) 53.

¹⁹¹ (1979) 1 JH (1) 79.

3.4 KESIMPULAN

Undang-undang Keluarga Islam No.6 Negeri Kelantan Tahun 2002, dan undang-undang negeri-negeri lain telah memperuntukkan peruntukan tertentu berkaitan hak-hak wanita khususnya selepas bercerai demi memastikan hak wanita di jamin sebagaimana yang dituntut oleh syarak. Setelah meneliti peruntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6 tahun 2002 yang berkaitan hak-hak wanita selepas bercerai, maka didapati bahawa peruntukan-peruntukan tersebut adalah bertepatan dengan hukum syarak.

Peruntukan hak-hak terhadap wanita khususnya selepas bercerai adalah penting dalam menjamin hak-hak wanita. Ini kerana dengan adanya peruntukan undang-undang tersebut kaum wanita boleh mengetahui dan memahami apakah hak-hak dan langkah-langkah yang perlu diambil seandainya ditakdirkan mereka terpaksa bercerai. Walau bagaimanapun, undang-undang sahaja tentunya tidak dapat menjamin hak-hak wanita melainkan mereka sendiri perlu mengetahui hak dan tanggungjawab masing-masing sebelum mendapat jaminan dari undang-undang.

Justeru itu, para wanita seharusnya menyedari hak-hak mereka agar tidak mudah diperkotak-katikkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab atau pihak yang cuba mengambil kesempatan bagi menjamin kebahagiaan hidup mereka pada masa akan datang.

BAB IV

ANALISIS KEFAHAMAN WANITA TERHADAP PERUNTUKAN HAK SELEPAS BERCERAI DI KOTA BHARU

4.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan tentang reka bentuk kajian yang meliputi aspek lokasi kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, kajian rintis, prosedur pengumpulan data serta proses penganalisan data. Seterusnya dikemukakan hasil dapatan kajian. Secara umumnya, hasil dapatan kajian terbahagi kepada dua iaitu dapatan analisis statistik deskriptif dan dapatan analisis inferensi.

4.2 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah diklasifikasikan sebagai kajian tinjauan berbentuk kuantitatif. Bentuk kajian ini dipilih kerana ianya adalah bersesuaian dengan tujuan kajian ini dijalankan iaitu meninjau sejauh manakah kefahaman wanita berhubung peruntukan hak mereka selepas bercerai menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6 Tahun 2002.

Dalam kajian ini, proses pengumpulan data dan maklumat adalah diperoleh melalui pengedaran set borang soal selidik terhadap responden. Ianya adalah lebih relevan terutamanya apabila melibatkan populasi yang besar serta masa yang terhad untuk mendapatkan maklumat yang tepat.¹⁹² Data dan maklumat yang diperolehi

¹⁹² David Pratt, “*Curriculum Design and Development*”. (International Edition, USA: Jovonarish., 1980), 27-28.

kemudiannya dianalisis dengan menggunakan program pengisian *Statistic Package For Sosial Science (SPSS) Version 18.0*.

4.2.1 Lokasi Kajian

Kota Bharu merupakan sebuah pusat bandar utama bagi Negeri Kelantan yang dibuka dengan rasminya pada tahun 1844 oleh DYMM Sultan Muhammad II sebagai ibu Negeri Kelantan yang baru bagi menggantikan Kota Saba yang tidak lagi sesuai untuk dijadikan pusat pentadbiran negeri kerana selalu diancam dengan banjir. Sejak itu, Kota Bharu telah mengalami proses urbanisasi yang pesat dan menjadi tumpuan penduduk.¹⁹³ Kota Bharu juga merupakan bandar terbesar di pantai timur Malaysia dengan keluasan sebanyak 115.64 km persegi. Kota Bharu juga merupakan salah satu daripada 10 jajahan pentadbiran negeri Kelantan yang terdiri daripada Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh, Bachok, Kuala Krai, Machang, Tanah Merah, Jeli dan Gua Musang.¹⁹⁴

Dari segi saiz dan komposisi penduduk di Kota Bharu pula, berdasarkan laporan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia 2010, jumlah penduduk di Kota Bharu adalah seramai 255,777 orang yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Dari segi pecahan kaum pula, majoriti penduduk di Kota Bharu adalah orang Melayu iaitu sebanyak 230,806 orang atau 90.2%. Manakala mereka yang berbangsa Cina adalah seramai 16,342 orang atau 6.4% dan India seramai 930 orang atau 0.4% sahaja.¹⁹⁵

Pengkaji memilih Kota Bharu sebagai lokasi kajian adalah disebabkan kerana ianya dirasakan sesuai serta menepati beberapa ciri yang perlu ada dalam kajian ini. Antaranya ialah majoriti masyarakat yang tinggal di Kota Bharu adalah mereka yang beragama Islam. Di samping itu, faktor demografi masyarakat iaitu terdiri dari

¹⁹³ "Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam", dicapai 2 Feb 2013, <http://www.mpkbbri.gov.my/>

¹⁹⁴ Abd. Razak Mahmud, *Pelajaran Tata Rakyat Negeri Kelantan (1)* (Kota Bharu: Nik Daud Sdn. Bhd, 1995), 1.

¹⁹⁵ Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010), 47.

pelbagai lapisan sama ada dari segi umur, taraf pendidikan serta status perkahwinan dapat memberi gambaran mengenai kefahaman mereka berkaitan hak wanita selepas bercerai. Selain itu juga, lokasi kajian dipilih kerana tidak terdapat lagi kajian dilakukan di peringkat sarjana mahupun doktor falsafah berkaitan kefahaman wanita tentang peruntukan hak selepas bercerai di lokasi kajian.

4.2.2 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi ialah tumpuan yang diberikan kepada sekumpulan individu yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Bagi menjimatkan masa dan tenaga, tumpuan hanya diberikan kepada sebahagian kecil daripada populasi dan seterusnya membuat generalisasi.¹⁹⁶ Justeru itu, populasi kajian ini hanya melibatkan wanita di sekitar Kota Bharu. Adapun populasi keseluruhan penduduk di Kota Bharu adalah seramai 255,777 orang. Manakala 129,647 orang daripadanya adalah wanita.¹⁹⁷

Jadual 4.1: Jumlah penduduk mengikut jantina di Kota Bharu

Bil.	Jantina	Bilangan Penduduk (orang)
1.	Lelaki	126,130
2.	Perempuan	129,647
Jumlah		255,777

Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010

Manakala sampel kajian pula adalah dipilih dengan menggunakan teknik persampelan secara rawak iaitu satu teknik berkumpulan yang digunakan untuk memilih sampel daripada populasi yang besar.¹⁹⁸ Hal demikian adalah bertepatan dengan kajian pengkaji yang melibatkan jumlah populasi yang

¹⁹⁶ Rohana Yusuf, *Penyelidikan Sains Sosial* (Pahang: PTS. Publications & Distributor, 2003), 84.

¹⁹⁷ Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010), 56.

¹⁹⁸ Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 77.

besar. Berdasarkan formula dan jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan¹⁹⁹ serta Sakaran²⁰⁰, populasi bagi kajian yang berjumlah 129,647 orang, maka sampelnya adalah berjumlah 384 orang. Rosce pula berpandangan bahawa saiz sampel antara 30 hingga 500 adalah sesuai dan bertepatan dalam kebanyakan penyelidikan.²⁰¹ Manakala Sakaran pula berpendapat bahawa saiz sampel yang terlampau besar boleh menyebabkan berlakunya kesilapan mentafsir keputusan penyelidikan.²⁰² Oleh itu, dalam kajian ini, sampel dipilih adalah seramai 384 orang wanita sekitar Kota Bharu secara rawak.

4.2.3 Instrumen Kajian

Instrumen atau alat kajian utama yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Satu set soal selidik yang khusus dibina untuk mengukur kefahaman wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai. Soal selidik terbina hasil adaptasi daripada kajian Prof. Madya Dr Raihanah Abdullah *et al.*²⁰³ serta berpandukan kepada Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6 Tahun 2002 seterusnya direka bentuk dengan teliti berdasarkan kepada skop dan objektif kajian serta bagi memudahkan penglibatan subjek kajian. Set soal selidik ini terdiri daripada empat bahagian utama iaitu:

Bahagian A: Latar belakang maklumat responden.

Bahagian B: Pengetahuan dan kefahaman wanita terhadap hak-hak selepas bercerai.

Bahagian C: Tindakan wanita terhadap hak-hak mereka selepas bercerai atau sekiranya bercerai.

¹⁹⁹ Krejcie, R. V. & Morgan, D.W., *Determining Sample Size For Research Activities, Educional and Psychological Measurement* (1970), 608-619.

²⁰⁰ Sakaran, U, *Research Methods For Business: A Skill - Building Approach* (New York: Wiley & Sons Inc. 1992), 253.

²⁰¹ J.T Roscoe, John T, *Fundamental Research Statistics For The Behavioral Sciences* (London: Holt Rinehart and Winston, 1975), 425.

²⁰² Sakaran, U, *Research Methods For Business: A Skill - Building Approach* (New York: Wiley & Sons Inc. 1992), 253.

²⁰³ Prof. Madya Dr Raihanah Abdullah, Prof. Madya Dr. Raihanah Azhari, Dr Wirdawati Mohd Razali, Dr Fuadah, Siti Ahiasah Shafak Ahmad, "Projek Hak-hak Kewangan Wanita Selepas Perceraian: Kajian Perbandingan Di Mahkamah Syariah Dan Pengadilan Agama Indonesia". (Universiti Malaya: t.th).

Bahagian D: Aksesibiliti maklumat terhadap undang-undang keluarga Islam berkaitan hak-hak wanita selepas bercerai.

Manakala dari segi skala pemarkahan pula, kajian ini menggunakan kaedah skala nominal iaitu dengan mencadangkan kenyataan berbentuk positif dan negatif berhubung dengan sikap individu terhadap sesuatu isu atau aktiviti. Satu set gerak balas terhadap sikap tersebut diberikan. Subjek menunjukkan pandangan mereka berdasarkan persetujuan mereka terhadap kenyataan yang diberikan.

4.2.4 Kajian Rintis

Sebelum kajian rintis dijalankan, set soal selidik terlebih dahulu dirujuk kepada penyelia. Setelah mendapat komentar daripada penyelia, pengkaji kemudiannya memperbaiki beberapa item yang kurang bersesuaian. Seterusnya, pengkaji melaksanakan ujian rintis ke atas borang soal selidik yang telah dibina untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik tersebut. Kajian rintis telah dijalankan di Kota Bharu yang melibatkan 30 orang responden wanita yang dipilih secara rawak. Ini bertujuan untuk memastikan soalan-soalan yang dikemukakan adalah jelas dan tepat. Selain itu, ianya bertujuan untuk memastikan responden memahami perkataan dan struktur ayat yang digunakan dalam soal selidik tersebut. Hasil daripada ujian rintis, didapati responden dapat memahami dan menjawab kesemua soalan dengan sempurna. Oleh itu, tiada sebarang perubahan dan pindaan dilakukan.

4.2.5 Prosedur Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dijalankan sendiri oleh pengkaji kerana ia melibatkan beberapa jabatan dan masyarakat awam. Justeru itu, pengkaji sendiri turun ke lapangan dan mentadbir soal selidik tersebut ke atas responden yang dijadikan sampel. Borang soal selidik yang telah diedarkan kepada 384 orang responden wanita daripada

pelbagai lapisan masyarakat. Pengkaji terlebih dahulu memohon kebenaran daripada pihak dan jabatan yang terbabit untuk menjalankan kajian. Beberapa jabatan telah terlibat dalam proses pengedaran soal selidik ini. Antara responden dan jabatan yang terlibat ialah:

- i. Kakitangan Bank Simpanan Nasional, Cawangan Utama Negeri.
- ii. Kakitangan Sekolah Menengah Ugama Arab Maa'had Muhammadi, Kota Bharu.
- iii. Kakitangan Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail, Kota Bharu.
- iv. Peniaga Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu.
- v. Peserta Kursus Kahwin anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Majlis Agama Islam, Kota Bharu.
- vi. Pelajar Pengajian Jarak Jauh, Open University Malaysia, Kota Bharu.
- vii. Perjumpaan armalah penduduk Kg. Bayam, Kota Bharu.
- viii. Peserta Kursus Kepimpinan dan Pembangunan Insan anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Kelantan bertempat di Sekolah Kebangsaan Tiong, Kota Bharu.

4.2.6 Proses Penganalisan Data

Setelah selesai proses pengumpulan data melalui edaran soal selidik yang dijalankan, pengkaji seterusnya menjalankan proses penganalisan data dengan menggunakan program pengisian SPSS (*Statistic Package For Sosial Science*) Versi 18.0.

Secara umumnya, pengkaji menggunakan kaedah statistik deskriptif untuk mendapatkan frekuensi dan peratusan item dalam soal selidik. Manakala untuk menentukan perbezaan antara kefahaman wanita tentang peruntukan hak selepas bercerai dengan faktor demografi (umur, tahap pendidikan dan status perkahwinan),

maka ujian Khi Kuasa Dua digunakan. Perbincangan dapatan inferensi dibuat adalah berdasarkan kepada hipotesis yang dibuat iaitu:

H₁: Terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kefahaman wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai mengikut peringkat umur.

H₂: Terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kefahaman wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai mengikut tahap pendidikan.

H₃: Terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kefahaman wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai mengikut status perkahwinan.

4.3 DAPATAN KAJIAN

Hasil yang diperolehi daripada analisis maklum balas para responden seramai 384 orang dibentangkan dalam dua bentuk huraian iaitu dapatan deskriptif dan dapatan Inferensi. Dapatan deskriptif akan menghuraikan berkaitan latar belakang responden dan jawapan responden terhadap item-item dalam soal selidik mengikut urutan bahagian berdasarkan kepada kekerapan dan peratus. Manakala statistik inferensi yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian Khi Kuasa Dua untuk menentukan perbezaan antara kefahaman wanita tentang peruntukan hak selepas bercerai dengan faktor demografi. Dapatan kajian yang diperolehi dibentangkan dalam bentuk penerangan dan jadual seperti berikut:

4.3.1 Bahagian A: Maklumat Demografi Responden

Kajian ini melibatkan 384 orang responden sebagai sampel yang terdiri daripada golongan wanita berumur 20 tahun ke atas di sekitar Kota Bharu. Jadual 4.2 menunjukkan taburan responden mengikut peringkat umur. Majoritinya terdiri daripada mereka yang berumur antara 41-50 tahun iaitu seramai 119 orang (31%).

Manakala responden yang berumur 61 tahun ke atas paling sedikit iaitu hanya 15 orang (3.9%). Ini menunjukkan bahawa secara umumnya responden dapat memberikan kerjasama yang baik. Manakala responden yang berumur 60 tahun ke atas paling sedikit disebabkan kebanyakannya tidak dapat menulis serta mempunyai masalah kesihatan.

Jadual 4.2: Taburan responden mengikut umur

Bil.	Umur	F	%
1.	20-30 tahun	99	25.8
2.	31-40 tahun	80	20.8
3.	41-50 tahun	119	31.0
4.	51-60 tahun	70	18.2
5.	61 tahun ke atas	15	3.9
	Data lenyap	1	.3
	Jumlah	384	100

Jadual 4.3 di bawah merujuk kepada taraf pendidikan responden. Majoriti responden terdiri dari mereka yang berpendidikan SPM seramai 152 orang (39.6%). Manakala responden yang berpendidikan Ijazah lanjutan adalah paling sedikit iaitu seramai 5 orang sahaja (1.3%). Responden yang berpendidikan Ijazah Sarjana Muda pula adalah kedua tertinggi iaitu seramai 93 orang (24.2%) seterusnya responden berpendidikan STAM, STPM, atau Diploma seramai 63 orang (16.4%), SRP atau PMR seramai 55 orang (14.3%) serta UPSR seramai 12 orang (3.1%). Ini menunjukkan secara umumnya responden telah mendapat pendidikan secara formal yang sewajarnya dan dapat membaca, menulis serta memahami sesuatu perkara dengan baik.

Jadual 4.3: Taraf pendidikan responden

Bil.	Taraf Pendidikan	F	%
1.	UPSR	12	3.1
2.	SRP/PMR	55	14.3
3.	SPM	152	39.6
4.	STAM/STPM/Diploma	63	16.4
5.	Ijazah Sarjana Muda	93	24.2
6.	Ijazah lanjutan	5	1.3
	Data lenyap	4	1.0
	Jumlah	384	100

Dari segi status perkahwinan pula, jadual 4.4 menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada mereka yang berkahwin iaitu seramai 241 orang (62.8%). Seterusnya golongan bujang seramai 92 orang (24.0%). Manakala hanya sebilangan kecil daripada responden berstatus bercerai iaitu seramai 49 orang (12.8%). Responden berstatus berkahwin adalah paling ramai kerana umumnya merekalah yang mendiami kawasan kajian. Manakala responden yang bujang kebanyakannya berhijrah ke bandar sama ada menuntut ilmu atau bekerja.

Jadual 4.4: Status perkahwinan responden

Bil.	Status Perkahwinan	F	%
1.	Bujang	92	24.0
2.	Berkahwin	241	62.8
3.	Bercerai	49	12.8
	Data lenyap	2	.5
	Jumlah	384	100

4.3.2 Bahagian B: Analisis Kefahaman Responden Terhadap Hak-Hak Selepas Bercerai

Instrumen ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti kefahaman responden berhubung peruntukan hak-hak wanita selepas bercerai. Kesemua item dalam bahagian ini akan diperjelaskan dalam bentuk huraian dan jadual sebagaimana berikut:

Jadual 4.5 di bawah merujuk berkaitan kefahaman responden tentang hak-hak wanita selepas bercerai secara umum. Berdasarkan maklumat tersebut, didapati bahawa kebanyakan responden sedar akan hak-hak mereka selepas bercerai iaitu seramai 182 orang (47.4%). Manakala seramai 68 orang (17.7%) tidak sedar dan seramai 134 orang (34.9%) pula tidak pasti akan hak-hak wanita selepas bercerai. Ini menunjukkan bahawa kefahaman responden berkaitan hak-hak selepas bercerai masih rendah iaitu sebanyak 47.4 peratus jika dibandingkan dengan mereka yang tidak sedar dan tidak pasti berkaitan perkara tersebut iaitu sebanyak 52.6%.

Hal demikian juga adalah sebagaimana dinyatakan oleh Datin Noor Aziah Haji Mohd Awal bahawa secara amnya wanita hari ini masih kurang pengetahuan mengenai haknya di sisi undang-undang.²⁰⁴ Perkara tersebut juga adalah bertepatan dengan hasil kajian Mahamatayuding Samah yang mendapati bahawa kesedaran dan pengetahuan wanita yang bercerai di 3 wilayah selatan Thailand iaitu Pattani, Yala dan Narathiwat adalah berada pada tahap yang rendah.²⁰⁵ Manakala kajian Sarikhani pula mendapati kesedaran wanita yang bekerja di Maysore, India terhadap hak-hak dalam Islam adalah sederhana.²⁰⁶

Jadual 4.5: Kefahaman mengenai hak-hak wanita selepas bercerai

Bil.	Jawapan	F	%
1.	Ya	182	47.4
2.	Tidak	68	17.7
3.	Tidak pasti	134	34.9
Jumlah		384	100

Jadual 4.6 pula merujuk kepada kefahaman responden berdasarkan kepada jenis hak selepas bercerai. Bagi menganalisis data tersebut, pengkaji membahagikan

²⁰⁴ Datin Noor Aziah Haji Mohd Awal, "Pembelaan Hak Wanita Melalui Undang-undang di Malaysia", dicapai 27 jan 2011, <http://www.ukm.my/hadhari/sites>.

²⁰⁵ Mahamatayuding Samah, "Tuntutan Selepas Perceraian Bagi Wanita Islam: Satu Kajian Terhadap amalan di Tiga Wilayah Selatan Thailand" (Disertasi Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 365.

²⁰⁶ Sarikhani, N, "Level of Awareness of Muslim Working Woman Toward Their Right in Islam: A Case Study in Government Offices in Mysore", *Jornal of Sci* (2009), 18(3):163-171.

responden kepada dua kategori sahaja. Pertama, kategori yang sedar tentang hak-hak wanita selepas bercerai iaitu mereka yang memberikan jawapan ‘Ya’ kepada soalan yang diajukan. Manakala kategori kedua ialah kategori yang tidak sedar tentang hak-hak tersebut iaitu mereka yang menjawab ‘Tidak’ atau ‘Tidak pasti’. Ini kerana ketidakpastian juga merupakan satu bentuk ketidaksedaran mengenai sesuatu perkara.

Berdasarkan jadual 4.6 tersebut, didapati bahawa majoriti wanita sedar akan hak mereka terhadap mas kahwin tertunggak, nafkah iddah dan harta sepencarian selepas bercerai. Jadual menunjukkan seramai 250 orang (65.1%) responden sedar tentang hak berkaitan mas kahwin tertunggak, 315 orang (82%) sedar berkaitan hak nafkah Iddah dan 350 orang (91.1%) pula sedar berhubung hak terhadap harta sepencarian selepas bercerai. Manakala berkaitan hak mut’ah dan hadhanah pula, majoriti responden tidak sedar akan hak tersebut. Hanya seramai 164 orang (42.7%) sahaja sedar akan hak mut’ah serta 150 orang (39.1%) sahaja daripada responden yang sedar akan hak terhadap hadhanah selepas bercerai.

Perkara tersebut adalah sebagaimana diakui oleh Pengamal Undang-undang, Nurul Huda binti Zakaria yang menyatakan bahawa kebiasaannya wanita yang datang ke Jabatan Bantuan Guaman untuk mendapatkan khidmat nasihat atau guaman berkaitan hak-hak selepas bercerai tidak mengetahui berkaitan perkara tersebut terutamanya berkaitan hak mut’ah.²⁰⁷

²⁰⁷ Nurul Huda binti Zakaria (Penolong Pegawai Undang-undang, Jabatan Bantuan Guaman Kelantan), dalam temubual dengan penulis, 16 Januari 2013.

Jadual 4.6: Kefahaman responden berdasarkan jenis hak selepas bercerai

Bil.	Perkara	Ya	Tidak Pasti	Tidak
		F(%)	F(%)	F(%)
1.	Mas Kahwin Tertunggak	250(65.1)	62(16.1)	72(18.8)
2.	Nafkah Iddah	315(82)	20(5.2)	49(12.8)
3.	Mut'ah	164(42.7)	77(20.1)	143(37.2)
4.	Harta Sepencarian	350(91.1)	13(3.4)	21(5.5)
5.	Hadhanah	150(39.1)	81(21.1)	153(39.8)

Jadual 4.7 di bawah menunjukkan dua item daripada soal selidik yang bertujuan untuk melihat persepsi responden berkaitan hak mas kahwin. Item pertama dalam jadual 4.7 berkaitan persepsi responden berkaitan perihal mas kahwin merupakan hak mutlak isteri. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 366 orang (95.3%) faham bahawa mas kahwin merupakan hak mutlak isteri. Manakala hanya 6 orang (1.6%) sahaja tidak bersetuju dan 10 orang (2.6%) tidak pasti sama ada betul atau tidak berkaitan perihal tersebut.

Manakala item kedua pula menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa isteri berhak menuntut mas kahwin tertunggak daripada suaminya walaupun telah bercerai iaitu seramai 280 orang (72.9%). Manakala responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut hanyalah seramai 30 orang (7.8%) serta 69 orang (18%) lagi tidak pasti berkaitan perkara tersebut. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden sedar berhubung peruntukan hak mereka berkaitan mas kahwin. Hal demikian adalah bertepatan dengan hasil kajian Siti Nor Ahiasah Bt. Shafak Ahmad yang mendapati bahawa majoriti responden memahami hukum memberi mahar sepertimana yang disyariatkan Islam sebagai satu kewajipan.²⁰⁸

²⁰⁸ Siti Nor Ahiasah bt. Shafak Ahmad, "Amalan Penetapan Kadar Mahar Dalam Kalangan Masyarakat Islam di Daerah Klang, Selangor: Analisis dari Perspektif Perundangan Islam" (Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011).

Jadual 4.7: Persepsi responden berkaitan hak mas kahwin

Bil. Perkara	Ya	Tidak pasti	Tidak
	F(%)	F(%)	F(%)
1. Mas kahwin merupakan hak mutlak isteri	366(95.3)	10(2.6)	6(1.6)
2. Isteri berhak menuntut mas kahwin tertunggak daripada suaminya walaupun telah bercerai	280(72.9)	69(18.0)	30(7.8)

Jadual 4.8 terdiri dari dua item bertujuan melihat persepsi responden berkaitan hak mut'ah. Item pertama adalah merupakan kenyataan berbentuk negatif iaitu 'setiap wanita yang diceraikan berhak mendapat mut'ah'. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden bersetuju dengan kenyataan tersebut iaitu seramai 248 orang (64.5%). Manakala hanya 24 Orang (6.3%) sahaja tidak bersetuju dan 107 orang (27.9%) tidak pasti akan perihal tersebut. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden (92.4%) tidak memahami bahawa bukan semua wanita yang diceraikan berhak mendapat mut'ah. Sekiranya perceraian itu disebabkan keaiban di pihak isteri terhadap suaminya maka isteri tersebut tidak berhak mendapat mut'ah.

Item kedua pula menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa isteri yang diceraikan tanpa sebab berhak menuntut mut'ah daripada bekas suaminya iaitu seramai 284 orang (73.9%). Manakala mereka yang tidak bersetuju berkaitan perkara tersebut seramai 17 orang (4.4%) dan 77 orang (20.1%) lagi tidak pasti berkaitan perkara tersebut.

Berdasarkan pernyataan di atas, dapat disimpulkan bahawa masih ramai responden yang tidak mengetahui sepenuhnya berkaitan hak mut'ah. Perkara tersebut adalah sebagaimana telah diakui oleh Pengamal Undang-undang, Nurul Huda binti Zakaria yang menyatakan bahawa kebiasaannya wanita yang datang ke Jabatan Bantuan Guaman untuk mendapatkan khidmat nasihat atau guaman berkaitan hak-hak

selepas bercerai tidak mengetahui berkaitan perkara tersebut terutamanya berkaitan hak mut'ah.²⁰⁹

Jadual 4.8: Persepsi responden berkaitan hak mut'ah

Bil.	Perkara	Ya	Tidak pasti	Tidak
		F(%)	F(%)	F(%)
1.	Setiap wanita yang diceraikan berhak mendapat mut'ah*	248(64.5)	107(27.9)	24(6.3)
2.	Isteri yang diceraikan tanpa sebab berhak menuntut mut'ah daripada bekas suaminya	284(73.9)	77(20.1)	17(4.4)

*Kenyataan berbentuk negatif

Jadual 4.9 adalah bertujuan melihat persepsi responden berkaitan hak nafkah iddah. Item pertama adalah merupakan kenyataan berbentuk negatif iaitu 'apabila berlaku perceraian, isteri perlu keluar dari rumah'. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut iaitu seramai 211 orang (54.9%). Manakala 117 orang (30.4%) bersetuju berkaitan perihal kenyataan tersebut dan 54 orang (14.1%) tidak pasti akan perihal tersebut.

Item kedua pula menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa isteri nusyuz tidak berhak memperoleh nafkah iddah dan tempat tinggal iaitu seramai 206 orang (53.7%). Manakala mereka yang tidak bersetuju berkaitan perkara tersebut seramai 68 orang (17.7%) dan 105 orang (27.3%) lagi tidak pasti berkaitan perkara tersebut. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden sedar akan hak mereka terhadap nafkah iddah selepas bercerai.

²⁰⁹ Nurul Huda binti Zakaria (Penolong Pegawai Undang-undang, Jabatan Bantuan Guaman Kelantan), dalam temubual dengan penulis, 16 Januari 2013.

Jadual 4.9: Persepsi responden berkaitan nafkah iddah

Bil. Perkara	Ya	Tidak pasti	Tidak
	F(%)	F(%)	F(%)
1. Apabila berlaku perceraian, isteri perlu keluar dari rumah*	117(30.4)	54(14.1)	211(54.9)
2. Isteri nusyuz tidak berhak memperoleh nafkah iddah dan tempat tinggal.	206(53.7)	105(27.3)	68(17.7)

*Kenyataan berbentuk negatif

Jadual 4.10 adalah merujuk kepada persepsi responden berkaitan hak hadhanah. Item pertama menunjukkan tentang persepsi responden berhubung kenyataan bahawa ibu adalah paling berhak menjaga anak kecilnya selepas berlaku perceraian. Sejumlah 326 orang (84.9%) responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Manakala hanya sebahagian kecil responden tidak bersetuju dan tidak pasti berkaitan perihal tersebut iaitu masing-masing mencatatkan seramai 28 orang (7.3%).

Item kedua pula menunjukkan bahawa majoriti responden tidak bersetuju bahawa Ibu tidak lagi mempunyai hak ke atas penjagaan anaknya setelah berkahwin lain iaitu seramai 297 (77.3%). Manakala hanya sebahagian kecil sahaja yang bersetuju dengan kenyataan tersebut iaitu seramai 30 orang (7.8%) sahaja. 53 orang (13.8%) responden lagi pula tidak pasti akan perihal tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden tidak mengetahui bahawa seorang ibu tidak lagi berhak ke atas penjagaan anaknya setelah berkahwin lain.

Jadual 4.10: Persepsi responden berkaitan hadhanah

Bil. Perkara	Ya	Tidak pasti	Tidak
	F(%)	F(%)	F(%)
1. Ibu adalah paling berhak menjaga anak kecilnya selepas berlaku perceraian	326(84.9)	28(7.3)	28(7.3)
2. Ibu tidak lagi mempunyai hak ke atas penjagaan anaknya setelah berkahwin lain.	30(7.8)	53(13.8)	297(77.3)

Jadual 4.11 pula adalah bertujuan melihat persepsi responden terhadap kenyataan berkaitan hak harta sepencarian. Item satu dalam jadual tersebut merujuk kepada kenyataan bahawa isteri yang tidak bekerja (suri rumah) juga berhak menuntut harta sepencarian. Maklumat yang diperolehi menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa isteri yang tidak bekerja (suri rumah) juga berhak menuntut harta sepencarian iaitu seramai 324 orang (84.4%). Manakala seramai 19 orang (5%) tidak bersetuju dan 38 orang (9.9%) pula tidak pasti akan perihal tersebut.

Item kedua dalam jadual tersebut pula menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju dengan kenyataan bahawa bekas isteri berhak menuntut harta milik suaminya sebelum berkahwin yang diusahakan bersama ketika berkahwin iaitu seramai 256 orang (66.7%). Manakala seramai 46 orang (12%) responden tidak bersetuju dan 78 orang (20.3%) lagi tidak pasti berkenaan kenyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden faham akan hak mereka terhadap harta sepencarian selepas bercerai. Perihal tersebut adalah selari dengan hasil kajian Siti Fatimah Abdul Rahman yang menunjukkan bahawa majoriti wanita dalam kajian tersebut memahami akan hak-hak mereka terhadap harta dalam Islam.²¹⁰

Jadual 4.11: Persepsi responden berkaitan harta sepencarian

Bil. Perkara	Ya	Tidak pasti	Tidak
	F(%)	F(%)	F(%)
1. Isteri yang tidak bekerja juga (suri rumah) berhak menuntut harta sepencarian.	324(84.4)	38(9.9)	19(5.0)
2. Bekas isteri berhak menuntut harta milik suaminya sebelum berkahwin yang diusahakan bersama ketika berkahwin.	256(66.7)	78(20.3)	46(12.0)

²¹⁰ Siti Fatimah Abdul Rahman, *Pengurusan Kewangan Dan Pemilikan Harta Dalam Kalangan Wanita Islam: Satu Tinjauan Awal* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2011).

4.3.3 Bahagian C: Tindakan Responden Terhadap Hak-hak Mereka Selepas Bercerai atau Sekiranya Bercerai

Bahagian ini terdiri daripada 6 item soalan bertujuan untuk mengetahui tindakan yang diambil oleh responden berhubung hak-hak mereka selepas bercerai atau sekiranya bercerai sebagaimana berikut:

Jadual 4.12 merujuk tindakan responden terhadap tuntutan hak selepas bercerai. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa seramai 44 orang (11.5%) daripada jumlah keseluruhan responden pernah diceraikan dan seramai 339 orang (88.3%) tidak pernah bercerai. Daripada 44 orang responden yang pernah diceraikan tersebut tersebut, hanya 15 orang (34.1%) sahaja telah membuat tuntutan hak mereka selepas bercerai manakala 29 orang (65.9%) lagi tidak membuat tuntutan terhadap hak mereka selepas bercerai. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden yang diceraikan tidak membuat tuntutan hak mereka.

Manakala daripada 339 orang (88.3%) responden yang tidak pernah bercerai, majoriti mereka berpendapat akan membuat tuntutan hak sekiranya berlaku perceraian ke atas mereka iaitu seramai 320 orang (94.4%). Hanya sedikit sahaja daripada mereka berpendapat tidak akan membuat tuntutan hak tersebut iaitu seramai 19 orang (5.6%).

Jadual 4.12: Tindakan responden terhadap tuntutan hak-hak selepas bercerai

Bil.	Perkara	Ya	Tidak
		F(%)	F(%)
1.	Adakah anda pernah diceraikan?	44(11.5)	339(88.3)
2.	Sekiranya 'Ya', adalah anda membuat tuntutan hak anda selepas bercerai?	15(34.1)	29(65.9)
3.	Sekiranya 'Tidak', andai berlaku perceraian ke atas diri anda adakah anda akan membuat tuntutan terhadap hak anda selepas bercerai?	320(94.4)	19(5.6)

Jadual 4.13 di bawah menunjukkan berkaitan cara-cara responden membuat tuntutan berkaitan hak mereka sekiranya bercerai. Berdasarkan jadual tersebut, majoriti daripada 44 orang responden yang pernah diceraikan dalam kajian ini berpendapat akan membuat tuntutan hak selepas bercerai melalui Peguam Jabatan Agama Islam iaitu seramai 25 orang responden. Seterusnya, diikuti pula dengan membuat tuntutan melalui Jabatan Bantuan Guaman seramai 16 orang, secara persendirian seramai 2 orang dan melalui Firma Guaman Swasta pula hanya seorang.

Manakala daripada 338 orang responden yang tidak pernah diceraikan pula, majoriti mereka berpendapat akan membuat tuntutan hak sekiranya diceraikan melalui Peguam Jabatan Agama Islam iaitu seramai 248 orang, diikuti dengan melalui Jabatan Bantuan Guaman seramai 68 orang, serta secara persendirian dan melalui Firma Guaman Swasta pula masing-masing seramai 11 orang.

Berdasarkan jadual tersebut juga menunjukkan bahawa secara keseluruhannya majoriti responden akan membuat tuntutan hak sekiranya bercerai melalui Jabatan Agama Islam iaitu seramai 273 orang (71.1%). Seterusnya, diikuti pula dengan membuat tuntutan melalui Jabatan Bantuan Guaman seramai 84 orang (21.9%) serta secara persendirian seramai 13 orang (3.4%). Manakala tuntutan melalui firman guaman swasta paling sedikit iaitu 12 orang (3.1%) responden sahaja. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden berpendapat akan merujuk kepada kepada Jabatan Agama Islam untuk membuat tuntutan terhadap hak-hak mereka. Perkara tersebut adalah sebagaimana diakui oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu, Tuan Haji Mohd Anwan Bin Abdul Muttalib, yang menyatakan bahawa kebanyakan wanita yang datang ke Mahkamah telah menyedari akan hak-hak mereka selepas bercerai. Sekiranya tidak mengetahui tentang hak-hak tersebut, mereka akan

mendapatkan maklumat dengan merujuk terlebih dahulu kepada Jabatan Agama Islam, Jabatan Bantuan Guaman atau peguam syarie.²¹¹

Jadual 4.13: Cara-cara responden membuat tuntutan hak sekiranya bercerai

	Cara-cara responden membuat tuntutan hak sekiranya bercerai				Jumlah
	Persendirian	Jabatan Bantuan Guaman	Firma Guaman Swasta	Jabatan Agama Islam	
Diceraikan	2	16	1	25	44
Status Tidak pernah diceraikan	11	68	11	248	338
Data lenyap					2
Jumlah	(3.4%) 13	(21.9%) 84	(3.1%) 12	(71.1%) 273	384

Jadual 4.14 pula merujuk berkaitan faktor yang mendorong responden melakukan tuntutan hak sekiranya diceraikan. Daripada 44 orang responden yang pernah diceraikan, majoriti berpandangan bahawa kesedaran sendiri adalah menjadi faktor yang mendorong mereka membuat tuntutan sekiranya bercerai iaitu seramai 29 orang. Seterusnya, diikuti pula dengan faktor dorongan keluarga seramai 11 orang, melalui media seramai 3 orang serta melalui dorongan rakan pula hanya seorang sahaja.

Manakala daripada 337 orang responden yang tidak pernah diceraikan pula, majoriti mereka berpendapat bahawa kesedaran sendiri adalah merupakan faktor yang mendorong mereka membuat tuntutan hak sekiranya bercerai iaitu seramai 282 orang. Seterusnya diikuti oleh faktor dorongan keluarga seramai 43 orang, melalui media seramai 10 orang serta faktor dorongan rakan seramai 2 orang sahaja

Hasil kajian secara keseluruhannya pula menunjukkan bahawa majoriti responden berpandangan bahawa faktor utama yang mendorong mereka berkemungkinan membuat tuntutan hak selepas bercerai adalah kerana kesedaran

²¹¹ Tuan Haji Mohd Anwan Bin Abdul Muttalib (Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu) dalam temubual dengan penulis, 16 Januari 2013.

sendiri iaitu seramai 311 orang (81%). Seterusnya diikuti pula oleh faktor dorongan keluarga iaitu seramai 54 orang (14.1%), melalui media seramai 13 orang (3.4%) dan paling sedikit adalah melalui dorongan rakan iaitu seramai 3 orang (0.8%) sahaja. Ini menunjukkan bahawa kesedaran sendiri berkaitan hak-hak selepas bercerai adalah merupakan faktor utama serta mempunyai pengaruh paling besar yang mendorong responden untuk melakukan tuntutan hak mereka sekiranya bercerai.

Jadual 4.14: Faktor yang mendorong tuntutan hak dibuat sekiranya bercerai

	Faktor yang mendorong tuntutan hak dibuat sekiranya bercerai				Jumlah
	Kesedaran sendiri	Dorongan keluarga	Dorongan rakan	Melalui media	
Diceraikan	29	11	1	3	44
Status Tidak pernah diceraikan	282	43	2	10	337
Data Lenyap					3
Jumlah	(81%) 311	(14.1%) 54	(0.8%) 3	(3.4%) 13	384

Jadual 4.15 dibawah menunjukkan perihal berkaitan perkara yang menyebabkan ramai wanita yang diceraikan tidak membuat apa-apa tuntutan hak walaupun berkecukupan. Jadual tersebut juga menunjukkan bahawa daripada 44 orang responden yang pernah diceraikan dalam kajian ini, majoriti berpendapat bahawa faktor yang menyebabkan mereka tidak membuat tuntutan hak selepas bercerai adalah kurangnya kesedaran tentang hak-hak wanita selepas bercerai iaitu seramai 35 orang. Kemudiannya diikuti pula oleh faktor masa perbicaraan yang panjang seramai 7 orang serta faktor telah diberi hak yang sepatutnya oleh bekas suami dan faktor beranggapan bahawa tuntutan tersebut akan mengaibkan diri sendiri masing-masing hanya seorang sahaja.

Manakala daripada 339 responden yang pernah diceraikan pula, majoriti mereka berpendapat bahawa faktor yang menyebabkan mereka tidak membuat tuntutan hak selepas bercerai adalah kurangnya kesedaran tentang hak-hak wanita selepas

bercerai iaitu seramai 278 orang. Kemudian diikuti pula oleh faktor masa perbicaraan yang panjang seramai 28 orang serta faktor telah diberi hak yang sepatutnya oleh bekas suami seramai 19 orang dan faktor beranggapan bahawa tuntutan tersebut akan mengaibkan diri sendiri seramai 14 orang.

Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa faktor utama responden tidak membuat tuntutan hak sekiranya bercerai adalah kerana kurangnya kefahaman tentang hak-hak mereka selepas bercerai iaitu seramai 313 orang (81.5%). Faktor kedua tertinggi pula adalah kerana masa perbicaraan yang panjang iaitu seramai 35 orang (9.1%). Kemudiannya diikuti pula dengan faktor kerana telah diberi hak yang sepatutnya oleh bekas suami seramai 20 orang (5.2%) dan faktor beranggapan tuntutan tersebut akan mengaibkan diri sendiri pula seramai 15 orang (3.9%). Oleh itu, kurangnya kefahaman berhubung peruntukan hak selepas bercerai adalah menjadi faktor utama responden tidak membuat tuntutan selepas bercerai. Hal demikian adalah sebagaimana pandangan Nurhidayah Muhd Hashim yang menyatakan bahawa kurang pengetahuan adalah merupakan punca wanita tidak mempertahankan hak-hak mereka.²¹²

Jadual 4.15: Faktor responden tidak membuat tuntutan hak selepas bercerai

	Faktor responden tidak membuat tuntutan hak selepas bercerai				Jumlah
	Masa perbicaraan yang panjang	Telah diberi hak yang sepatutnya oleh bekas suami	Beranggapan tuntutan tersebut akan mengaibkan diri sendiri	Kurangnya kesedaran tentang hak-hak wanita selepas bercerai	
Diceraikan	7	1	1	35	44
Status Tidak pernah diceraikan	28	19	14	278	339
Data lenyap					1
Jumlah	(9.1%) 35	(5.2%) 20	(3.9%) 15	(81.5%) 313	384

²¹² Nurhidayah Muhd Hashim, "Cetek Pengetahuan Punca Wanita Tidak Pertahan Hak", *Berita Harian Online*, 12 oktober 2010.

4.3.4 Bahagian D: Aksesibiliti Maklumat Responden Terhadap Undang-undang Keluarga Islam Berkaitan Hak-hak Wanita Selepas Bercerai

Istilah aksesibiliti adalah merupakan kata pinjaman daripada perkataan Inggeris ‘*accessibility*’ yang membawa maksud maklumat yang boleh didapati.²¹³ Dengan kata lain ianya bermaksud kebolehcapaian oleh seseorang terhadap sesuatu perkara atau lingkungan. Oleh itu, perkataan ‘aksesibiliti’ dalam kajian ini adalah menjuruskan kepada kebolehcapaian wanita untuk mendapatkan maklumat berkaitan hak-hak mereka selepas bercerai dibawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6 Tahun 2002.

Bahagian ini terdiri daripada 8 item soalan bertujuan untuk mengkaji aksesibiliti maklumat responden terhadap Undang-undang Keluarga Islam berkaitan hak-hak mereka selepas bercerai. Kesemua item dalam bahagian ini akan diperjelaskan dalam bentuk huraian dan jadual sebagaimana berikut:

Jadual 4.16 dibawah menunjukkan perihal responden sama ada pernah atau tidak pernah melihat Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6 Tahun 2002. Berdasarkan jadual tersebut, majoriti daripada 44 orang responden yang diceraikan bersetuju bahawa mereka tidak pernah melihat Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6 Tahun 2002 iaitu seramai 22 orang. Manakala, hanya 10 responden sahaja bersetuju pernah melihatnya dan 12 orang responden lagi tidak pasti sama ada pernah melihat ataupun tidak. Bagi 339 orang responden yang tidak pernah diceraikan pula, majoriti daripada mereka juga tidak pernah melihat enakmen tersebut iaitu seramai dan hanya 191 orang. Seterusnya pula, hanya 71 orang responden bersetuju pernah melihatnya dan 77 orang responden lagi tidak pasti sama ada pernah melihat ataupun tidak enakmen tersebut.

²¹³ *Kamus Inggeris-Melayu Dewan*, ed. baru (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka ,1992), 1192.

Berdasarkan jadual tersebut juga menunjukkan bahawa secara keseluruhannya majoriti responden tidak pernah melihat Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6 Tahun 2002 iaitu seramai 213 orang (55.5%). Manakala hanya seramai 82 orang (21.4%) responden sahaja pernah melihat dan 89 orang (23.2%) lagi tidak pasti sama ada pernah melihat ataupun tidak Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6 Tahun 2002. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden tidak pernah melihat Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6 Tahun 2002.

Jadual 4.16: Pernah melihat Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6 Tahun 2002

	Pernah melihat Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6 Tahun 2002			Jumlah
	Ya	Tidak	Tidak pasti	
Diceraikan	10	22	12	44
Status Tidak pernah diceraikan	71	191	77	339
Data Lenyap				1
Jumlah	81 (21.4%)	213 (55.5%)	89 (23.2%)	384

Jadual 4.17 pula menunjukkan perihal responden berkaitan pembacaan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6 Tahun 2002. Berdasarkan jadual tersebut, majoriti daripada 44 orang responden yang diceraikan bersetuju bahawa mereka tidak pernah membaca perihah berkaitan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6 Tahun 2002 iaitu seramai 23 orang. Manakala, hanya 9 orang responden sahaja bersetuju pernah membacanya dan 12 orang responden lagi tidak pasti sama ada pernah membaca ataupun tidak mengenainya. Bagi 338 responden yang tidak pernah diceraikan pula, majoriti daripada mereka juga tidak pernah membaca enakmen tersebut iaitu seramai 196 orang. Seterusnya pula, hanya 71 orang responden bersetuju pernah melihatnya dan 71

orang responden lagi tidak pasti sama ada pernah membaca ataupun tidak mengenai enakmen tersebut.

Berdasarkan jadual tersebut juga menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, majoriti responden tidak pernah membaca poerihal berkaitan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6 Tahun 2002 iaitu seramai 213 orang (55.5%). Manakala hanya seramai 82 orang (21.4%) responden sahaja pernah membacanya dan 89 orang (23.2%) lagi tidak pasti sama ada pernah membaca ataupun tidak berkaitan enakmen tersebut. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden tidak pernah membaca Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6 Tahun 2002.

Jadual 4.17: Pembacaan berkaitan peruntukan hak selepas bercerai dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Negeri Kelantan No. 6 Tahun 2002

	Pembacaan berkaitan peruntukan hak selepas bercerai dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6 Tahun 2002			Jumlah
	Ya	Tidak	Tidak pasti	
Diceraikan	9	23	12	44
Status Tidak pernah diceraikan	71	196	71	338
Data lenyap				2
Jumlah	80 (21.1%)	219 (57%)	83 (21.6%)	384

Jadual 4.18 merujuk kepada penyertaan seminar, ceramah atau kursus berkaitan hak wanita oleh responden. Data menunjukkan bahawa majoriti daripada 43 orang responden yang diceraikan bersetuju bahawa mereka tidak pernah menyertai seminar, ceramah atau kursus berkaitan hak mereka iaitu seramai 23 orang. Manakala hanya 9 responden sahaja yang bersetuju pernah menyertainya dan 12 orang lagi pula tidak pasti sama ada pernah menyertai atau sebaliknya. Bagi 339 orang responden yang tidak pernah diceraikan pula, majoriti mereka juga tidak pernah menyertai seminar, ceramah atau kursus berkaitan hak mereka iaitu seramai 279 orang. Manakala, hanya 19 orang

sahaja sahaja yang bersetuju pernah menyertainya dan 41 orang lagi pula tidak pasti sama ada pernah menyertai atau sebaliknya.

Berpanduan jadual tersebut juga, dapat disimpulkan bahawa secara keseluruhannya majoriti responden tidak pernah menyertai seminar, ceramah dan kursus iaitu seramai 314 orang (81.8%). Hanya sebahagian kecil sahaja pernah menyertainya iaitu seramai 47 orang (12.2%). Manakala seramai 22 orang (5.7%) lagi tidak pasti akan perihal tersebut. Hal tersebut menunjukkan bahawa majoriti responden tidak pernah menyertai seminar, ceramah atau kursus berkaitan hak-hak mereka selepas bercerai.

Jadual 4.18: Pengalaman penyertaan seminar/ceramah/kursus tentang hak-hak wanita selepas bercerai

	Pengalaman penyertaan seminar/ceramah/kursus tentang hak-hak wanita selepas bercerai			Jumlah
	Ya	Tidak	Tidak pasti	
Diceraikan	5	35	3	43
Status Tidak pernah diceraikan	41	279	19	339
Jumlah	(12.2%) 47	(81.8%) 314	(5.7%) 22	384

Jadual 4.19 disebelah adalah merujuk kepada kemahuan responden untuk menyertai sebarang seminar, ceramah atau kursus tentang hak-hak mereka selepas bercerai sekiranya diadakan pada masa akan datang. Data menunjukkan bahawa majoriti daripada 44 orang responden yang diceraikan bersetuju untuk menyertainya iaitu seramai 34 orang responden. Manakala hanya 5 orang responden tidak bersetuju untuk menyertainya dan 5 orang lagi pula tidak pasti sama akan menyertai atau tidak pada masa akan datang. Bagi 338 orang responden yang tidak pernah diceraikan pula, majoriti mereka juga bersetuju untuk menyertainya iaitu seramai 261 orang responden. Manakala hanya 29 orang responden tidak bersetuju untuk

menyertainya dan 47 orang responden pula tidak pasti sama akan menyertainya atau tidak pada masa kan datang.

Jadual tersebut juga menunjukkan bahawa secara keseluruhannya majoriti responden bersetuju akan menyertainya iaitu seramai 297 orang (77.3%). Manakala hanya segelintir responden sahaja tidak akan menyertainya iaitu seramai 34 orang (8.9%) sahaja. Seramai 52 orang (13.5%) responden lagi pula tidak pasti sama ada akan menyertai ataupun tidak seminar, ceramah atau kursus berkaitan hak mereka selepas bercerai. Ini menunjukkan bahawa majoriti daripada responden berminat untuk menyertai seminar, ceramah atau kursus berhubung hak-hak mereka selepas bercerai sekiranya diadakan pada masa akan datang. Hal demikian menjelaskan bahawa majoriti responden bersetuju akan menyertai seminar, ceramah atau kursus berkaitan hak-hak mereka selepas bercerai pada masa kan datang.

Jadual 4.19: Penyertaan seminar/ceramah/kursus tentang hak-hak wanita selepas bercerai pada masa akan datang

	Penyertaan seminar/ceramah/kursus tentang hak-hak wanita selepas bercerai pada masa akan datang			Jumlah
	Ya	Tidak	Tidak pasti	
Diceraikan	34	5	5	44
Status Tidak pernah diceraikan	262	29	47	338
Data lenyap				2
Jumlah	(77.3%) 296	(8.9%) 34	(13.5%) 52	384

Jadual 4.20 pula merujuk berkaitan sumber yang menjadi rujukan responden untuk mendapatkan maklumat berkaitan undang-undang keluarga Islam. Data menunjukkan bahawa majoriti daripada 41 orang responden yang diceraikan dalam kajian ini menjadikan Jabatan Agama Islam sebagai sumber rujukan utama mereka iaitu seramai 12 orang. Manakala sumber rujukan yang paling sedikit digunakan oleh responden yang diceraikan adalah melalui media elektronik, NGO dan sahabat atau

keluarga iaitu masing-masing mencatatkan hanya seorang responden sahaja. Sumber kedua tertinggi yang dirujuk oleh responden yang diceraikan dalam kajian ini adalah melalui media cetak iaitu seramai 10 orang diikuti oleh guru agama dan imam masjid masing-masing seramai 6 orang serta sahabat dan keluarga seramai 4 orang responden.

Manakala daripada 335 orang responden yang diceraikan dalam kajian ini, majoriti mereka menjadikan media cetak sebagai sumber rujukan utama mereka iaitu seramai 124 orang. Manakala sumber rujukan yang paling sedikit digunakan oleh responden yang tidak pernah diceraikan adalah melalui NGO iaitu hanya seorang responden sahaja. Sumber kedua tertinggi yang dirujuk oleh responden yang diceraikan dalam kajian ini pula adalah melalui Jabatan Agama Islam iaitu seramai 75 orang responden kemudiannya diikuti oleh guru agama seramai 48 orang, media elektronik seramai 35 orang, peguam syarie dan sahabat atau keluarga masing-masing seramai 15 orang dan imam masjid seramai 12 orang responden.

Hal tersebut jelas menunjukkan bahawa Jabatan Agama Islam dan media cetak adalah menjadi sumber rujukan yang utama kepada para responden kajian ini berkaitan hak-hak mereka selepas bercerai. Hal demikian adalah kerana media cetak merupakan bahan yang mudah diperoleh serta dijadikan sebagai bahan bacaan utama masyarakat umum dalam pelbagai bidang dan ilmu pengetahuan. Manakala Jabatan Agama Islam pula menjadi rujukan utama para responden kerana ianya bersesuaian dengan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Agama Islam itu sendiri yang iaitu sebagai rujukan dalam kalangan masyarakat berhubung dengan perihal berkaitan perkahwinan dan perceraian umat Islam.

Jadual 4.20: Sumber rujukan maklumat tentang hak-hak wanita selepas bercerai

	Sumber rujukan maklumat tentang hak-hak wanita selepas bercerai								Jumlah
	Media cetak	Media elektronik	Guru agama	Imam Masjid	Pegam Syarie	Jabat - an Agama Islam	NGO	Sahabat atau keluarga	
Diceraikan	10	1	6	6	4	12	1	1	41
Status Tidak pernah diceraikan	124	35	48	12	15	75	11	15	335
Data lenyap									7
Jumlah	134	36	54	18	19	87	12	16	384

Jadual 4.21 menunjukkan berkaitan penyediaan maklumat dalam televisyen dan radio berkaitan undang-undang keluarga Islam. Berdasarkan kepada data yang diperoleh, daripada 44 responden yang diceraikan, majoriti mereka berpendapat bahawa televisyen dan radio tidak menyediakan program yang mencukupi berkaitan undang-undang keluarga Islam iaitu seramai 18 orang responden. Seramai 16 orang responden pula berpendapat bahawa televisyen dan radio telah menyediakan program yang mencukupi berkaitan undang-undang keluarga Islam. Manakala 10 orang responden lagi tidak pasti akan perihal tersebut.

Bagi responden yang tidak bercerai pula, majoriti daripada mereka juga berpendapat bahawa televisyen dan radio tidak menyediakan program yang mencukupi berkaitan undang-undang keluarga Islam iaitu seramai 203 orang responden. Seramai 70 orang responden pula berpendapat bahawa televisyen dan radio telah menyediakan program yang mencukupi berkaitan undang-undang keluarga Islam. Manakala 65 orang responden lagi tidak pasti akan perihal tersebut.

Jadual tersebut juga menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, majoriti responden dalam kajian ini berpendapat bahawa televisyen dan radio tidak menyediakan program yang mencukupi berkaitan undang-undang keluarga Islam iaitu seramai 221 orang (57.6%). Seramai 87 orang (22.7%) responden pula berpendapat

bahawa televisyen dan radio telah menyediakan program yang mencukupi berkaitan undang-undang keluarga Islam. Manakala 75 orang (19.5%) lagi tidak pasti akan perihal tersebut. Dapatan tersebut menjelaskan bahawa program-program sedia ada yang disusun atur oleh pihak terbabit dengan televisyen dan radio berkaitan undang-undang keluarga Islam adalah tidak mencukupi dan perlu kepada penambahbaikan pada masa akan datang.

Jadual 4.21: Penyediaan maklumat yang mencukupi dalam televisyen dan radio berkaitan undang-undang keluarga Islam

	Penyediaan maklumat yang mencukupi dalam televisyen dan radio berkaitan undang-undang keluarga Islam			Jumlah
	Ya	Tidak	Tidak pasti	
Diceraikan	16	18	10	44
Status Tidak pernah diceraikan	70	203	65	338
Data lenyap				2
Jumlah	(22.7%) 86	(57.6%) 221	(19.5%) 75	384

Dari segi penyediaan maklumat dalam media cetak berkaitan undang-undang keluarga Islam pula, jadual 4.22 menunjukkan bahawa majoriti daripada 44 responden yang diceraikan dalam kajian ini berpandangan bahawa media cetak tidak menyediakan maklumat yang cukup berkaitan perkara tersebut iaitu seramai 19 orang responden. Sebaliknya pula, seramai 14 responden berpandangan bahawa media cetak telah menyediakan maklumat yang mencukupi dan seramai 10 responden lagi tidak pasti akan perkara tersebut.

Manakala daripada 381 responden yang diceraikan, majoriti mereka berpendapat bahawa media cetak tidak menyediakan maklumat yang mencukupi berkaitan undang-undang keluarga Islam iaitu seramai 199 responden. Sebaliknya pula, seramai 82 responden bersetuju bahawa media cetak telah menyediakan

maklumat yang mencukupi dan seramai 57 responden lagi tidak pasti akan perkara tersebut.

Jadual tersebut juga menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, majoriti responden dalam kajian ini iaitu seramai 218 orang (56.8%) berpandangan bahawa media cetak tidak menyediakan maklumat yang cukup berkaitan perkara tersebut. Manakala 97 orang (25.3%) responden pula berpandangan bahawa media cetak telah menyediakan maklumat yang mencukupi. Sebanyak 67 orang (17.4%) lagi tidak pasti akan perkara tersebut. Ini menunjukkan bahawa penyediaan maklumat dalam media cetak berkaitan undang-undang keluarga Islam masih belum mencukupi dan perlu dipertingkatkan memandangkan ianya adalah merupakan sumber rujukan utama para wanita khususnya berkaitan hak mereka.

Jadual 4.22: Penyediaan maklumat yang mencukupi dalam media cetak berkaitan undang-undang keluarga Islam

	Penyediaan maklumat yang mencukupi dalam media cetak berkaitan undang-undang keluarga Islam			Jumlah
	Ya	Tidak	Tidak pasti	
Diceraikan	14	19	10	43
Status Tidak pernah diceraikan	82	199	57	338
Data lenyap				3
Jumlah	(25.3%) 96	(56.8%) 218	(17.4%) 67	384

Jadual 4.23 pula menunjukkan perihal berkaitan keperluan wanita terhadap penerangan lanjut berhubung hak-hak mereka selepas bercerai. Berdasarkan kepada data yang diperoleh daripada 43 orang responden bercerai, majoriti mereka memerlukan penerangan lanjut berkaitan hak-hak selepas bercerai iaitu seramai 33 orang responden. Hanya sebahagian kecil daripada mereka tidak memerlukan penerangan lanjut berhubung hak-hak selepas bercerai iaitu seramai 6 responden dan 4 responden lagi pula tidak pasti terhadap perkara tersebut.

Manakala daripada 339 responden yang bercerai pula, majoriti mereka berpendapat bahawa mereka memerlukan penerangan lanjut berkaitan hak-hak selepas bercerai iaitu seramai 304 orang responden. Hanya sebahagian kecil daripada mereka tidak memerlukan penerangan lanjut berhubung hak-hak selepas bercerai iaitu seramai 9 responden sahaja dan 26 responden lagi pula tidak pasti terhadap perkara tersebut.

Jadual tersebut juga menunjukkan secara keseluruhannya, majoriti responden dalam kajian ini berpendapat bahawa mereka memerlukan penerangan lanjut berkaitan hak-hak selepas bercerai iaitu seramai 338 orang (88%), Hanya sebahagian kecil daripada responden sahaja berpendapat tidak memerlukan kepada penerangan lanjut berhubung hak-hak selepas bercerai iaitu seramai 15 orang (3.9%). Manakala seramai 30 orang (7.8%) tidak pasti terhadap perkara tersebut.

Jadual 4.23: Keperluan terhadap penerangan lanjut berhubung hak-hak wanita selepas bercerai

	Keperluan terhadap penerangan lanjut berhubung hak-hak wanita selepas bercerai			Jumlah
	Ya	Tidak	Tidak pasti	
Diceraikan	33	6	4	43
Status Tidak pernah diceraikan	304	9	26	339
Data lenyap				2
Jumlah	(88%) 337	(3.9%) 15	(7.8%) 30	384

4.3.5 Hubungan Antara Kefahaman Responden Tentang Peruntukan Hak Selepas Bercerai Berdasarkan Faktor Demografi.

Bahagian ini adalah bertujuan mengkaji hubungan di antara kefahaman responden berhubung peruntukan hak selepas bercerai berdasarkan kepada faktor demografi (umur, tahap pengetahuan dan status perkahwinan) dengan menggunakan ujian signifikan Khi Kuasa dua. Hasil kajian yang diperolehi dibentangkan dalam bentuk penerangan dan jadual seperti berikut:

Jadual 4.24 menunjukkan hasil ujian signifikan Khi Kuasa Dua yang diperolehi iaitu ($X^2=4.865^a$, $df=4$, $p<.05$) yang menunjukkan hipotesis pertama adalah diterima. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kefahaman responden tentang hak-hak selepas bercerai mengikut peringkat umur. Berdasarkan keputusan ujian ini dapat disimpulkan bahawa umur boleh mempengaruhi kefahaman wanita terhadap hak-hak selepas bercerai. Hal demikian selari dengan kajian Zainab Ghadar Band Shirazifard ke atas 100 orang wanita di Neiriz, Iran yang mendapati terdapat hubungan signifikan antara kefahaman hak perkahwinan dan faktor umur.²¹⁴

4.24: Hubungan antara umur dan kefahaman tentang hak selepas bercerai (H_1)

			Kefahaman Tentang Hak-hak Selepas Bercerai			Jumlah
			Ya	Tidak	Tidak pasti	
Umur 20-30 tahun	Frekuensi yang diperhatikan		37	21	41	99
	Frekuensi yang dijangkakan		46.8	17.6	34.6	99.0
	Nilai Rasidual Piawai		-1.4	.8	1.1	
31-40 tahun	Frikuensi yang diperhatikan		38	12	30	80
	Frikuensi yang dijangkakan		37.8	14.2	28.0	80.0
	Nilai Rasidual piawai		.0	-.6	.4	
41-50 tahun	Frikuensi yang diperhatikan		61	14	44	119
	Frikuensi yang dijangkakan		56.2	21.1	41.6	119.0
	Nilai Rasidual Piawai		.6	-1.6	.4	
51-60 tahun	Frikuensi yang diperhatikan		38	15	17	70
	Frikuensi yang dijangkakan		33.1	12.4	24.5	70.0
	Nilai Rasidual Piawai		.9	.7	-1.5	
61 tahun ke atas	Frikuensi yang diperhatikan		7	6	2	15
	Frikuensi yang dijangkakan		7.1	2.7	5.2	15.0
	Nilai Rasidual Piawai		.0	2.0	-1.4	
Jumlah	Frikuensi yang diperhatikan		181	68	134	383
	Frikuensi yang dijangkakan		181.0	68.0	134.0	383.0

Ujian Khi Kuasa Dua			
	Nilai	Darjah Kebebasan	Nilai Signifikan Khi Kuasa Dua
Nilai Khi Kuasa Dua Pearson	4.865 ^a	4	.301
Nisbah Kebolehjadian	4.962	4	.291
Penyatuan Baris	3.077	1	.079
Jumlah Responden	382		

²¹⁴ Zainab Ghadar Band Shirazifard & Ali Edalati, "Investigating The Employed Married Woman's Awareness Level of Marriage Rights: Case Study in Neiriz, Iran", *Jornal of Asian Social Science* 8 (2012), 172-176.

Jadual 4.25 di bawah menunjukkan hasil ujian signifikan Khi Kuasa Dua yang diperolehi iaitu ($X^2=25.626^a$, $df=10$, $p<.05$) yang menunjukkan hipotesis kedua adalah diterima. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kefahaman responden tentang hak-hak selepas bercerai berdasarkan taraf pendidikan responden. Berdasarkan keputusan ujian ini dapat disimpulkan bahawa faktor taraf pendidikan responden boleh mempengaruhi kefahaman wanita terhadap hak-hak mereka selepas bercerai.

Jadual 4.25: Hubungan antara taraf pendidikan dan kefahaman tentang hak-hak selepas bercerai (H_2)

			Kefahaman Tentang Hak-hak Selepas Bercerai			Jumlah
			Ya	Tidak	Tidak pasti	
Taraf Pendidikan Tertinggi	UPSR	Frekuensi yang diperhatikan	4	3	5	12
		Frekuensi yang dijangkakan	5.7	2.1	4.2	12.0
		Nilai Rasidual Piawai	-.7	.6	.4	
	SRP/PMR	Frekuensi yang diperhatikan	28	18	9	55
		Frekuensi yang dijangkakan	26.1	9.8	19.1	55.0
		Nilai Rasidual Piawai	.4	2.6	-2.3	
	SPM	Frekuensi yang diperhatikan	61	30	61	152
		Frekuensi yang dijangkakan	72.0	27.2	52.8	152.0
		Nilai Rasidual Piawai	-1.3	.5	1.1	
	STAM/STPM/Diploma	Frekuensi yang diperhatikan	31	6	26	63
		Frekuensi yang dijangkakan	29.8	11.3	21.9	63.0
		Nilai Rasidual Piawai	.2	-1.6	.9	
	Ijazah Sarjana Muda	Frekuensi yang diperhatikan	52	11	30	93
		Frekuensi yang dijangkakan	44.1	16.6	32.3	93.0
		Nilai Rasidual Piawai	1.2	-1.4	-.4	
	Ijazah Lanjutan	Frekuensi yang diperhatikan	4	0	1	5
		Frekuensi yang dijangkakan	2.4	.9	1.7	5.0
		Nilai Rasidual Piawai	1.1	-.9	-.6	
Jumlah	Frikuensi yang diperhatikan	180	68	132	380	
	Frikuensi yang dijangkakan	180.0	68.0	132.0	380.0	

Ujian Khi Kuasa Dua

	Nilai	Darjah Kebebasan	Nilai Signifikan Khi Kuasa Dua
Nilai Khi Kuasa Dua Pearson	25.626 ^a	10	.004
Nisbah Kebolehjadian	27.039	10	.003
Penyatuan Baris	.781	1	.377
Jumlah Responden	380		

Jadual 4.26 menunjukkan hasil ujian signifikan Khi Kuasa Dua yang di perolehi iaitu ($X^2=4.865^a$, $df=4$, $p>.05$) yang menunjukkan hipotesis ketiga adalah ditolak. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kefahaman responden tentang hak-hak selepas bercerai berdasarkan faktor status perkahwinan. Berdasarkan keputusan ujian ini dapat disimpulkan bahawa faktor status perkahwinan tidak mempengaruhi kefahaman wanita terhadap hak-hak selepas bercerai.

Jadual 2.6: Hubungan antara status perkahwinan dan kefahaman tentang hak-hak selepas bercerai (H^3)

			Kefahaman Tentang Hak-hak Selepas Bercerai			Jumlah
			Ya	Tidak	Tidak pasti	
Status	Bujang	Frekuensi yang diperhatikan	36	20	36	92
		Frekuensi yang dijangkakan	43.6	16.4	32.0	92.0
		Nilai Rasidual Piawai	-1.1	.9	.7	
	Berkahwin	Frekuensi yang diperhatikan	119	38	84	241
		Frekuensi yang dijangkakan	114.2	42.9	83.9	241.0
		Nilai Rasidual Piawai	.5	-.7	.0	
	Bercerai	Frekuensi yang diperhatikan	26	10	13	49
		Frekuensi yang dijangkakan	23.2	8.7	17.1	49.0
		Nilai Rasidual Piawai	.6	.4	-1.0	
	Jumlah	Frikuensi yang diperhatikan	181	68	133	382
		Frikuensi yang dijangkakan	181.0	68.0	133.0	382.0

Ujian Khi Kuasa Dua

	Nilai	Darjah Kebebasan	Nilai Signifikan Khi Kuasa Dua
Nilai Khi Kuasa Dua Pearson	4.865 ^a	4	.301
Nisbah Kebolehjadian	4.962	4	.291
Penyatuan Baris	3.077	1	.079
Jumlah Responden	382		

4.4 KESIMPULAN

Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa kefahaman responden tentang hak-hak mereka selepas bercerai secara umumnya masih rendah iaitu hanya 47% responden sahaja yang sedar akan hak-hak mereka selepas bercerai. Manakala secara khususnya pula, didapati bahawa majoriti responden sedar akan hak mereka terhadap mas kahwin tertunggak, nafkah iddah dan harta sepencarian selepas bercerai. Namun, majoriti mereka tidak sedar berkaitan hak mut'ah dan hadhanah selepas bercerai. Hal demikian terbukti apabila majoriti responden memberikan jawapan yang salah terhadap kenyataan berkaitan persepsi mereka terhadap hak mut'ah dan hadhanah.

Kajian ini juga mendapati bahawa majoriti responden yang pernah diceraikan tidak membuat tuntutan terhadap hak-hak mereka selepas bercerai. Manakala berbeza pula dengan pendapat wanita yang tidak pernah bercerai, iaitu majoriti mereka berpendapat akan membuat tuntutan hak sekiranya berlaku perceraian ke atas diri mereka. Dari segi cara membuat tuntutan pula, didapati majoriti responden akan membuat tuntutan melalui Peguam Jabatan Agama Islam. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa faktor utama yang mendorong tuntutan hak sekiranya bercerai dilakukan ialah kerana kesedaran diri sendiri. Manakala faktor utama responden tidak membuat tuntutan hak sekiranya bercerai adalah kerana kurangnya kefahaman mengenai hak-hak mereka selepas bercerai.

Seterusnya, hasil dapatan kajian mendapati bahawa majoriti responden tidak pernah melihat dan membaca akta atau enakmen undang-undang keluarga Islam di Malaysia serta tidak pernah menyertai seminar, ceramah atau kursus berkaitan hak-hak wanita selepas bercerai. Namun, majoriti mereka berpendapat akan menyertainya pada masa akan datang. Selain itu juga, didapati antara sumber utama yang menjadi rujukan responden berkaitan hak-hak mereka selepas bercerai adalah melalui media cetak,

Jabatan Agama Islam, guru agama dan media elektronik. Seterusnya, kajian mendapati majoriti responden masih memerlukan penerangan lanjut berhubung hak-hak selepas bercerai.

Dari segi hubungan antara kefahaman responden dengan faktor demografi pula, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kefahaman wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai mengikut peringkat umur dan tahap pendidikan. Akan tetapi tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kefahaman wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai mengikut status perkahwinan. Ini menunjukkan bahawa faktor umur dan tahap pendidikan mempengaruhi kefahaman wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai.

BAB V

PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Bab ini adalah merupakan kesimpulan dan rumusan bagi keseluruhan kajian. Dalam bab ini, pengkaji akan mengemukakan kesimpulan yang diperolehi daripada perbincangan dan laporan analisis kajian yang telah dijalankan daripada bab-bab sebelum ini. Seterusnya, dalam bab ini juga akan dikemukakan beberapa cadangan bagi mempertingkatkan kesedaran wanita berhubung peruntukan hak-hak mereka selepas bercerai. Cadangan yang dikemukakan adalah berdasarkan kepada permasalahan yang timbul serta daripada hasil pemantauan secara keseluruhan daripada kajian yang dijalankan.

5.2 PENUTUP

Setelah meneliti tuntutan-tuntutan hak yang diperuntukkan di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6 Tahun 2002 serta kesedaran wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai, secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa status dan kedudukan wanita di dalam Islam telah dijelaskan dalam al-Qur'an iaitu melalui sejarah kedudukan wanita sebelum dan selepas kedatangan Islam. Kedatangan Agama Islam telah menyelamatkan wanita dan memberikan hak-hak yang bersesuaian dengan kedudukan mereka serta menghapuskan pandangan dan layanan yang tidak baik terhadap mereka.

Dari segi konsep hak dalam Islam adalah merupakan kurniaan Allah S.W.T yang bersandarkan kepada sumber-sumber hukum syarak. Islam adalah agama yang adil dan memberi jaminan bahawa setiap individu dalam masyarakat tidak akan dizalimi serta hak-hak mereka terpelihara. Dalam konteks pembubaran perkahwinan, golongan wanita diberi pembelaan oleh Allah S.W.T, boleh menuntut hak-hak mereka selepas berlakunya perceraian. Syarak memberikan pembelaan kepada wanita dengan menggariskan hak-hak tertentu yang boleh dituntut oleh para wanita selepas perceraian. Hak-hak yang diberikan itu ialah hak mahar, hak nafkah iddah, hak mut'ah, hak harta sepencarian dan hak hadhanah.

Manakala, dalam konteks di Malaysia pada masa kini, hak-hak terhadap wanita dapat dilihat dengan jelas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam telah mengadakan peruntukan-peruntukan demi untuk memastikan hak wanita dijamin dan dilaksanakan seperti yang dituntut oleh Islam. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6 Tahun 2002 memperuntukkan beberapa hak terhadap wanita selepas bercerai. Antaranya ialah hak terhadap mas kahwin tertunggak, nafkah iddah, mut'ah, harta sepencarian dan hadhanah. Jika diteliti kandungan peruntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6 tahun 2002 yang berkaitan hak-hak wanita selepas bercerai, maka didapati bahawa peruntukan-peruntukan tersebut adalah bertepatan dengan undang-undang Islam atau hukum syarak yang berasaskan kepada al-Qur'an dan hadis serta pandangan ulama'.

Walau bagaimanapun, undang-undang sahaja tentunya tidak dapat menjamin hak-hak wanita melainkan mereka sendiri perlu menyedari akan hak-hak mereka sendiri sebelum mendapat jaminan dari undang-undang. Oleh kerana itu, kajian

berkaitan kesedaran wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai telah dijalankan. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden sedar akan hak mereka terhadap mas kahwin tertunggak, nafkah iddah, dan harta sepencarian selepas bercerai. Namun, majoriti mereka tidak menyedari akan hak mut'ah dan hadhanah selepas bercerai. Kajian juga mendapati majoriti wanita yang telah diceraikan tidak membuat tuntutan terhadap hak mereka. Undang-undang sebenarnya menjamin hak-hak wanita, namun kurangnya kesedaran berkaitan hak-hak mereka selepas bercerai menjadi faktor utama yang menyebabkan kebanyakan wanita membuat apa-apa tuntutan walaupun layak.

Manakala mengenai aksesibiliti wanita terhadap undang-undang keluarga Islam berkaitan hak-hak mereka selepas bercerai didapati masih rendah sama ada dari sudut pembacaan, penyertaan seminar, ceramah atau kursus berkaitan. Namun, majoriti daripada mereka berminat untuk menyertainya pada masa akan datang serta memerlukan penerangan lanjut berhubung hak-hak tersebut. Dari segi sumber rujukan pula, di antara mekanisme yang menjadi rujukan wanita berkaitan hak-hak mereka selepas bercerai adalah melalui media cetak, Jabatan Agama Islam, guru agama dan media elektronik. Hasil kajian juga mendapati bahawa faktor umur dan tahap pendidikan mempengaruhi kesedaran wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai.

Pendedahan secara menyeluruh terhadap kandungan peruntukan berkaitan hak-hak wanita selepas bercerai kepada masyarakat umum dalam setiap lapisan masyarakat hendaklah diperluaskan sebagai makluman kepada orang ramai mengenai adanya peruntukan di bawah undang-undang berhubung hak-hak wanita selepas bercerai. Dalam merealisasikan perkara ini, maka semua pihak mestilah bekerjasama dan memberi sokongan padu agar masyarakat khususnya para wanita sedar tentang hak-

hak mereka selepas berlakunya perceraian dan demi kesejahteraan masyarakat keseluruhannya.

5.3 CADANGAN

Berdasarkan kepada pemerhatian dan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa perlu dikemukakan beberapa cadangan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan wanita berhubung dengan peruntukan hak-hak mereka selepas bercerai. Antara cadangan yang disarankan adalah:

5.3.1 Jabatan Agama Islam

Pihak Jabatan Agama Islam seharusnya bergerak aktif dengan mengatur strategi yang lebih berkesan dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran wanita berhubung hak-hak wanita selepas perceraian. Antaranya ialah memberi penerangan yang terperinci kepada imam-imam masjid mengenai peruntukan hak-hak wanita selepas berlakunya perceraian. Imam-imam juga perlu diberi pendedahan tentang prosedur berkaitan tuntutan di Mahkamah Syariah supaya sebarang kemusykilan yang berlaku di kariah masing-masing dapat dirujuk terus kepada imam untuk mendapat maklumat awal sebelum mendapatkan maklumat lanjut dengan pihak terbabit untuk membuat tuntutan.

Seterusnya, Jabatan Agama Islam disarankan agar mempertingkatkan mutu pentadbiran dan pengurusan unit kaunseling atau khidmat nasihat atau klinik keluarga bagi membantu individu dan pasangan yang bermasalah menyelesaikan konflik keluarga. Manakala pegawai kaunselor serta perunding hal ehwal kekeluargaan yang dilantik hendaklah terdiri daripada mereka yang pakar dan berpengalaman dalam mengendalikan sesi khidmat keluarga serta memberi pendedahan kepada masyarakat awam berkaitan peruntukan hak wanita selepas bercerai.

Dalam usaha meningkatkan kesedaran wanita tentang peruntukan hak selepas bercerai, Jabatan Agama Islam juga hendaklah memainkan peranan dengan memberikan pendedahan kepada mereka yang bakal mendirikan rumah tangga. Ini kerana, kesedaran berkaitan perihal tersebut penting lebih-lebih lagi kepada mereka yang bakal menempuh alam rumah tangga. Oleh itu, pengendalian kursus pra perkahwinan oleh Jabatan Agama Islam kepada bakal pengantin hendaklah dijalankan dengan baik, teratur dan terarah sesuai dengan matlamat mengadakan kursus berkenaan. Tajuk ceramah dan kursus hendaklah dirangka dengan teliti termasuklah dimuatkan slot berkaitan hak-hak wanita selepas perceraian.

Selain itu, Jabatan Agama Islam hendaklah mempergiatkan usaha untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat dengan mengadakan kempen yang berterusan berkaitan peruntukan hak wanita selepas bercerai melalui saluran yang mudah didapati oleh masyarakat terutamanya golongan wanita seperti menerusi radio, televisyen, dan internet, penerbitan risalah, ceramah, forum, diskusi dan seminar secara menyeluruh di semua peringkat masyarakat.

5.3.2 Mahkamah Syariah

Alasan yang sering dikemukakan oleh wanita ialah kesukaran dan kerumitan yang terpaksa dilalui apabila berurusan dengan pihak mahkamah seperti proses perbicaraan yang lambat dan bertangguh. Oleh itu, Mahkamah Syariah seharusnya mengambil pendekatan drastik berkaitan perkara tersebut. Di antara usaha yang boleh dilakukan ialah dengan menambah kaki tangan di mahkamah khususnya pegawai sulh dan hakim syarie. Di samping itu juga, kaki tangan Mahkamah Syariah juga hendaklah cuba semaksimum mungkin untuk mempercepatkan proses tuntutan hak serta mengelak kelewatan perbicaraan dan mengurangkan jumlah kes-kes yang tertangguh.

5.3.3 Jabatan Bantuan Guaman

Jabatan Bantuan Guaman adalah merupakan jabatan yang memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kesedaran wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai serta membantu mereka dalam proses tuntutan hak. Hal demikian adalah bertepatan dengan fungsi biro bantuan guaman iaitu untuk memberikan kesedaran undang-undang kepada masyarakat tentang hak mereka di bawah undang-undang. Oleh kerana itu, peranan yang dimainkan oleh Jabatan Bantuan Guaman hendaklah dimaklumi kepada masyarakat umum khususnya wanita memandangkan ramai dalam kalangan mereka masih tidak mengetahuinya. Di samping itu, adalah disarankan agar Jabatan Bantuan Guaman menyediakan perkhidmatan yang bersistematik bagi memudahkan dan melancarkan proses tuntutan hak dilakukan oleh wanita.

5.3.4 Media cetak dan media elektronik

Media cetak adalah merupakan sumber rujukan utama wanita berhubung peruntukan hak-hak mereka selepas bercerai. Justeru itu, pihak-pihak yang terlibat dengan media cetak seperti penerbitan buku, surat khabar, risalah, artikel dan majalah hendaklah mempertingkatkan penerbitan berkaitan hak-hak yang diperuntukkan terhadap mereka khususnya hak-hak mereka selepas bercerai.

Manakala Media elektronik juga tidak kurang pentingnya dalam usaha memberikan kesedaran kepada para wanita berkaitan peruntukan hak-hak mereka selepas bercerai. Pihak yang terlibat dengan media massa seperti televisyen, radio dan internet hendaklah memperbanyakkan rancangan, iklan, artikel dan sebagainya berkaitan peruntukan hak-hak wanita selepas bercerai, prosedur tuntutan hak serta badan-badan yang berkaitan dengannya bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada para wanita berkaitan perkara tersebut.

5.3.5 Pertubuhan Wanita atau *National Government Organisation* (NGO)

Selaras dengan peranan yang dimainkan pertubuhan-pertubuhan wanita atau *National Government Organization* (NGO) untuk menjaga kebajikan, mereka perlu merangka serta memperbanyakkan penganjuran program-program bagi mempertingkatkan kesedaran kepada para wanita tentang hak-hak mereka sama ada mengadakan seminar, ceramah, pameran, kempen, pengedaran risalah dan sebagainya. Di samping itu juga, mereka juga perlu memastikan program-program yang dijalankan tersebut mendapat penyertaan dari semua lapisan masyarakat.

5.3.6 Wanita sendiri

Dalam usaha mempertingkatkan kesedaran wanita berhubung peruntukan hak-hak selepas bercerai, walaupun pelbagai langkah telah diambil oleh semua pihak, namun ianya tidak akan berhasil tanpa kerjasama, usaha serta komitmen daripada wanita itu sendiri untuk meningkatkan kesedaran diri mereka. Oleh kerana itu, adalah disarankan kepada para wanita agar mengambil tahu segala maklumat yang berkaitan dengan hak-hak mereka walaupun mereka belum mengalami situasi perceraian. Pengetahuan dan maklumat tersebut adalah sebagai persediaan jika sekiranya berlaku perceraian kepada mereka. Satu anjakan paradigma perlu dilakukan oleh wanita-wanita dengan mengetepikan segala sifat-sifat negatif seperti takut, ragu-ragu, dan sebagainya yang selama ini menghalang wanita dari berusaha mendapatkan hak-hak mereka.

Dalam merealisasikan segala usaha dan langkah yang telah dibincangkan, maka semua pihak mestilah bekerjasama dan memberi sokongan padu agar masyarakat khususnya para wanita sedar tentang hak-hak mereka selepas berlakunya perceraian dan demi kesejahteraan masyarakat keseluruhannya.

5.4 KESIMPULAN

Secara umumnya kesedaran yang rendah dalam kalangan responden kajian ini adalah memberi gambaran tentang kesedaran wanita di Kota Bharu keseluruhannya berkaitan peruntukan hak-hak wanita selepas bercerai. Pengkaji berpendapat perlunya usaha dari semua pihak untuk memberikan kesedaran yang lebih jelas kepada para wanita tentang hak-hak mereka memandangkan kejahilan mereka seolah-olah menafikan peruntukan tersebut serta menyebabkan nasib mereka tidak terbela. Hakikat bahawa sememangnya peruntukan tersebut amatlah diperlukan oleh wanita yang telah diceraikan, namun kejahilan mereka seolah-oleh menganiayai diri mereka sendiri. Oleh itu perlunya bantuan dari pelbagai pihak untuk memberi pengetahuan, kefahaman serta kesedaran kepada wanita tentang hak-hak yang sewajarnya mereka terima khususnya selepas berlakunya perceraian.

BIBLIOGRAFI

Rujukan Kepada Kitab Arab

Al-Qur'ān Al-Karīm.

‘Abd Tawwāb, Mu‘awwiz. *Al-Waṣīṭh Fī Sharh Qawānīn al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah.* Kāherah: t.p., 1982.

‘Abdul Ḥamīd, Muḥammad Muḥyiddin. *al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah Fī al-Syarīah al-Islāmiyyah.* Meṣīr: Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, 1957.

Abī Syaibah, Abī Bakr ‘Abdullah bin Muḥammad. *al-Muṣonnaḡ Li Abī Syaibah,* Kitāb al-Nikāḡ. Lubnān: Dār al-Qurṭūbah, 2006.

Abū Zahrah, Muḥammad. *Al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah.* Dār al-Fikr al-‘Arabi, t.th.

_____. *Tanzīm al-Islām Li al-Mujtamā’*, Kāherah: Dār al-Fikr al-‘Arabi, 1965.

A-Ḥummām, Kamāluddīn. *Sharh Faṭḥ al-Qadīr*, jil. 3, Meṣīr: t.p., 1361H.

Bardisī, Muḥammad Zakariyyā al-. *al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah*, Kāherah: Maktabah Yūsuf, t.th.

Ḥanafī, ‘Ala al-Dīn Abī Bakar al-Mas’ūd Al-Kasānī al-. *Badā’i al-Sanāi Fī Tartīb al-Sharā’i.* Kāherah: Zakariyyā ‘Ali Yūsuf, t.th.

Ḥanafī, Ibn Hammām al-. *Sharh Faṭḥ al-Qadīr.* Meṣīr: Maṭbā’ah al-Kubrā al-‘Amīriyyah, 1315H.

Ḥasbullah, ‘Ali. *al-Fiḡh Bainā al-Zaujaini Wamā Yata‘allaq Bihā ‘Iddatun Wanasaban.* Kāherah: Dār al-Uhūd al-Jadīd, 1968.

Ibnū Mājah. *Sunan Dār Iḥyā’ al-Kutūb al-‘Arabiyyah.* Meṣīr; ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī, 1952.

Ibn Nujaim, Zainal Abidin bin Ibrahim. *al-Asybah Waa al-Nadhair*, Mesir: t.p., 1968.

Ibn Qudāmah, Muwaffiq al-Dīn Abī Muḥammad bin ‘Abdillāh. *al-Mughnī Wa al-Sharh al-Kabīr.* Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabi Li al-Nashr Wa al-Tawzī, 1972.

Jazirī, ‘Abdul Raḥmān Al-. *Al-Fiḡh ‘Ala Mazāhib al-Arba‘ah.* Beirūt: Dār Iḥyā’ al-Turath al-‘Arabi, 1998.

Jazairī, Abū Bakar Jabīr al-. *Minḥāj al-Muslim.* Kāherah: Maktabah al-Kuliyyāt al-Azhariyyah, 1979.

Kahlānī, Muḥammad bin Ismā‘īl Al-. *Subl al-Salām.* Meṣīr: t.p., 1379.

- Khātib, Sheikh Muḥammad al-Sharbinī al-. *Mughnī al-Muḥtāj*. Meşir: Maktabah Wa Maṭbā‘ah Mustāfā al-Bābī al-Ḥalabī, 1958.
- Maghinanī, Abī Ḥassan ‘Alī bin Abī Bakr bin ‘Abdul Jalīl al-. *al-Hidāyah Sharh Bidāyah al-Mubtada’*. Meşir: Maṭbā‘ah Mustāfā al-Bābī al-Ḥalabī, 1965.
- Muḥammad, Sheikh al-Imām al-‘Allāmah Taqiuddīn Abī Bakr. *Kifāyatul al-Akhyār Fī Ḥalli Ghāyah al-Ikhtişār*. Meşir: Maṭbā‘ah Muḥammad ‘Alī Şabīh Wa Aulāduhu, 1350H.
- Muḥammad ‘Uwaiḍāh, Sheikh Kāmil Muḥammad. *Al-Jāmi’ Fī Fiqhi al-Nisā’*. Beirūt: Dār Kutub al-‘Ilmiyyah, terj. M. Abdul Ghoffar E. M. Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 1996.
- Mūsā, Muḥammad Yūsuf. *Aḥkām al-Aḥwāl al-Shakhşīyyah Fī al-Fiqh al-Islāmi*, Dār al-Kitāb al-‘Arabi, 1956.
- Nawāwī, Abū Zakariyyā Yahyā bin Yūsuf al-. *Minhāj al-Tālibīn*. Al-Ṭab‘ah al-Mişriyyah, t.tp.
- Nawāwī, al-Imām al-, *Rauḍah al-Tālibīn*. Bairūt: Dār al-Kutub al- ‘Ilmiyyah, 1992.
- Qudāmah, Abī Muḥammad ‘Abdullah bin Aḥmad bin Muḥammad. *al-Mughnī*. Kāherah: Hijr, 1992.
- Qurtūbi, Abī‘Abdillah Muḥammad bin Aḥmad al-Anşārī al-. *al-Jāmi’ Li Aḥkām al-Qur’ān*. Kāherah: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, Li Ṭibā‘ah Wa al-Nashr, 1967.
- Sābiq, al-Sayyid. *Fiqh al-Sunnah*, jil. 2. Beirūt: Dār al-Kitab al-‘Arabi, 1985.
- _____. *Fiqh al-Sunnah*. al-Kāherah : Maktabah Dār al-Turath, 1988.
- Shamsuddīn, Muḥammad Ja’fār. *al-Nikāh Wa al-Ṭalāk Wa Ṭawābi‘ahu Fī al-Fiqh al-Islāmī Baḥs Muqarran ‘Alā al-Mazāhib al-Fiqhiyyah*. Beirūt: Dār al-Hādī, 2008.
- Sābūnī, Muḥammad ‘Alī al-. *Rawā‘i al-Bayān al-Tafsīr Ayāt al-Aḥkām Min al-Qur’ān*. Damshīk: Maktabah al-Ghazālī, 1997.
- Sāis, ‘Alī al-. *Muqāranah al-Mazāhib Fī al-Fiqh*. Kāherah: Maktab al-Kuliyyāt al-Azhariyyah, 1996.
- Shafaqah, Muḥammad Bashīr al-. *al-Fiqh al-Maliki Fī Thaubīhī al-Jadīd*. Damshiq: Dār al-Falāḥ, 2008.
- Shalābī, Muḥammad Mustāfā. *Aḥkām al-Usrah Fī al-Islām*. Beirūt: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah, 1977.
- Sharazī, Abī Ishāq Ibrāhīm bin ‘Alī bin Yūsuf al-. *al-Muḥaḍḍhab Fī al-Fiqh al-Imām al-Syafie*. Meşir: Maṭbā‘ah Mustāfā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Auladuh, 1976.

Sharbinī, Al-Sheikh Muḥammad al-Khāṭib al-. *Mughnī al-Muḥtāj*. Meşīr: Maktabah Mustafā Muḥammad, t.t.

Shawkānī, Muḥammad bin ‘Ali bin Muḥammad al-. *Nailāl-Awthār*. Meşīr: Maktabah Mustafā al-Bībī al-Halabī, 1961.

Zahabī, Muḥammad Ḥussain al-, *al-Aḥwāl al-Shakṣiyyah Fī al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah, Dirāsah Muqāranah Bainā Ahli Sunnah Wa Mazhab al-Ja‘fariyyah*, Meşīr: Dār Kutub al-Hadīth, 1968.

Zuhailī, Wahbah al-. *al-Fiqh al-Islām Wa Adillatuh*, Damshiq; Dār al-Fikr al-Ma‘sir, 1989.

Rujukan Kepada Buku Melayu.

Abdul Kadir Haji Muhammad. “Penggubalan Undang-Undang Keluarga Islam di Kelantan”, dalam *Warisan Kelantan XIII*, Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1994.

Abdul Monir Yaacob. *Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-Negara ASEAN*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1999.

Abd. Razak Mahmud. *Pelajaran Tata Rakyat Negeri Kelantan (1)*. Kota Bharu: Nik Daud Sdn. Bhd, 1995.

Ahmad Ibrahim. *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Jurnal Sdn. Bhd, 1999.

Ab. Halim bin Hj. Ahmad. “Agama Islam di Kelantan”, dalam *Jurnal Sejarah Kelantan*. t.p, 1981.

Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam. Jabatan Usuluddin dan Falsafah*, Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011.

Hajah Noresah bt. Baharom. *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

Jabatan Perangkaan Malaysia. *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010*.

Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid dan Raihanah Hj Azahari. *Undang-Undang Keluarga Islam: Konsep dan Perlaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Karya Abazie, 1989.

Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Muhd. Fauzi Muhammad. *Undang-undang Keluarga Islam*. Kajang: Synergymate. Sdn Bhd, 1998.

_____. *Undang-undang Keluarga Islam Dalam Empat Mazhab: Pembubaran Keluarga*. Selangor: Synergymate Sdn. Bhd, 2003.

Rohana Yusuf. *Penyelidikan Sains Sosial*. Pahang: PTS. Publications & Distributor, 2003.

Shamsuddin Suhor dan Nor Aziah Mohd Awal. *Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia: Undang-undang Keluarga (Sivil)*, jilid 9, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

Siti Fatimah Abdul Rahman. *Pengurusan Kewangan dan Pemilikan Harta Dalam Kalangan Wanita Islam: Satu Tinjauan Awal*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2011.

Wan Hussein Azmi. "Islam di Malaysia: Kedatangan dan Perkembangan Abad 7 Masihi", dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.

W.G. Shellaber. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967.

Zaini Nasohah. *Perceraian: Hak Wanita Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2002.

Zaleha Kamaruddin. *Wanita dan Keadilan*. Kuala Lumpur: ANZ Charisma, 1999.

Zetimimi Zakaria. "Kelantan Sebelum Persekutuan Tanah Melayu", dalam Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, *Warisan Kelantan XIV*. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1997.

Rujukan Kepada Buku Inggeris

Abdullah Alwi Haji Hassan. *The Administration of Islamic Law in Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1996.

Ahmad Ibrahim. *The Statut of Muslim in family Law in Malaysia, Singapore and Brunei*. Singapore: Malayan Law Journal, 1965.

_____. *Islamic Law in Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institut LTD, 1965.

Asghar Ali Engineer. *The Right of Woman in Islam*. Selangor: IBS Buku Sdn Bhd, 1992.

Fraenkel, J.R., and Wallen, N.E. *How to Design and Evaluate Research*. USA: Mc. Fraw-Hill Inc, 1996.

Haji Mohamed Din Haji Ali. *Family Law and Customary Law in Asia: A Contemporary legal Perspective*. Netherlands: The Hague Martinus Nijhoff, 1968.

- J.L Esposito. *Woman in Muslim Family Law*. New York: Syracuse University Press, 1980.
- J.P Bhatnagar. *Law Relating to Woman and Their Right*. New Delhi: Ashoke Law House, 2000.
- J.T Roscoe. *Fundamental Research Statistics for The Behavior Science*. Holt. New York: Rinehart and Winston, 1975.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D.W. *Determining Sample Size For Research Activities, Educional and Psychological Measurement*. t.tp, 1970.
- Mohammad Hashim Kamali. *Islamic Law In Malaysia: Issues and Development*. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, 2000.
- M.B. Hooker. *The Personal Law of Malaysia: An Introduction*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976.
- Sakaran, U. *Research Methods For Business: A Skill - Building Approach*. New York: Wiley & Sons Inc, 1992.
- Tahir Mahmood. *Family Law Reform in The Muslim World*, Bombay: N. M. Tripathi, 1972.
- Zaleha Kamaruddin. *Introduction to Devorce Law in Malaysia*. Malaysia: International Islamic University Malaysia, 1998.

Rujukan Journal

- Abdul Kadir Hj. Muhammad, “Keberkesanan Undang-undang Baru Keluarga Islam Dalam Mengurangkan Kadar Perceraian di Malaysia”, *Jurnal Syariah* (1993).
- Abdul Monir Yaacob, “Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Pengkanunan, Reformasi dan Penyelarasan”, *Jurnal Undang-undang* (1998).
- Brennan D. Peterson, Matthew Pirritano, Laura Tucker dan Claudia Lampic, “Fertility Awareness And Parenting Attitudes Among American Male and Female Undergraduate University Students”, *Human Reproduction* (2012).
- Che Zarrina Sa’ari dan Joni Tamkin Borhan, “Peranan Wanita Dalam Pengukuhan Akidah Umat Islam”, *Jurnal Usuluddin* (2006): 23-24.
- E Szwajcer, G J Hiddink, L Maas, M Koelen and C van Woerkum, “Nutrition Awareness Before And Throughout Different Trimesters In Pregnancy: A Quantitative Study Among Dutch Women”, *Family Practice*. Oxford University Press (2011).
- Koji Wada, Mayumi Ohtsu, Yoshiharu Aizawa, Hiroshi Tanaka, Nobumi Tagaya dan Miyako Takahashi, “Awareness and Behavior of Oncologists and Support

Measures in Medical Institutions Related to Ongoing Employment of Cancer Patients in Japan” *Japanese Journal of Clinical Oncology* (2011).

Md. Abdul Goni dan Md. Mahfuzur Rahman (2012), “Knowledge and Awareness on HIV/AIDS among Blood Donors: A Study in Rajshahi, Bangladesh”, *International Journal of Public Health Research* (2012).

Mohamed Azam Mohamed Adil, “Undang-Undang Perceraian Islam: Hak-hak Isteri Semasa dan Selepas Iddah”, *Jurnal Undang-undang* 2 (1998).

Okour, A., Alkhateeb, M., Amarin, Z., “Awareness of danger signs and symptoms of pregnancy complication among women in Jordan”, *International Journal of Gynecology and Obstetrics* 1 (2011): 118.

Raihanah Haji Abdullah, “Peruntukan Kewangan Bagi Wanita Islam Dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan”, *Jurnal Syariah* 1 (1993):8

Sarikhani, N., “Level of Awareness of Muslim Working Woman Toward Their Right in Islam: A Case Study in Government Offices in Mysore, *Journal of Social Science* 18(3) (2009).

Suwaid bin Tapah, “Kedudukan Hak Isteri Dari Perspektif Hukum Syarak Dan Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia”, *Jurnal Syariah* 1 (2000): 8.

Zainab Ghadar Band Shirazifard & Ali Edalati, “Investigating The Employed Married Woman’s Awareness Level of Marriage Rights: Case Study in Neiriz, Iran”, *Journal of Asian Social Science* 8 (2012).

Rujukan Kertas Kerja Seminar

Ahmad Ibrahim, “Perundangan Islam di Kelantan”, Kertas Kerja Seminar Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam Kelantan di Kota Bharu, 20-21 Julai 1971.

_____, “Undang-undang Keluarga Islam Yang Baru” Kertas Kerja Seminar Perundangan Islam di Kuala Lumpur, 24 Ogos 1986.

Muhammad Asri Abdullah, “Sejauhmana Penyelarasan dan Penyeragaman Undang-undang Islam Telah Berlaku dan Sambutan Negeri-negeri”. Kertas Kerja Seminar Penyelarasan dan Penyeragaman Undang-Undang Peringkat Kebangsaan, Universiti Malaya, 2011.

Mahmud Saedon Awang Othman, “Hak-Hak Wanita Dalam Undang-Undang Keluarga Islam” Kertas Kerja Seminar Serantau Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita di Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1998.

Naemah bt. Amin, “Peruntukan Undang-Undang Mengenai Hak Selepas Perceraian” Kertas Kerja Seminar Undang-Undang Kekeluargaan Islam di UIAM, 1990.

Prof. Madya Dr Raihanah Abdullah, Prof. Madya Dr. Raihanah Azhari, Dr Wirdawati Mohd Razali, Dr Fuadah, Siti Ahiasah Shafak Ahmad, Projek Hak-hak Kewangan Wanita Selepas Perceraian: Kajian Perbandingan Di Mahkamah Syariah Dan Pengadilan Agama Indonesia di Universiti Malaya, t.tp.

Raihanah Haji Abdullah, "Hak-hak Wanita di dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia" Kertas Kerja Seminar Wanita dan Perundangan Syarie, Pulau Pinang, 1998.

Syeikh Ghazali bin Abdul Rahman, "Perlaksanaan, Amalan dan Permasalahan Undang-undang Keluarga Islam: Pengalaman Wilayah Persekutuan" Kertas Kerja Seminar Perlaksanaan Undang-undang Peringkat Kebangsaan, 1989.

Rujukan Kepada Tesis dan Disertasi.

Fadzilah bt. Muhammad Ali, "Tahap Kesedaran Alam Sekitar di Kalangan Pelajar Sekolah di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah: Satu Kajian", Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti kebangsaan Malaysia, 1999.

Hajah Masnon bt. Hj. Ibrahim, "Hak Wanita Dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Brunei", Disertasi Doktor Falsafah, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001.

Lim, Evelyn Ai Lin, "A Study On Environmental Awareness, Knowledge And Attitude Towards Tropical Rainforest Issues Among Melaka Secondary School Students", Disertasi Sarjana, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, 2004.

Mahamatayuding Samah, "Tuntutan Selepas Perceraian Bagi Wanita Islam: Satu Kajian Terhadap amalannya di Tiga Wilayah Selatan Thailand", Disertasi Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011.

Maznah Abd. Samad, "Kesedaran Kerjaya Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Rendah Di Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan", Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 1992.

Norazlina binti Mohd Nasir, "Pembaharuan Dalam Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia", Kertas Projek Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002.

Nur Akhmal Ismail, "Kesedaran Pelajar Tentang Pendidikan Alam Sekitar Dalam Kurikulum (PAS) Geografi", Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2005.

Raman Annamalai, "Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar India di Dua Buah Sekolah Menengah di Pelabuhan Klang", Disertasi Sarjana, Fakulti pendidikan, Universiti Malaya, 2000.

Rus-Sunani binti Hassan, "Hak-Hak Wanita Dalam Undang-undang Keluarga Islam dan Enakmen Keluarga Islam di Malaysia: Rujukan Khusus di Negeri

Kelantan”, Disertasi Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaysia, 2005.

Samihah binti Hj. Abdul Rahman, “Hak-hak Wanita selepas Perceraian Mengikut Hukum Syarak”, Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.

Siti Nor Ahiasah bt. Shafak Ahmad, “Amalan Penetapan Kadar Mahar Dalam Kalangan Masyarakat Islam di Daerah Klang, Selangor: Analisis dari Perspektif Perundangan Islam”, Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011.

Shadli bin Sabarudin, “Hak-hak Wanita Selepas Pembubaran Perkahwinan, Satu Kajian Perbandingan Antara Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 Dengan Undang-Undang Islam”, Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008.

Sharifah Zakaria, “Kurikulum Pendidikan Alam Sekitar Maktab Perguruan: Kesedaran Guru Pelatih”, Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 1998.

Tan, Peck Leong, “Awareness & Attitude Towards Environmental Issues : A Case Study In Section 17, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan”, Disertasi Sarjana, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, 2001.

Rujukan Kepada Temubual

Nurul Huda binti Zakaria, Penolong Pegawai Undang-undang, Jabatan Bantuan Guaman Kelantan, dalam temubual dengan penulis, 16 Januari 2012.

Tuan Haji Mohd Anwan Bin Abdul Muttalib, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu., dalam temubual dengan penulis, 16 Januari 2013.

Rujukan Kepada Laman Sesawang

Datin Noor Aziah Haji Mohd Awal, “Pembelaan Hak Wanita Melalui Undang-undang di Malaysia, slide wacana Hadhari Siri Keempat”, dicapai 27 Jan 2012, <http://www.ukm.my/hadhari/sites>.

Jabatan Perangkaan Malaysia, “Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010”, dicapai pada 10 September 2012, <http://www.statistics.gov.my>.

Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam, “Latar Belakang Majlis Perbandaran Kota Bharu”, dicapai pada 22 Feb 2013, <http://www.mpkbbri.gov.my/>.

Rujukan Kepada Akhbar

Najibah Hassan, “Wanita Perlu Tahu Hak Mereka”, *Utusan Malaysia*, 16 Disember 1995.

Nurhidayah Muhd Hashim, “Cetek Pengetahuan Punca Wanita Tak Pertahan Hak”, *Berita Harian Online*, 12 Oktober 2010.

Penulis tidak diketahui, “Penguatkuasaan Enakmen Keluarga Islam Turunkan Peratus Cerai di Kelantan”, *Utusan Malaysia*, 29 November 1986.

Wan Norazah Wan Chik, “Buta Hak Punca Wanita Dianiaya”, *Utusan Malaysia*, 13 April 1995.

LAMPIRAN A:

No. Siri: _____

BORANG SOAL SELIDIK

**KAJIAN KEFAHAMAN WANITA TERHADAP PERUNTUKAN HAK SELEPAS
BERCERAI MENURUT ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
NEGERI KELANTAN NO.6/2002:
KAJIAN DI KOTA BHARU**

Soal selidik ini dijalankan adalah untuk memenuhi keperluan bagi ijazah sarjana bahagian II (secara berkursus dan penyelidikan), Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

PANDUAN MENJAWAB BORANG SOAL SELIDIK

- i. Soal selidik ini bertujuan mengkaji kefahaman wanita terhadap peruntukan hak selepas bercerai menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 6/2002.
- ii. Sebarang maklumat yang anda berikan adalah dirahsiakan dan hanya digunakan untuk kajian penyelidikan ini semata-mata.
- iii. Borang soal selidik ini mengandungi 4 Bahagian iaitu A, B,C dan D.
- iv. Sila tandakan dengan jujur dan ikhlas berdasarkan pandangan anda yang sebenar kerana maklumat yang anda berikan adalah amat berguna untuk kajian ini.
- v. Segala kerjasama anda diucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih.

Yang Benar,

.....
(MOHD KHAIRUL ANUAR BIN ISMAIL)

BAHAGIAN A: MAKLUMAT DEMOGRAFI RESPONDEN

ARAHAN: Sila isi maklumat dengan menandakan (✓) dalam petak berkenaan.

1. Umur

<input type="checkbox"/>	20-30 tahun
<input type="checkbox"/>	31-40 tahun
<input type="checkbox"/>	41-50 tahun
<input type="checkbox"/>	51-60 tahun
<input type="checkbox"/>	61 tahun keatas

2. Status perkahwinan

<input type="checkbox"/>	Bujang
<input type="checkbox"/>	Berkahwin
<input type="checkbox"/>	Berceraai

3. Taraf pendidikan tertinggi

<input type="checkbox"/>	UPSR
<input type="checkbox"/>	SRP / PMR
<input type="checkbox"/>	SPM
<input type="checkbox"/>	STAM / STPM / Diploma
<input type="checkbox"/>	Ijazah sarjana muda
<input type="checkbox"/>	Ijazah lanjutan
<input type="checkbox"/>	Lain-lain (sila nyatakan):_____.

**BAHAGIAN B: PENGETAHUAN DAN KEFAHAMAN WANITA TERHADAP
HAK-HAK SELEPAS BERCERAI**

ARAHAN: Sila isi maklumat dengan menandakan (✓) dalam petak berkenaan.

1. Adakah anda memahami tentang hak-hak yang diperuntukkan terhadap wanita selepas bercerai?

<input type="checkbox"/>	Ya
<input type="checkbox"/>	Tidak
<input type="checkbox"/>	Tidak pasti

2. Adakah anda faham bahawa isteri yang diceraikan berhak menerima hak-hak berikut?

	Ya	Tidak	Tidak pasti
i. Mas Kahwin Tertunggak	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
ii. Nafkah Iddah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
iii. Mut'ah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
iv. Harta Sepencarian	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
v. Hadhanah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

3. Sila berikan respons anda kepada kenyataan-kenyataan berikut:

<p><u>ARAHAN:</u> Sila bulatkan pada nombor yang berkenaan mengikut skala yang ditetapkan berdasarkan persepsi anda.</p>	<p>Skala: ① Ya ② Tidak Pasti ③ Tidak</p>
i. Mas kahwin merupakan hak mutlak isteri.	① ② ③
ii. Isteri berhak menuntut mas kahwin daripada suaminya walaupun telah bercerai.	① ② ③
iii. Setiap wanita yang diceraikan berhak mendapat mut'ah.	① ② ③
iv. Isteri yang diceraikan tanpa sebab berhak menuntut mut'ah daripada bekas suaminya.	① ② ③
v. Apabila berlaku perceraian, isteri perlu keluar dari rumah.	① ② ③
vi. Isteri nusyuz tidak berhak memperoleh nafkah iddah dan tempat tinggal.	① ② ③
vii. Ibu adalah paling berhak menjaga anak kecilnya selepas berlaku perceraian.	① ② ③
viii. Ibu tidak lagi mempunyai hak ke atas penjagaan anaknya setelah berkahwin lain.	① ② ③
ix. Isteri yang tidak bekerja (suri rumah) juga berhak untuk menuntut harta sepencarian.	① ② ③
x. Bekas isteri berhak menuntut hartamilik suaminya sebelum berkahwin yang diusahakan bersama ketika berkahwin.	① ② ③

BAHAGIAN C: TINDAKAN RESPONDEN TERHADAP HAK-HAK MEREKA
SELEPAS BERCERAI

ARAHAN: Sila isi maklumat dengan menandakan (✓) dalam petak berkenaan

1. Adakah anda pernah di ceraikan?

<input type="checkbox"/>	Ya
<input type="checkbox"/>	Tidak

2. Sekiranya 'Ya', adakah anda membuat tuntutan terhadap hak anda selepas bercerai?

<input type="checkbox"/>	Ya
<input type="checkbox"/>	Tidak

3. Sekiranya 'Tidak' (*soalan 1*), andai kata berlaku perceraian ke atas diri anda, adakah anda akan membuat tuntutan terhadap hak anda selepas bercerai?

<input type="checkbox"/>	Ya
<input type="checkbox"/>	Tidak

4. Bagaimanakah cara anda melakukan tuntutan-tuntutan tersebut?

<input type="checkbox"/>	Persendirian
<input type="checkbox"/>	Biro Bantuan Guaman
<input type="checkbox"/>	Firma Guaman Swasta
<input type="checkbox"/>	Peguam Jabatan Agama Islam

5. Apakah faktor yang mendorong anda membuat tuntutan tersebut?

<input type="checkbox"/>	Kesedaran sendiri
<input type="checkbox"/>	Dorongan keluarga
<input type="checkbox"/>	Dorongan rakan
<input type="checkbox"/>	Melalui media
<input type="checkbox"/>	Lain-lain, (sila nyatakan):_____.

6. Pada pandangan anda, apakah yang menyebabkan ramai wanita yang diceraikan tidak membuat apa-apa tuntutan walaupun layak?

<input type="checkbox"/>	Masa perbicaraan yang panjang.
<input type="checkbox"/>	Telah diberi hak yang sepatutnya oleh bekas suami.
<input type="checkbox"/>	Beranggapan tuntutan tersebut akan mengaibkan diri sendiri.
<input type="checkbox"/>	Kurangnya kefahaman tentang hak-hak wanita selepas bercerai.

**BAHAGIAN D: AKSESIBILITI MAKLUMAT RESPONDEN TERHADAP
UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM BERKAITAN HAK-HAK WANITA
SELEPAS BERCERAI.**

ARAHAN: Sila isi maklumat dengan menandakan (✓) dalam petak berkenaan.

1. Pernahkan anda melihat Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6/2002?

<input type="checkbox"/>	Ya
<input type="checkbox"/>	Tidak
<input type="checkbox"/>	Tidak pasti

2. Pernahkah anda membaca peruntukan mengenai hak-hak wanita selepas bercerai dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6/ 2002?

<input type="checkbox"/>	Ya
<input type="checkbox"/>	Tidak
<input type="checkbox"/>	Tidak pasti

3. Adakah anda pernah menghadiri seminar / ceramah / kursus tentang hak-hak wanita selepas bercerai?

<input type="checkbox"/>	Ya
<input type="checkbox"/>	Tidak
<input type="checkbox"/>	Tidak pasti

4. Adakah anda akan menghadiri seminar / ceramah / kursus tentang undang-undang keluarga Islam pada masa akan datang?

<input type="checkbox"/>	Ya
<input type="checkbox"/>	Tidak
<input type="checkbox"/>	Tidak pasti

5. Apakah sumber yang anda rujuk untuk mendapatkan pengetahuan atau maklumat tentang undang-undang keluarga Islam?

<input type="checkbox"/>	Media cetak (majalah, buku, surat khabar dll)
<input type="checkbox"/>	Media elektronik (televisyen, radio, internet)
<input type="checkbox"/>	Guru agama (ustaz/ustazah)
<input type="checkbox"/>	Imam Masjid
<input type="checkbox"/>	Peguam Syarie
<input type="checkbox"/>	Jabatan Agama Islam
<input type="checkbox"/>	NGO (badan/persatuan wanita)
<input type="checkbox"/>	Sahabat / keluarga

6. Pada pandangan anda, adakah televisyen dan radio menyediakan program-program yang mencukupi berkaitan undang-undang Keluarga Islam?

<input type="checkbox"/>	Ya
<input type="checkbox"/>	Tidak
<input type="checkbox"/>	Tidak pasti


7. Pada pandangan anda, adakah media cetak (surat khabar, majalah, buku dll) menyediakan maklumat yang mencukupi berkaitan undang-undang keluarga Islam?

<input type="checkbox"/>	Ya
<input type="checkbox"/>	Tidak
<input type="checkbox"/>	Tidak pasti

8. Adakah anda masih memerlukan penerangan lanjut daripada pihak-pihak tertentu berhubung hak-hak wanita selepas bercerai?

<input type="checkbox"/>	Ya
<input type="checkbox"/>	Tidak
<input type="checkbox"/>	Tidak pasti

LAMPIRAN B:
PETA NEGERI KELANTAN



LAMPIRAN C:

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NO. 6 TAHUN 2002

**ENAKMEN 6 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM 2002**

**BAHAGIAN II - PERKAHWINAN
Permulaan Kepada Perkahwinan**

Seksyen 21. Mas kahwin dan pemberian.

(1) Mas kahwin hendaklah biasanya dibayar oleh pihak lelaki atau wakilnya kepada pihak perempuan atau wakilnya di hadapan orang yang mengakadnikahkan perkahwinan itu dan sekurang-kurangnya dua orang saksi lain.

(2) Pendaftar hendaklah, mengenai tiap-tiap perkahwinan yang hendak didaftarkan olehnya, menentu dan merekodkan-

- (a) nilai dan butir-butir lain mas kahwin;
- (b) nilai dan butir-butir lain pemberian;
- (c) nilai dan butir-butir lain apa-apa bahagian mas kahwin atau pemberian atau kedua-duanya yang telah dijanjikan tetapi tidak dijelaskan pada masa akad nikah itu, dan tarikh yang dijanjikan untuk penjelasan; dan
- (d) butir-butir cagaran yang diberi bagi menjelaskan mas kahwin atau pemberian.

Copyright © PNMB-LawNet. All rights reserved.

**ENAKMEN 6 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM 2002**

BAHAGIAN V - PEMBUBARAN PERKAHWINAN

Seksyen 59. Hak terhadap mas kahwin, dsb., tidak akan tersentuh.

Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh menyentuh apa-apa hak yang mungkin ada pada seseorang isteri di bawah Hukum Syarak terhadap mas kahwinnya dan pemberian kepadanya atau apa-apa bahagian daripadanya apabila perkahwinannya dibubarkan.

Copyright © PNMB-LawNet. All rights reserved.

ENAKMEN 6 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM 2002

BAHAGIAN V - PEMBUBARAN PERKAHWINAN

Seksyen 58. Mut'ah atau pemberian saguhati kepada perempuan yang diceraikan tanpa sebab yang patut.

Selain daripada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon *mut'ah* atau pemberian saguhati kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut Hukum Syarak.

Copyright © PNMB-LawNet. All rights reserved.

ENAKMEN 6 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM 2002

BAHAGIAN VI - NAFKAH ISTERI, ANAK DAN LAIN-LAIN

Seksyen 60. Kuasa Mahkamah memerintah nafkah bagi isteri, dan efek nusyuz.

(1) Tertakluk kepada Hukum Syarak Mahkamah boleh memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya.

(2) Tertakluk kepada Hukum Syarak dan pengesahan Mahkamah, seseorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila dia nusyuz atau enggan dengan tidak berpatutan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya, iaitu, antara lain-

(a) apabila dia menjauhkan dirinya dari suaminya;

(b) apabila dia meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya; atau

(c) apabila dia enggan berpindah bersama suaminya ke satu rumah atau tempat lain,

tanpa apa-apa sebab yang sah mengikut Hukum Syarak.

(3) Selepas sahaja isteri itu bertaubat dan menurut kemahuan dan perintah sah suaminya, maka isteri itu tidaklah lagi menjadi nusyuz.

Copyright © PNMB-LawNet. All rights reserved.

ENAKMEN 6 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM 2002

BAHAGIAN VI - NAFKAH ISTERI, ANAK DAN LAIN-LAIN

Seksyen 66. Hak terhadap nafkah atau pemberian selepas perceraian.

(1) Hak bagi seseorang isteri yang telah bercerai untuk menerima nafkah daripada suaminya yang dahulu di bawah sesuatu perintah Mahkamah hendaklah terhenti apabila tamat tempoh 'iddah atau apabila isteri menjadi nusyuz.

(2) Hak isteri yang diceraikan untuk menerima pemberian daripada bekas suaminya di bawah sesuatu perjanjian hendaklah terhenti di atas perkahwinan semula isteri itu.

Copyright © PNMB-LawNet. All rights reserved.

ENAKMEN 6 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM 2002

BAHAGIAN VI - NAFKAH ISTERI, ANAK DAN LAIN-LAIN

Seksyen 72. Hak tempat tinggal.

(1) Seseorang perempuan yang diceraikan adalah berhak tinggal di rumah di mana dia biasa tinggal semasa dia berkahwin selagi suami tidak mendapatkan tempat tinggal lain yang sesuai untuk isteri.

(2) Hak tempat tinggal yang diperuntukkan dalam subsekyen (1) akan terhenti-

- (a) jika tempoh 'iddah telah tamat;
- (b) jika tempoh penjagaan anak telah tamat;
- (c) jika perempuan itu telah berkahwin semula; atau
- (d) jika perempuan itu telah bersalah melakukan perbuatan yang memberahikan secara terbuka (*fahisyah*),

dan sesudah itu suami boleh memohon kepada Mahkamah supaya dikembalikan rumah itu kepadanya.

Copyright © PNMB-LawNet. All rights reserved.

ENAKMEN 6 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM 2002

BAHAGIAN VIII - PELBAGAI
Pembahagian Harta Sepencarian

Seksyen 122. Kuasa Mahkamah memerintah pembahagian harta sepencarian.

(1) Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

(2) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang-

- (a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperolehi aset-aset itu;
- (b) apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;
- (c) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada,

dan, tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.

(3) Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat perintah perceraian, memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu dibahagi antara mereka atau supaya aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

(4) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (3), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada-

- (a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset itu, kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga;
- (b) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada,

dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi, walau bagaimana pun, pihak yang telah memperolehi aset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.

(5) Bagi maksud seksyen ini, rujukan-rujukan mengenai aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan termasuklah aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum

perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama mereka.

ENAKMEN 6 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM 2002

BAHAGIAN VII - PENJAGAAN
Hadhanah atau Penjagaan Kanak-Kanak

Seksyen 82. Orang yang berhak menjaga kanak-kanak.

(1) Tertakluk kepada seksyen 83, ibu adalah yang paling berhak dari segala orang bagi menjaga anak kecilnya dalam masa ibu itu masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan.

(2) Jika Mahkamah berpendapat bahawa ibu adalah hilang kelayakan di bawah Hukum Syarak dari mempunyai hak terhadap hadhanah atau penjagaan anaknya, maka hak itu, tertakluk kepada subseksyen (3), hendaklah berpindah kepada salah seorang yang berikut mengikut susunan keutamaan yang berikut, iaitu-

- (a) nenek sebelah ibu hingga ke atas;
- (b) bapa;
- (c) nenek sebelah bapa hingga ke atas;
- (d) kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
- (e) kakak atau adik perempuan seibu;
- (f) kakak atau adik perempuan sebapa;
- (g) anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
- (h) anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu;
- (i) anak perempuan dari kakak atau adik perempuan sebapa;
- (j) emak saudara sebelah ibu;
- (k) emak saudara sebelah bapa;
- (l) waris lelaki yang boleh menjadi warisnya sebagai 'asabah atau residuari:

Dengan syarat penjagaan orang demikian tidak menjejaskan kebajikan kanak-kanak itu.

(3) Tiada seseorang lelaki berhak terhadap penjagaan seseorang kanak-kanak perempuan melainkan lelaki itu adalah seorang muhrim, iaitu, dia mempunyai pertalian dengan kanak-kanak perempuan itu dalam mana dia dilarang berkahwin dengannya.

(4) Tertakluk kepada seksyen 83 dan 85, jika ada beberapa orang dari keturunan atau peringkat yang sama, kesemuanya sama berkelayakan dan bersetuju menjaga kanak-kanak itu, penjagaan hendaklah diamanahkan kepada orang yang mempunyai sifat-sifat paling mulia yang menunjukkan perasaan paling kasih sayang kepada kanak-kanak itu, dan jika kesemuanya sama mempunyai sifat-sifat kemuliaan, maka yang tertua antara mereka adalah berhak mendapat keutamaan.

**ENAKMEN 6 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM 2002**

**BAHAGIAN VII - PENJAGAAN
Hadhanah atau Penjagaan Kanak-Kanak**

Seksyen 83. Kelayakan-kelayakan yang perlu untuk penjagaan.

Seseorang yang mempunyai hak mendidik seseorang kanak-kanak, adalah berhak menjalankan hak terhadap hadhanah jika-

- (a) dia adalah seorang Islam;
- (b) dia adalah sempurna akal;
- (c) dia berumur yang melayakkan dia memberi kepada kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang yang mungkin diperlukan oleh kanak-kanak itu;
- (d) dia berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah; dan
- (e) dia tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.

**ENAKMEN 6 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM 2002**

**BAHAGIAN VII - PENJAGAAN
Hadhanah atau Penjagaan Kanak-Kanak**

Seksyen 84. Bagaimana hak penjagaan hilang.

Hak seseorang perempuan terhadap hadhanah adalah hilang-

- (a) jika perempuan itu berkahwin dengan seseorang yang tidak mempunyai pertalian dengan kanak-kanak itu yang orang itu dilarang berkahwin dengan kanak-kanak itu, jika penjagaannya dalam hal sedemikian akan menjejaskan kebajikan kanak-kanak itu tetapi haknya untuk penjagaan akan kembali semula jika perkahwinan itu dibubarkan;
- (b) jika perempuan itu berkelakuan buruk secara keterlaluan dan terbuka;
- (c) jika perempuan itu menukar pemastautinannya dengan tujuan untuk mencegah bapa kanak-kanak itu dari menjalankan pengawasan yang perlu

- ke atas kanak-kanak itu, kecuali bahawa seseorang isteri yang bercerai boleh mengambil anaknya sendiri ke tempat lahir isteri itu;
- (d) jika perempuan itu *murtad*;
- (e) jika perempuan itu mencuaikan atau menganiaya kanak-kanak itu.

Copyright © PNMB-LawNet. All rights reserved.

ENAKMEN 6 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM 2002

BAHAGIAN VII - PENJAGAAN
Hadhanah atau Penjagaan Kanak-Kanak

Seksyen 85. Lamanya penjagaan.

(1) Hak hadinah bagi menjaga seseorang kanak-kanak adalah tamat setelah kanak-kanak itu mencapai umur tujuh tahun, jika kanak-kanak itu lelaki, dan umur sembilan tahun, jika kanak-kanak itu perempuan, tetapi Mahkamah boleh, atas permohonan hadinah, membenarkan dia menjaga kanak-kanak itu sehingga kanak-kanak itu mencapai umur sembilan tahun, jika kanak-kanak itu lelaki, dan umur sebelas tahun, jika kanak-kanak itu perempuan.

(2) Setelah tamatnya hak hadinah, penjagaan adalah turun kepada bapa, dan jika kanak-kanak itu telah mencapai umur kecerdikan (*mumaiyiz*), maka kanak-kanak itu adalah berhak memilih untuk tinggal dengan sama ada ibu atau bapanya, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

Copyright © PNMB-LawNet. All rights reserved.